



# Mutiara • buletin



**PERCUMA**

[www.buletinmutiara.com](http://www.buletinmutiara.com)

**1 – 15 DISEMBER, 2017**



<http://www.facebook.com/buletinmutiara>  
<http://www.facebook.com/cmlimguaneng>

## **Pulau Pinang Bangkit membantu tidak kira kaum atau agama, cermin semangat Malaysia dan Pulau Pinang**



**HERO-hero Sukarelawan Banjir Peringkat Kepala Batas ketika diraikan dalam majlis khas di sini baru-baru ini.**

Teks & Gambar : **ZAINULFAQAR YAACOB**

**CHAN WEI HONG**, 18, merupakan salah seorang daripada 100 individu yang diraikan dalam Majlis Hero Sukarelawan Banjir Peringkat Kepala Batas baru-baru ini.

Beliau merupakan Komander Gerakan Sukarelawan Banjir bagi Persekutuan Pengakap Malaysia (Pengakap).

Sejak hari bencana pada 4 November lalu lagi, beliau bersama-sama sembilan anggota pengakap lain menyertai Gerakan Sukarelawan Banjir (GSB), di bawah Pegawai Penyelaras Khas Parlimen Kepala Batas, Lay Hock Peng.

Ahli Majlis bagi Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Mohamad Shaipol Ismail merupakan Setiausaha GSB.

“Walaupun Gerakan Sukarelawan Banjir (GSB) yang disertai kami, anggota Pengakap ini, sebenarnya ditubuhkan di peringkat Parlimen Kepala Batas, tetapi kerja-kerja membantu mangsa-mangsa bencana adalah meliputi sampai kawasan Tasek Gelugor

dan Permatang Pauh.

“Seperti saya dan anggota Pengakap lain, kami terlibat dalam kerja-kerja sukarelawan ini sampai di kawasan Tasek Gelugor, yang banjirnya paling teruk, ada kawasan (banjir) setinggi enam kaki.

“Sejak hari bencana (4 November 2017), saya bersama-sama anggota Pengakap lain telahpun menubuhkan pasukan untuk kerja-kerja sukarelawan, dan apabila mendapat tahu GSB di Kepala Batas ini memerlukan lebih ramai anggota, kami pun bergabung di sini selama dua minggu.

“Pengalaman yang ada antaranya menempuhi banjir enam kaki, membantu memindahkan penduduk yang terperangkap dan mengagihkan bekalan makanan ke pusat-pusat pemindahan banjir,” jelasnya ketika ditemui Buletin Mutiara pada majlis keraian khas di sini baru-baru ini.

*(Bersambung di muka 28).*

### **Jawapan Parlimen Menteri Pengangkutan: PIA bakal diperbesar hampir 100%**

**GEORGE TOWN** - Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (PIA) bakal diperbesarkan hampir 100 peratus daripada kapasiti 6.5 juta penumpang setahun kini kepada 12 juta (penumpang).

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng dalam kenyataan akhbarnya pada 30 November lalu memberitahu, melalui jawapan bertulis di Dewan Rakyat yang diterimanya daripada Menteri Pengangkutan menyatakan bahawa Kerajaan Persekutuan melalui pembentangan Bajet 2018 pada 27 Oktober lalu telah bersetuju menaik taraf PIA.

"Pada masa ini, perbincangan dengan MAHB (Malaysia Airports Holding Berhad) mengenai pelaksanaan projek menaik taraf PIA sedang dijalankan dan kos untuk projek berkaitan masih belum dikenal pasti," ujarnya yang juga Ahli Parlimen Bagan merujuk kepada salinan jawapan berkaitan.

Terdahulu melalui soalan kepada menteri berwajib, Guan Eng mempersoalkan mengapa projek menaik taraf PIA masih belum diluluskan apabila jumlah penumpang pada tahun 2016 telah melebihi kapasiti 6.5 juta penumpang dan dijangka akan meningkat melebihi 7.1 juta penumpang tahun ini.

Difahamkan, sehingga Oktober 2017, jumlah penumpang yang dikendalikan di PIA meningkat sebanyak 449,580 orang kepada 5,922,259 penumpang berbanding 5,472,679 penumpang pada tempoh sama tahun 2016.

Lapangan terbang lain merekodkan pertumbuhan antara -8.5 peratus sehingga 13.5 peratus berbanding PIA 8.2 peratus.

Guan Eng sebelum ini pernah menyuarakan bahawa jumlah penumpang di PIA telah mencapai kapasiti maksimum dan dikatakan suasana di PIA sama seperti di pasar malam.

# 43 kontinjen sertai Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Negeri Pulau Pinang

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**  
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

**JAWI** - Sebanyak 43 kontinjen menyertai Sambutan Maulidur Rasul atau Hari Keputeraan Baginda Nabi Muhammad S.A.W. Peringkat Negeri Pulau Pinang baru-baru ini.

Seawal 8.15 pagi, perarakan sejauh 650 meter (m) dimulakan dari padang awam Institut Latihan Perindustrian (ILP) Nibong Tebal ke Masjid Nurul Iman Jalan Bukit Panchor di sini.

Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon diiringi Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna merangkap Pengerusi Jawatankuasa induk majlis sambutan, Dato' Abdul Malik Abul Kassim menyempurnakan acara pelepasan perbarisan kontinjen.

Turut serta, Timbalan Yang di-Pertua Dewan

Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang, Dato' Maktar Shapee; barisan Exco Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang; Ahli Parlimen Nibong Tebal, Dato' Mansor Othman dan Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Seri Farizan Darus.

Mohd. Rashid dalam pada itu turut menyempurnakan majlis sambutan Maulidur Rasul di dewan solat utama masjid.

Sempena sambutan tersebut, Imam Utama Masjid Daerah Barat Daya (DBD), Ustaz Luqmanul Hakim Mokhtar menyampaikan ceramah perdana, manakala, Imam Utama Masjid Daerah Seberang Perai Selatan (SPS), Ustaz Mohd. Zaki Abdul Halim pula memimpin ibadah solat serta tazkirah Dhuha.

Tema sambutan Maulidur Rasul pada kali ini adalah "Islam Rahmatun Lil 'Alamin" yang bermaksud Islam Rahmat Ke Seluruh Alam.



**MOHD. Rashid Hasnon** (dua dari kanan), **Abdul Malik Abul Kassim** (kanan sekali) dan **Farizan Darus** (tiga dari kanan) berada di pentas utama menyambut kontinjen-kontinjen perarakan sempena Sambutan Maulidur Rasul di sini baru-baru ini.



**KONTINJEN** Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) menyambut kemenangan mereka setelah berjaya muncul juara Anugerah Kontinjen Terbaik Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Negeri Pulau Pinang.

## Hikmah tersirat di sebalik bencana banjir, amalan Al-Islam Rahmatun Lil' Alamin tular seluruh tanah air – Exco

**GEORGE TOWN** – Konvensyen Al-Islam Rahmatun Lil' Alamin merupakan platform untuk warga negeri Pulau Pinang mencintai ilmu dalam pelbagai aspek.

Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri & Hal Ehwal Pengguna, Dato' Abdul Malik Abul Kassim berkata, pengajuran tersebut telah diisi dengan pelbagai pengisian ilmiah dan program berskala besar.

"Saya amat berharap program-program yang dianjurkan sebegini dapat menambah ilmu pengetahuan kita ke arah melahirkan sebuah masyarakat negeri Pulau Pinang yang sejahtera dan dapat merasai bahawa Islam adalah agama yang membawa rahmat ke seluruh alam.

"Masyarakat Pulau Pinang perlulah sentiasa bersemangat untuk menambah ilmu pengetahuan ke peringkat yang lebih tinggi serta mendalami semua aspek ilmu samada Fardu Ain atau Fardu Kifayah.

"Malah, semua kertas cadangan yang kita bentangkan di Konvensyen Al-Islam Rahmatun Lil Alamin lalu telah dibukukan untuk tatapan semua," ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Maung pada ucapatama majlis perasmian konvensyen tersebut di sini baru-baru ini.

Hadir menyempurnakan majlis perasmian, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon.

Di antara program-program yang berlangsung sepanjang tiga hari

konvensyen tersebut adalah seminar motivasi keluarga, muzakarah 'Masjid Sebagai Pusat Pembangunan Ummah', konvensyen perundangan syariah yang membincangkan mengenai wakaf dari perspektif agama dan realiti, forum wanita Islam dan khulafa' al-Rasyidin serta ucapatama bersama Dr. Jasser Audah iaitu seorang Pakar Maqasid Syariah.

Bersesuaian dengan pendekatan yang ingin diketengahkan Kerajaan Negeri iaitu Islam adalah agama yang membawa rahmat ke seluruh alam, Abdul Malik menyatakan bahawa bencana banjir yang berlaku pada 4 dan 5 November lalu tersimpan hikmah tersirat di sebalik peristiwa tersebut yang mana konsep Al-Islam Rahmatun Lil Alamin telah menjadi tular di seluruh pelosok tanah air.

"Sepagimana yang kita ketahui, ketika musibah tersebut baru-baru ini, Surau Taman Free School telah mempratikkan konsep tersebut ketika bencana banjir.

"Mereka telah berusaha menempatkan mangsa-mangsa banjir yang bukan beragama Islam di dalam surau tersebut...tahniat dan penghargaan tak terhingga diucapkan kepada Pengerusi dan Bilal Surau Taman Free School.

"Justeru, saya berharap semua masyarakat Islam di seluruh Pulau Pinang dapat mempratikkan amalan mulia ini agar dapat menjinakkan hati-hati masyarakat bukan Islam untuk cuba memahami ajaran Islam sebenarnya," ujarnya.



Oleh: **ME**

By: **Azmi Hussin**

# Dasar negeri berkebajikan, *Mutiara Food Bank* sampai bantuan makanan secara langsung dari rumah ke rumah



**FARIZAN Darus** (tiga dari kiri) bertukar-tukar dokumen dengan **Rick Chee** (tiga dari kanan) sambil disaksikan Ketua Menteri, **Phee Boon Poh** (dua dari kiri) dan **Saifuddin Nasution Ismail** (kiri sekali) selepas selesai majlis menandatangani MoU di sini baru-baru ini.

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**  
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**GEORGE TOWN** – Kerajaan Negeri menerusi program pelaksanaan *Mutiara Food Bank* memeterai memorandum persefahaman (MoU) dengan *Food Aid Foundation* bagi membantu golongan kurang berkemampuan termasuk asnaf, fakir dan miskin di Pulau Pinang.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, jalinan kerjasama kedua-dua pihak tersebut merupakan satu lagi inisiatif baru Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam menyampaikan bantuan makanan secara langsung dari rumah ke rumah.

“Kerajaan Negeri sentiasa mempelopori dasar negeri berkebajikan bagi memberi peluang kepada rakyat di negeri ini menikmati manfaat secara langsung.

“Setiap kelompok masyarakat akan menerima faedah dan manfaat tanpa terkecuali, dan ini dapat dilihat melalui pelaksanaan Program i-Sejahtera iaitu Program-program Emas dan Agenda Ekonomi Saksama (AES) iaitu suatu program pembasmian kemiskinan

tegar di Pulau Pinang.

“(Dan) melalui AES, Kerajaan Negeri telah membelanjakan RM23,215,968 sejak 2009 sehingga kini, iaitu mana-mana keluarga yang berpendapatan per kapita kurang daripada RM220 sebulan, kita (Kerajaan Negeri) akan tambah nilai sehingga genap RM220.

“Melalui program ini, Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) turut ditingkatkan kepada RM790 sebulan dalam usaha menghapuskan kemiskinan tegar di Pulau Pinang, dan saya suka maklumkan bahawa tiada kemiskinan tegar di negeri ini,” ujarnya pada sidang media sejouris majlis pemeteraian MoU itu di sini 20 November lalu.

Pemeteraian tersebut adalah antara Kerajaan Negeri yang diwakili Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Seri Farizan Darus dan *Food Aid Foundation* yang diwakili pengasasnya, Rick Chee.

Hadir sama, Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh; Penasihat Strategik Ketua Menteri Pulau Pinang yang juga teraju *Mutiara Food Bank*, Datuk Saifuddin Nasution Ismail dan Ketua



**SEBAHAGIAN** penerima hasil sumbangan bantuan makanan program *Mutiara Food Bank*.



Pegawai Eksekutif Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang, Dato' Ir. Jaseni Maidinsa.

Pengarah Operasi Food Aid Foundation, Hayati Ismail; Pengerusi Persatuan Chef Pulau Pinang, Audee Chia dan wakil Persatuan Hotel Pulau Pinang, Melvin Ooi turut sama hadir pada majlis tersebut.

Dalam pada itu, Guan Eng turut memuji pasukan *Mutiara Food Bank*, *Food Aid Foundation* dan Persatuan Chef Pulau Pinang apabila menjadi pasukan terawal membantu mangsa-mangsa banjir baru-baru ini.

“Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih dan menyatakan kesediaan Kerajaan Negeri untuk terus mendokong usaha murni seperti ini pada masa hadapan.

“Bak kata pepatah 'berat sama dipikul, ringan sama dijinjing', ibarat 'hati nyamuk sama dicecah, hati gajah sama dilapah', Kerajaan Negeri akan berkongsi kekayaan dan kejayaan bersama-sama setiap golongan rakyat di negeri ini,” katanya.

Sementara itu, Saifuddin ketika ditemui berkata, *Mutiara Food Bank* telahpun beroperasi sejak bulan Mei 2017 dengan memilih 10 Kawasan Dewan Undangan

Negeri (KADUN) sebagai perintis projek.

“Sejak projek ini dilaksanakan, kira-kira 7,000 penerima iaitu enam KADUN di Seberang Perai dan pulau (4)...terdiri daripada keluarga berpendapatan rendah, kurang berkemampuan, fakir, miskin dan asnaf menerima manfaat.

“MoU pada hari ini (20 November) akan menjadi permulaan penting kerana mulai tahun hadapan operasi *Mutiara Food Bank* ini akan diperluaskan dengan penyertaan daripada Persatuan Chef Pulau Pinang dan Persatuan Hotel Pulau Pinang.

“Manakala proses pengagihan pula akan dilakukan setiap hari mengikut kawasan yang dipilih, dan rata-rata setiap keluarga terpilih akan menerima sumbangan makanan ini dua kali seminggu,” jelasnya.

Difahamkan, *Mutiara Food Bank* akan menerima bekalan seperti sayuran, buah-buahan serta makanan bakeri daripada pasar raya Tesco Stores (Malaysia) dan mulai tahun hadapan, makanan sejuk beku daripada pihak hotel akan dibekalkan kepada penerima terpilih dengan memperkenalkan dapur pusat di lokasi-lokasi terpilih.

## 16 Badan Berkanun, agensi Kerajaan Negeri Pulau Pinang perbaharui lafaz IBR

**GEORGE TOWN** – Seramai 211 anggota daripada 16 Badan-badan Berkanun dan Agensi Kerajaan Negeri Pulau Pinang memperbaharui iltizam menentang dan membanteras rasuah melalui lafaz Ikrar Bebas Rasuah (IBR) pada 16 November lalu.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng yang hadir menyaksikan upacara tersebut berkata, lafaz tersebut menunjukkan komitmen pegawai-pegawai daripada badan-badan berkanun dan agensi Kerajaan Negeri dalam usaha meningkatkan integriti dan memastikan prestasi Kerajaan Negeri terus berada pada tahap terbaik sekaligus menjadikan Pulau Pinang sebuah negeri bebas rasuah.

“Kerajaan Negeri tidak mahu mudah alpa dengan kecemerlangan demi kecemerlangan yang diraih sepanjang tahun 2008 hingga 2017.

“Justeru, bagi memastikan prestasi berada pada tahap terbaik, Kerajaan Negeri akan terus memantau, mengkaji dan menambah baik tadbir urus sedia ada dengan menerapkan dan memperkasakan integriti dalam kalangan anggota perkhidmatan awam negeri melalui Mesyuarat Jawatankuasa Integriti dan Tadbir Urus (JITU),” ucapnya pada Majlis IBR Badan Berkanun dan Agensi Kerajaan

Negeri Pulau Pinang di sini.

Turut sama, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon; Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy; barisan Exco Kerajaan Negeri; Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Seri Farizan Darus serta Pengarah Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Pulau Pinang, Datuk Abd. Aziz Aban.

Menurut Guan Eng, Kerajaan Negeri telah melaksanakan IBR pada 4 Ogos 2017 dengan melibatkan Exco-Exco Kerajaan Negeri, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN), Ahli Parlimen, Ketua-ketua Jabatan dan pihak berkuasa tempatan (PBT).

“Pelaksanaan IBR di Pulau Pinang unik kerana kita (Kerajaan Negeri) menerapkan tambahan 10 langkah integriti yang mencerminkan komitmen untuk menjadi negeri bebas rasuah.

“Antaranya, amalan pentadbiran berlandaskan Prinsip Cekap, Akauntabiliti dan Telus (CAT), menginstitusikan pengisytiharan harta secara terbuka oleh Ketua Menteri, Exco dan ADUN, melaksanakan tender secara terbuka, tidak membenarkan ahli keluarga melibatkan diri dalam kontrak Kerajaan Negeri, melarang ADUN dan ahli pentadbiran daripada diluluskan permohonan tanah Kerajaan Negeri, melindungi pemberi maklumat

atau peniup wisel yang tulen, mengambil tindakan terhadap pemimpin yang hidup mewah melebihi pendapatan rasminya, telus dalam sumbangan politik, tidak menerima 'sumbangan' peribadi dan mengambil tindakan terhadap pegawai yang melanggar langkah integriti,” jelasnya.

Dalam pada itu, Abdul Aziz ketika ditemui menzahirkan ucapan syabas dan tahniah atas inisiatif berterusan Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam memerangi rasuah.

“Kesungguhan kepimpinan Y.A.B. Ketua Menteri dalam memastikan kepimpinan negeri bebas rasuah harus diteladani.

“Usaha dalam memerangi rasuah merupakan usaha secara kolektif dan tidak hanya diletakkan di bahu agensi berwajib sahaja.

“(Dan) gejala ini semakin serius apabila ia melibatkan penjawat awam yang menjadi tulang belakang kerajaan.

“Oleh itu, saya berharap agar dapat memelihara integriti dan tanggungjawab yang diamanahkan berlandaskan norma-norma integriti yang digariskan,” katanya.

Dalam perkembangan sama, Farizan memaklumkan sepanjang tahun 2016,



**KETUA** Pegawai Eksekutif Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP), Dato' Ir. Jaseni Maidinsa mengetuai bacaan lafaz ikrar Majlis IBR Badan Berkanun dan Agensi Kerajaan Negeri Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

seramai 47 anggota pentadbiran awam Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah dikenakan tindakan tata tertib.

“Tindakan buang kerja telah diambil terhadap mereka yang kerap tidak hadir ke pejabat dan mempunyai kes jenayah...lain-lain tindakan melibatkan penurunan gaji, tangguh dan lucutkan gaji.

“(Dan) kes-kes yang dikenakan tindakan ini melibatkan penjawat awam negeri daripada Kumpulan Sokongan I dan II, dan bukannya daripada Kumpulan Pengurusan kerana Kumpulan Pengurusan adalah di bawah bidang kuasa Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA),” ujarnya.

# RM5.43 juta kepada JPS Negeri laksana kerja kecemasan pasca banjir, maklum Exco

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**  
Gambar : **SHUM JIAN-WEI**

**AIR ITAM** – Kerajaan Negeri menyalurkan peruntukan berjumlah RM5.43 juta kepada Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Pulau Pinang bagi melaksanakan kerja-kerja kecemasan pasca banjir.

Perkara tersebut dimaklumkan Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow ketika mengadakan lawatan terhadap kerja-kerja membaiki pulih jambatan di Jalan Thean Teik merentasi Sungai Dondang di sini baru-baru ini.

Kon Yeow berkata, peruntukan tersebut adalah daripada Kerajaan Negeri dan Wang Caruman Perparitan dalam menangani kes-kes kecemasan pasca banjir yang terjejas baru-baru ini.

“Bagi Daerah Timur Laut (DTL), kita peruntukan RM1.32 juta dan sebahagiannya dapat dilihat melalui kerja-kerja baik pulih jambatan ini yang terjejas oleh hakisan akibat banjir pada 4 dan 5 November lalu.

“Lawatan ini adalah sebagai contoh yang kita (Kerajaan



**KEADAAN** Sungai Dondang kini.

Negeri) salurkan peruntukan kerja-kerja kecemasan... demi memastikan keadaan pulih sedia kala dan memudahkan penduduk sekitar yang menggunakan laluan ini setiap hari,” ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota pada lawatan berkaitan.

Hadir sama, ADUN Air Itam, Wong Hon Wai dan Jurutera JPS DTL, Nortilawati Osman.

Mengulas lanjut, Kon Yeow memberitahu bahawa peruntukan tersebut mungkin akan bertambah sekiranya terdapat aduan daripada

penduduk berhubung kerosakan kemudahan-kemudahan lain.

“Kerja-kerja yang dijalankan di sini termasuklah mendalamkan sungai sejauh 300 meter (m), pemasangan *sheetpiling rivowall* sepanjang 40m dan membaiki *rubberwall* yang terhakis sebanyak 40m persegi bagi memastikan tebing sungai lebih kukuh dan stabil.

“Apabila siap kelak, ianya akan memastikan aliran air Sungai Dondang lebih lancar dan tiada runtutan tebing berlaku,”



**CHOW** Kon Yeow (dua dari kanan), barisan kepimpinan Kerajaan Negeri dan wakil-wakil JPS Negeri ketika mengadakan lawatan memantau pelaksanaan kerja-kerja membaiki pulih jambatan di Jalan Thean Teik merentasi Sungai Dondang di sini baru-baru ini.

jelasnya.

Dalam pada itu, menurut Nortilawati, antara kerja-kerja lain di DTL yang sedang dijalankan ialah di jambatan Jalan Scotland dekat pertembungan Sungai Kecil dan Sungai Air Itam yang menelan belanja sebanyak RM500,000.

“Kita (JPS) juga menerima aduan daripada pihak Sekolah Menengah Teknik (SMT) Tunku Abdul Rahman Putra berkenaan tebing di sebuah jambatan yang berada dalam sekolah tersebut.

“Projek ini belum dimulakan lagi dan anggaran kos adalah bernilai RM100,000,” jelasnya.

(Rujuk juga muka 15).

## Urus tadbir CAT, Bantuan Pendaftaran Ke IPT berjaya manfaatkan 21,661 pelajar - KM

**PULAU BETONG** - Hasil urus tadbir Cekap, Akauntabel dan Telus (CAT), Kerajaan Negeri mampu membelanjakan RM20,042,900 sebagai sumbangan kemasukan pelajar ke institusi pengajian tinggi (IPT) sejak tahun 2008 hingga 2017.

Perkara tersebut dinyatakan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng ketika berucap di Majlis Penyampaian Bantuan Pendaftaran Pelajar Ke IPT Bagi Kemasukan Sesi Akademik 1 Tahun 2017/2018 di Dewan Pasar Awam Balik Pulau di sini 23 November lalu.

Katanya, sumbangan tersebut juga membantu meringankan beban penerima yang berjumlah 21,661 pelajar dalam tempoh tahun berkaitan (2008 hingga 2017).

“Adalah amat penting untuk anak-anak kita menguasai ilmu pengetahuan dalam meningkatkan ekonomi diri dan ahli keluarga.

“Justeru, Kerajaan Negeri membuat pelaburan pada aspek modal insan kerana Pulau Pinang tiada sumber semulajadi seperti minyak, balak dan lain-lain,” katanya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Putih pada majlis berkaitan.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri I, Dato’ Mohd. Rashid Hasnon; Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ Abdul Malik Abul Kassim; Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (PPK) Teluk Bahang, Halil Sabri Hamid dan PPK Bayan Lepas, Azrul Mahathir Aziz.

Bersempena majlis tersebut, difahamkan pemberian *one-off* Bantuan Pendaftaran Pelajar Ke IPT Bagi Kemasukan Sesi Akademik 1 Tahun 2017/2018 peringkat Daerah Barat Daya adalah melibatkan 278 penerima.

Daripada jumlah berkaitan, seramai 16 penerima yang berjaya melanjutkan pelajaran ke IPT di Sabah



**KETUA** Menteri dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri bergambar kenangan bersama-sama penerima dan wakil masing-masing pada Majlis Penyampaian Bantuan Pendaftaran Pelajar Ke IPT Bagi Kemasukan Sesi Akademik 1 Tahun 2017/2018 Peringkat Daerah Barat Daya di sini baru-baru ini.

dan Sarawak masing-masing menerima bayaran bantuan sebanyak RM1,200 berbanding Semenanjung (RM1,000).

Guan Eng dalam pada itu turut mengajak ibu bapa supaya ‘memujuk’ anak-anak untuk pulang ke Pulau Pinang kerana negeri ini adalah amat memerlukan tenaga kerja dalam membangunkan ekonomi negeri.

“Ini dibuktikan melalui pelaburan berjumlah RM7.7 bilion yang diterima negeri ini untuk separuh tahun pertama 2017.

“Saya akui ada kilang yang tutup, tetapi angka membuktikan bahawa lebih banyak kilang dibuka di Pulau Pinang berbanding yang ditutup, sehinggakan kita (Pulau Pinang) kekurangan tenaga kerja, dan masih banyak peluang pekerjaan ditawarkan,” jelasnya.

## Kerajaan Negeri akan usaha baiki semula rumah mangsa kebakaran, jika dibenar pemilik tanah

**SUNGAI PINANG** - Ketua Menteri, Y.A.B Tuan Lim Guan Eng bersama-sama barisan kepimpinan Kerajaan Negeri turun padang mengadakan lawatan khas terhadap mangsa-mangsa kebakaran di Jalan Madrasah, Jelutong di sini 28 November lalu.

Bersempena lawatan berkaitan, Guan Eng menyatakan bahawa Kerajaan Negeri akan berusaha membantu memperbaiki rumah mangsa-mangsa kebakaran terbabit pada kadar secepat mungkin.

“Tadi, saya dengar permintaan daripada keluarga mangsa yang mohon Kerajaan Negeri untuk bantu ‘repair’ ..., kita (Kerajaan Negeri) akan usaha perbaiki.

“Namun, ianya tertakluk kepada syarat mereka mestilah pemilik, kalau tanah persendirian kita (Kerajaan Negeri) boleh melakukannya.

“Saya akan arahkan YB Phee Boon Poh (Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar) untuk lihat bagaimana kita (Kerajaan Negeri) boleh bantu, dan kita (Kerajaan Negeri) boleh buat sekiranya dibenarkan oleh pemilik tanah,” katanya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Putih di sini.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri I, Dato’ Mohd. Rashid Hasnon; Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ Abdul Malik Abul Kassim dan ADUN Sungai Pinang, Lim Siew Khim.

Mengulas lanjut, Guan Eng menyatakan bahawa beliau amat memahami isi hati penduduk asal kawasan tersebut yang seboleh-bolehnya ingin kekal di tanah tersebut.

Pada lawatan tersebut, sumbangan RM2,500 turut diberikan kepada setiap (tiga) keluarga mangsa dalam kejadian kebakaran kira-kira jam 5:15 petang sehari sebelum itu.

“Hari ini (28 November), saya sampaikan RM2,500 iaitu RM1,000 daripada saya, RM1,000 Tabung Bencana TYT dan RM500 daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM),” jelasnya.

Dalam pada itu, salah seorang mangsa, Azlan Abdul Rahim 33, peniaga dadih, menyatakan bahawa beliau berasa terharu atas kehadiran Ketua Menteri.

“Rasa terharulah dengan kehadiran dan sumbangan ini, ringan sikit beban. Terima kasih kepada semua pihak yang sudi tolong kami,” ujarnya.

## Pulau Pinang sasar Taman Botani bertaraf antarabangsa, diiktiraf UNESCO

**KEBUN BUNGA** - Sebagai langkah pertama menambah baik Taman Botani untuk diperbadankan, Pulau Pinang dijangka menandatangani memorandum persefahaman (MoU) dengan pihak Taman Botani Singapura awal 2018.

Menurut Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo, MoU tersebut adalah penting memandangkan Taman Botani Singapura merupakan salah satu taman botani contoh yang menerima pengiktirafan di peringkat antarabangsa.

“Saya harap pada Januari ini, pihak Taman Botani Singapura dapat mengadakan lawatan ke Taman Botani Pulau Pinang untuk meninjau serta menandatangani MoU tersebut sebagai langkah memperkasakan lagi lokasi berkaitan kepada bertaraf antarabangsa, dan seterusnya mendapat pengiktirafan daripada UNESCO sebagai Tapak Warisan Dunia.

“Malah, kita (Kerajaan Negeri) pada 31 Julai lalu juga mengadakan lawatan G to G (Kerajaan ke Kerajaan) untuk mendapatkan khidmat nasihat daripada mereka (Singapura) serta memindahkan kepakaran pihak berkaitan dalam bidang botani ke Pulau Pinang.

“Seperti yang saya tekankan sebelum ini, tujuan memperbadankan Taman Botani ini kerana kita mahu taman botani negeri ini menjadi sebuah taman bertaraf dunia, pusat rujukan, pemuliharaan, kajian dan pembelajaran, peningkatan fungsi, pengurusan profesional serta sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO yang terkenal,” jelasnya pada sidang media di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Pengarah Jabatan Taman Botani, Mohd. Azwa Shah Ahmad dan Kurator Jabatan Taman Botani, Dr. Saw Leng Guan.

Menyentuh tentang kebimbangan sesetengah pihak berkenaan bayaran masuk bakal dikenakan, Jagdeep bagaimanapun menepis dakwaan itu.

“Kita lihat di Singapura, sungguhpun mereka ada tarikan khas seperti *Flower Dome* dan *Cloud Forest*, namun mereka



**JAGDEEP Singh Deo (tengah) bersama-sama Mohd. Azwa Shah Ahmad (kanan sekali) dan Dr. Saw Leng Guan pada sidang media di sini baru-baru ini.**

masih tidak mengenakan sebarang bayaran.

“Orang ramai berpeluang menghadiri sesi pendengaran awam untuk melihat cadangan penambahbaikan ini seawal Januari 2018, dan suku pertama tahun hadapan saya harap Taman Botani dapat digazetkan,” katanya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat.

Dalam pada itu, Leng Guan memberitahu, selain faktor jarak yang hampir, Taman Botani Singapura juga dipilih berdasarkan faktor sejarah yang mana kedua-dua taman botani (Pulau Pinang dan Singapura) adalah diasaskan oleh pihak Inggeris.

“Taman Botani kita sebenarnya lebih luas daripada Singapura, dan saya yakin apabila diperbadankan, taman botani ini mampu capai tahap tertinggi.

“Taman Botani kita bertuah kerana mempunyai latar belakang semulajadi pemandangan Bukit Bendera dan hutan semulajadi di samping kedudukan yang amat strategik berdekatan dengan George Town yang sudah diiktiraf sebagai Tapak Warisan Dunia,” ujar beliau.

## JMB, MC perlu dididik penduduk jelaskan yuran penyelenggaraan penting

**PANTAI JEREJAK** - Daripada jumlah keseluruhan 2,305 skim rumah berstrata di negeri ini, hanya sejumlah 1,409 sahaja berjaya membentuk Badan Pengurusan Bersama (JMB) dan Perbadanan Pengurusan (MC), ujar Jagdeep Singh Deo.

Ulas Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan berkaitan, daripada jumlah itu, sebanyak 599 skim perumahan di negeri ini masih tidak membentuk dan mempunyai JMB dan MC.

Katanya, Pulau Pinang mempunyai sekitar 1.6 juta penduduk yang mana 1.06 juta daripadanya menetap di kediaman bertingkat.

“Jumlah 599 skim yang masih belum membentuk JMB dan MC ini, pengurusannya harus ditangani mereka sendiri iaitu penduduk ataupun oleh negeri.

“Justeru, Kerajaan Negeri akan memastikan JMB dan MC dibentuk di bawah undang-undang Akta Hak Milik Strata 1985,” ujarnya ketika hadir pada Majlis Perasmian Seminar Keberkesanan JMB/MC Di Bawah Akta Pengurusan Strata (SMA2013) di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Pengerusi Pertubuhan Juruukur Diraja Malaysia (RISM) Cawangan Utara, Datuk Sr. Lim Chien Aun.

Seminar tersebut adalah anjuran RISM Cawangan Utara yang bertujuan membincangkan isu-isu berkaitan pengurusan hartanah berstrata.

Mengulas lanjut, Jagdeep yang merupakan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat memberitahu, perkara paling penting adalah pihak JMB dan MC harus mendidik penduduk terhadap kepentingan menjelaskan yuran penyelenggaraan.

“Kegagalan penduduk untuk berbuat demikian boleh menyebabkan tindakan diambil terhadap mereka di bawah Seksyen 34 Akta Pengurusan Strata 2013.

“Akta ini dikuatkuasakan bagi pemberdayaan gaya hidup baru di komuniti berstrata demi faedah bersama,” jelas beliau.

## Diskaun bil air 'Pulau Pinang Bangkit' dipapar mulai Januari 2018 - Jaseni

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**

**AIR PUTIH** - Orang ramai tidak perlu membuat permohonan diskaun bil air 'Pulau Pinang Bangkit' kepada Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) kerana ia dijana secara automatik dan dicetak pada bil air yang akan dikeluarkan bermula Januari depan.

Perkara tersebut dimaklumkan Ketua Pegawai Eksekutif PBAPP, Dato' Ir. Jaseni Maidinsa ekoran pertanyaan umum berhubung permohonan diskaun tersebut.

Jaseni berkata, diskaun untuk penggunaan bil air bulan semasa iaitu November tidak akan dipaparkan lagi.

“Sebaliknya, diskaun ini hanya akan dilihat (dipapar) dalam bil-bil air bulan akan datang, kerana sistem IT PBAPP perlu membuat pengiraan

diskaun bagi setiap individu pengguna.

“Terdapat kitaran pengebilan yang berbeza terhadap 589,797 pengguna berdaftar di Pulau Pinang.

“Bergantung kepada kitaran pengebilan air, diskaun akan dilihat pada bil bermula Januari sehingga Mac 2018,” katanya pada sidang media di sini 25 November lalu.

Hadir sama, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng yang juga Pengerusi PBAPP.

Mengulas lanjut, Jaseni memberitahu bahawa kitaran bil untuk pelbagai kumpulan dan kategori air di Pulau Pinang adalah berbeza iaitu kitaran pengebilan untuk pengguna domestik adalah dua bulan sekali, manakala perniagaan secara bulanan atau setiap dua bulan.

“Bagi pengguna domestik, sebanyak 50 peratus diskaun akan

diberikan, manakala surcaj penjimatan air (100 peratus).

“Diskaun bil untuk bulan Oktober - November hanya akan dikreditkan pada Februari 2018 dan bil bulan November - Disember (Mac 2018).

“Begitu juga untuk kategori perniagaan yang menerima bil setiap dua bulan yang mana diskaun 25 peratus akan tertera pada bil bulan Februari 2018 untuk penggunaan air Oktober - November dan Mac 2018 (November - Disember),” jelasnya.

Mengulas lanjut, tambah Jaseni, berlainan pula untuk perniagaan yang dibilkan setiap bulan, jenis-jenis perniagaan ini akan menerima diskaun 25 peratus.

“Mereka ini akan menerima bil pada Januari 2018 bagi penggunaan air November 2017 dan Februari 2018 (Disember),” ujar beliau.



**IR. Jaseni Maidinsa.**

Menurut Jaseni, bagi pengguna domestik dan perniagaan yang melibatkan bil dengan jumlah minimum tidak akan menikmati diskaun tersebut.

“Perniagaan perkapalan tidak akan menerima manfaat ini ekoran

mereka tidak terlibat dengan banjir.

“Manakala, untuk pengguna yang sekiranya mereka menerima jumlah bil yang positif sahaja perlu membuat pembayaran, sebaliknya jika negatif tidak perlu membayar apa-apa,” kata beliau.

## Tidak puas hati, Datuk Bandar gesa pemaju tambah baik sistem aliran air tapak pembinaan Bukit Kukus elak notis henti kerja

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**  
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**PAYA TERUBONG** - Datuk Bandar bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Dato' Maimunah Mohd. Sharif menggesa pihak pemaju untuk mengambil langkah-langkah keselamatan dengan menambah baik aliran air di tapak pembinaan dekat Bukit Kukus di sini.

Meskipun, katanya, pihak pemaju telah mengambil tindakan menangani aliran lumpur di kawasan berkaitan, namun MBPP masih tidak berpuas hati dengan penambahbaikan yang diambil.

"Saya telah mengarahkan pihak pemaju untuk menutup semua permukaan cerun terdedah yang mana kerja-kerja telahpun disiapkan dan menambah dua kolam takungan serta penapisan air menjadikan kesemuanya lima kolam takungan.

"Pihak pemaju juga diminta untuk memastikan penapisan air ini lebih berkesan melalui penyediaan *check dam* dan lapisan geoteknikal supaya aliran air lumpur dapat dielakkan selain menjalankan kerja-kerja menyelenggara kolam takungan dengan lebih kerap seperti mengeluarkan selut, membaiki tebing dan mendalamkan kawasan takungan," katanya kepada pemberita sejurum lawatan tapak ke kawasan

pembinaan di sini 22 November lalu.

Hadir sama, Pengarah Jabatan Kejuruteraan bagi MBPP, Ir. Addnan Mohd. Razali; Timbalan Pengarah Kejuruteraan, Ir. A. Rajendran dan Jurutera Perunding Geoteknikal, M. Srinivasan.

Menurut Maimunah, MBPP memandang serius kejadian aliran air lumpur yang berlaku baru-baru ini, dan akan meneruskan pemantauan dari masa ke masa.

"MBPP tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan tegas seperti memberi notis berhenti kerja sekiranya aliran air lumpur masih berlaku di tapak ini.

"Kita (MBPP) mahu air yang mengalir ke sistem perparitan adalah bersih, bukannya berwarna seperti 'kopi susu'," tegasnya.

Menjawab soalan pemberita berhubung status keselamatan cerun di Bukit Kukus ini, Srinivasan mengesahkan bahawa kawasan tersebut adalah selamat walaupun kerja-kerja pembinaan jalan berkembar menghubungkan Paya Terubong dan Bukit Jambul sedang dilaksanakan.

Difahamkan, kebenaran merancang tapak pembangunan



**MAIMUNAH Mohd. Sharif** pada sidang media di sini baru-baru ini.

di kawasan berkaitan telah diluluskan sejak tahun 1985, namun terbengkalai sebelum pelan kebenaran merancang di atas Lot 9819 diluluskan semula pada Mac 2016.

## Usaha Kerajaan Negeri perkasa pendidikan Islam dipuji LEPAI



**ABDUL Malik Abul Kassim** (duduk, lima dari kiri) merakam gambar kenangan pada perjumpaan bersama-sama warga LEPAI di sini baru-baru ini.

**SEBERANG JAYA** - Usaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam memperkasakan pendidikan Islam di negeri ini menerima pujian dan pengiktirafan Lembaga Penasihat Penyelarasan Pelajaran dan Pendidikan Agama Islam (LEPAI).

Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' Abdul Malik Abul Kassim berkata, dalam perjumpaan bersama-sama warga LEPAI baru-baru ini, pihaknya menerima pujian atas kesungguhan Kerajaan Negeri menaikkan syiar Islam.

"Malah, mereka (LEPAI) nampak usaha-usaha yang kita (Kerajaan Negeri) lakukan di sini demi memperkasakan pendidikan Islam dan ia tidak terhad melalui bantuan kepada sekolah-sekolah agama dan hal ehwal Islam semata-mata.

"Lagipun, usaha memperkasakan pendidikan Islam ini adalah amat penting supaya dapat mengembalikan zaman-zaman kegemilangan ilmuan Islam suatu masa dahulu," katanya pada majlis berkaitan di sini baru-baru ini.

Menurut Abdul Malik, sejak 2008 hingga 2017, Kerajaan Negeri telah membelanjakan sebanyak RM457 juta dalam memperkasakan syiar Islam di Pulau Pinang berbanding RM249 juta dari tahun 1999 hingga 2007.

Difahamkan, perjumpaan bersama-sama 60 warga LEPAI daripada seluruh negara dekat sini baru-baru ini antara lain adalah untuk membincangkan pelaksanaan kurikulum bersepadu bahasa Arab, menaik taraf pusat-pusat bahasa Arab, menubuhkan tabung khas bagi pengurusan Islam dan soal pengurusan sekolah-sekolah tahfiz di negeri ini.

"Kita (Kerajaan Negeri) akan perhalusi bidang-bidang dalam pengurusan hal ehwal Islam bagi mengelakkan percanggahan tugas.

"Selain itu, dalam soal pengurusan sekolah tahfiz, pihak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) juga berharap institusi sekolah agama ini dapat didaftarkan agar perjalanan sekolah ini lebih licin," katanya yang turut mahu melihat institusi ini lebih terurus.

## Meterai MoU aplikasi mudah alih Doctor2U demi kesihatan rakyat

**GEORGE TOWN** - Doctor2U, aplikasi penjagaan kesihatan mudah alih kini dilancarkan di Pulau Pinang bagi memudahkan warga negeri mengakses perkhidmatan kesihatan dari rumah melalui teknologi tersebut.

Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin berkata, perkhidmatan yang disediakan menerusi aplikasi berkaitan adalah termasuk lawatan doktor ke rumah, perundingan secara video, sembang langsung (*live chat*), rekod perubatan kesihatan elektronik, ambulans dan e-dagang.

"Semua perkhidmatan ini disediakan sepanjang masa, antaranya membolehkan seseorang berbulat secara profesional dengan pakar perubatan profesional, ahli farmasi, pakar pemakanan serta psikiatri mengikut keselesaan dan privasi pesakit di rumah.

"Malah, perkhidmatan Doctor2U ini turut mempunyai ciri sembang langsung terhadap aplikasi yang akan disediakan

secara percuma kepada semua rakyat Pulau Pinang," katanya pada Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara Kerajaan Negeri dan Ali Health Sdn. Bhd., iaitu pemilik aplikasi Doctor2U di sini baru-baru ini.

Mewakili Kerajaan Negeri ialah Afif, manakala Ali Health Sdn. Bhd., Ketua Pegawai Eksekutif Doctor2U, Garvy Beh sambil disaksikan Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon.

Mengulas lanjut, Afif memberitahu, pemeteraian kerjasama berkaitan juga membolehkan rakyat Pulau Pinang menerima diskaun eksklusif melalui aplikasi mudah alih Doctor2U.

"Diskaun ini akan diperolehi melalui kod promo yang hanya tersedia untuk warga negeri Pulau Pinang dengan tawaran lebih menarik yang telah dirancang," jelasnya sambil menyatakan bahawa aplikasi berkaitan mempunyai lebih daripada 3,500 pengguna aktif harian kini.




**MOHD. Rashid Hasnon** (kanan sekali) menyaksikan pemeteraian MoU ditandatangani Dr. Afif Bahardin (tengah) dan Garvy Beh pada majlis berkaitan di sini baru-baru ini.

# Tidak perlu terbang ke UK, 'Immersive Interactive Exhibit' pertama Asia Tenggara kini di TDP



KETUA Menteri dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri merasai suasana salji bersempena Majlis Peluncuran Immersive Interactive Exhibit dekat TDP di sini baru-baru ini.



INTERAKTIF secara tiga dimensi di kamar.

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**  
Gambar : **ALISSALA THIAN**

**GEORGE TOWN** - Pertama di Asia Tenggara, pameran interaktif secara tiga dimensi kini boleh dialami pengunjung *Tech Dome Penang* (TDP) dekat Komtar di sini.

Mengulas lanjut, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, warganegara atau penduduk Asia Tenggara tidak perlu lagi terbang beribu-ribu batu ke United Kingdom dan memadai ke Pulau Pinang sahaja, bagi menimba pengalaman dalam kamar 'Immersive Interactive Exhibit' di TDP.

"Tech Dome Pulau Pinang (TDP) bertuah kerana terpilih sebagai lokasi untuk pameran teknologi sains ini, mungkin pertama bukan sahaja di Malaysia bahkan Asia

Tenggara.

"Pengunjung yang ke sini (TDP) selepas ini berpeluang menimba pengalaman paling istimewa dalam penerokaan sains secara interaktif pada tahap keupayaan terkini, dengan hanya (bertandang) ke Tech Dome Pulau Pinang (TDP)," katanya pada majlis peluncuran pameran tersebut di sini baru-baru ini.

Difahamkan, 'Immersive Interactive Exhibit' adalah terdiri oleh keupayaan teknologi tinggi dengan menggunakan kepelbagaian projektor dan sensor laser, hatta mewujudkan persekitaran pelbagai dimensi seolah-olah alam realiti sebenar ataupun dunia fantasi, kepada mereka yang berada dalam kamar interaktif tersebut.

Ruang kamar interaktif berteknologi tinggi berkenaan dibuka dengan sokongan Kerajaan Negeri untuk tujuan

pembelajaran dan latihan berkaitan alam sains di TDP.

Tambah Guan Eng, dekat United Kingdom, kira-kira 70 sistem interaktif seumpama itu telah dipasang, namun di Asia Tenggara sehingga kini hanya ada sebuah sahaja dekat TDP.

"Sistem ini digunakan di sekolah-sekolah, pendidikan khas dan menyediakan latihan untuk hospital, kecemasan dan anggota keselamatan," jelasnya.

Sebelum itu, Ketua Pegawai Eksekutif Penang Tech Centre Berhad, Dr. Khong Yoon Loong turut merakamkan penghargaan pihak berkenaan kerana memperkenalkan fasiliti berteknologi tinggi itu kepada TDP.

Hampir semua Exco Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang menyertai majlis pelancaran pembukaan tersebut.

## Sambutan Hari Tandas Sedunia diharap jadikan tandas Pulau Pinang terbersih negara suatu hari nanti – KM

**GEORGE TOWN** - Masuk tahun ketujuh, sambutan Hari Tandas Sedunia Peringkat Negeri Pulau Pinang diraikan di tengah-tengah Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town baru-baru ini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, komitmen Kerajaan Negeri terus meraikan keraian sedunia itu akan mempopularkan Pulau Pinang sebagai negeri yang mempunyai tandas paling bersih di tanah air ini, kelak.

"Sesebuah bandar raya boleh dianggap bersih apabila tandas-tandas awam bersih...apabila tandas semua bersih, barulah orang tahu Pulau Pinang bersih.

"Kalau boleh, Pulau Pinang jadi tandas No.1 paling bersih di Malaysia," jelasnya pada majlis sambutan berkaitan serentak dengan penganjuran acara 'Occupy Beach Street' di sini.

Sebelum itu, Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow ketika berucap berharap Kerajaan Negeri tidak perlu lagi menganjurkan acara berkaitan selepas 10 tahun penganjuran kelak, kerana Pulau Pinang berjaya mencapai taraf negeri yang mempunyai tandas paling



PERTUNJUKKAN fesyen kanak-kanak menggunakan bahan kitar semula yang menjadi tumpuan utama penganjuran.

bersih di tanah air ini.

Datuk Bandar Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Dato' Maimunah Mohd. Sharif antara pemimpin negeri yang menyertai sambutan acara tahunan tersebut.

Pertandingan fesyen kanak-kanak daripada bahan kitar semula antara acara menarik, selain majlis penyampaian Anugerah Tandas Terbersih Pulau Pinang meliputi sembilan kategori.



SEBAHAGIAN pemenang penganjuran pertandingan bersempena sambutan Hari Tandas Sedunia Peringkat Negeri Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

# Festival Makanan Jom Jiak! saji kepelbagaian makanan popular

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**  
Gambar : **WONG BOON FOEI**

**BUKIT TAMBUN** – Penganjuran Festival Makanan Jom Jiak! yang diadakan sempena sambutan ulang tahun pertama *Design Village Outlet Mall (DVO)* pada 24



**SEBAHAGIAN** gerai makanan yang mengambil bahagian.

November lalu bukan sahaja menyajikan pelbagai makanan berkonsepkan kafe, malah turut menghidangkan makanan-makanan popular Pulau Pinang.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, festival makanan yang berlangsung selama tiga hari itu membolehkan pengunjung menikmati kepelbagaian sajian makanan di bawah satu bumbung.

“Lebih 100 peniaga makanan turut serta dalam penganjuran yang julung kali diadakan di sini, antaranya restoran nasi kandar tertua di Pulau Pinang, Restoran Hameediyah; Mee Sotong Seeni; *Air Itam Sister Curry Mee*; Laksa Penang Road, *Post Office Fried Oyster* dan beberapa operator kendera saji di negeri ini.

“(Dan) di Pulau Pinang di mana ada makanan, di situlah ada pelanggan kerana jolokan yang diberikan oleh ramai pelancong, Pulau Pinang Syurga Makanan,” ucapnya menyempurnakan majlis pelancaran penganjuran festival itu di sini.

Hadir sama, Pengerusi PE Land Sdn. Bhd., Datuk Jason Tai, Pengarah Urusan PE Land Sdn. Bhd., James Ling dan Pengarah Eksekutif PE Land Sdn. Bhd., Joanna Ling.

Selain menyajikan kepelbagaian makanan, festival tersebut turut diserikan



**KETUA Menteri** ketika menyampaikan ucapan Majlis Pelancaran Festival Makanan Jom Jiak! di sini baru-baru ini.

dengan pelbagai persembahan daripada penghibur jalanan (*busker*), kugiran dan penampilan chef selebriti.

Pada masa sama, para pengunjung juga berpeluang menyertai bengkel penyediaan makanan dan aktiviti kekeluargaan yang diadakan sepanjang tiga hari penganjurannya.

Upacara tembakan bunga api ke udara sebagai gimik perasmian disaksikan lebih

1,000 pengunjung yang hadir memeriahkan Festival Makanan Jom Jiak!.

Difahamkan dari Januari hingga Oktober 2017, seramai 1,431,666 pengunjung dicatatkan dengan jumlah jualan mencecah RM101 juta pada kadar RM70.76 seorang pengunjung berbelanja di sini. Manakala pengunjung dari Thailand, Singapura dan China pula direkodkan berjumlah 16,736 orang.

## Exco Kebajikan nasihat awam jangan tertipu sindiket pengemis jalanan

**GEORGE TOWN** - Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh berharap peluncuran kempen 'Bijak Membantu, Elak Tertipu' dapat meningkatkan kesedaran awam mengenai sindiket penipuan dengan berpura-pura menjadi golongan pengemis jalanan.

Ketika berucap, beliau turut menasihati semua pihak supaya berhati-hati dengan peminta sedekah palsu, bertopengkan nama agama dan pertubuhan kebajikan.

“Sindiket atau bilangan pengemis kian bertambah sejak tahun 2014... pengemis-pengemis tersebut adalah terdiri daripada orang tempatan dan juga pendatang asing.

“Mereka menggunakan pelbagai taktik untuk menipu umum melalui aktiviti mengemis dan meminta sedekah,” jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Puyu pada majlis berkenaan di sini 23 November lalu.

Sempena peluncuran kempen itu, menurut Boon Poh, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) negeri akan menyiarkan kempen elektronik melalui papan iklan digital dekat Simpang Enam bertentangan Jalan Dato' Keramat, skrin besar di Komtar



**PHEE Boon Poh** (tiga dari kanan) beramah-mesra sambil mengedarkan kit kepada umum berhubung sindiket pengemis palsu bersempena Pelancaran Kempen 'Bijak Membantu, Elak Tertipu' di sini baru-baru ini.

dan *ICT Digital Mall*.

Dalam perkembangan berkaitan, beliau turut merakamkan penghargaan kepada pegawai-

pegawai JKM serta beberapa ketua jabatan kerajaan berwajib yang turut menyertai majlis peluncuran kempen nilai tersebut.

## 650 pelajar dijangka sertai Program Sainis Muda TDP

**GEORGE TOWN** – *Tech Dome Penang* (TDP) dengan kerjasama Penggerak Komuniti Muda Pulau Pinang (PEKA) mengambil inisiatif menganjurkan Program Sainis Muda Pulau Pinang secara bersiri sepanjang bulan Disember ini.

Ahli Parlimen Bukit Bendera, Zairil Khir Johari berkata, penganjuran program bertujuan memupuk minat dan pengetahuan ilmu sains melalui aplikasi teori saintifik tersebut adalah selaras dengan aspirasi Kerajaan Negeri.

“Program yang bermula pada 5 hingga 22 Disember ini di 13 kawasan terpilih seluruh negeri, berserta dua sesi bengkel iaitu *Dino-Soap Maker* dan *Rainbow Juice* khusus untuk anak-anak yang berusia antara 7 hingga 12 tahun.

“Program ini merupakan suatu program percuma tanpa dikenakan sebarang bentuk bayaran kepada peserta yang menyertainya,” ujarinya pada sidang media di sini baru-baru.

Hadir sama, Ketua Pegawai Eksekutif TDP, Khong Yoon Loong dan Ahli Majlis bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Chris Lee Chun Kit.

Difahamkan, sehingga kini, seramai 650 pelajar terpilih bakal menyertai program tiga minggu berkaitan.

Maklumat lanjut boleh didapati di laman Facebook, <https://www.facebook.com/penggerakkomunitimuda/>.



# JKKK, JPS DBD diseru kerjasama teliti dan kemuka permohonan laksana projek kecil tangani risiko banjir – Exco

Oleh : **YAP LEE YING**  
Gambar : **IDZHAM AHMAD**

**PULAU BETONG** – Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Daerah Barat Daya (DBD) diseru meneliti dan mengemukakan permohonan berhubung pelaksanaan projek-projek kecil menangani risiko banjir membabitkan kawasan seliaan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Kuala Jalan Bharu di sini kepada Jawatankuasa Tebatan Banjir untuk kelulusan.

Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow berkata, JKKK Kuala Jalan Bharu memainkan peranan penting untuk mengemukakan masalah banjir bagi penelitian JPS (DBD) supaya kawasan berisiko banjir dapat diambil tindakan.

“Jawatankuasa Tebatan Banjir merupakan tambahan kepada caruman perparitan yang terbuka untuk permohonan daripada Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), JPS dan pejabat-pejabat daerah. Selepas menerima permohonan-



**TEMBOK batu corak rambang yang dibina di sebahagian Sungai Korok telah meminimumkan impak kejadian banjir besar 4 November lalu di sini.**

permohonan berkaitan, jawatankuasa akan menilai mengikut keperluan serta keutamaan.

“Setakat ini, kelulusan projek adalah tinggi, adalah amat jarang ia tidak diluluskan melainkan ia melibatkan kos terlalu besar.

“Justeru, adalah diharapkan JKKK dapat memaklumkan kepada JPSDBD dan pihak berkaitan untuk membuat permohonan lanjut sebagaimana cadangan kerja-kerja penambahan 100 meter tembok batu corak rambang (*rubble walling*) sehingga titi di bahagian belakang Sekolah

Kebangsaan (SK) Sungai Korok,” katanya.

Kon Yeow yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota berkata demikian ketika mengadakan lawatan meninjau kerja-kerja membina tembok batu corak rambang sepanjang 43 meter dan setinggi 2 meter di Sungai Korok di sini 25 November lalu.

Projek membabitkan kos RM19,320 berkaitan adalah melibatkan skop kerja mengorek tapak dan tembok, membekal serta memasang tembok batu corak rambang sepanjang 43 meter dan

setinggi 2 meter dan membekal serta meratakan tanah di belakang tembok. Tempoh kerja adalah selama empat minggu dengan tarikh penyempurnaan projek pada 30 November 2017.

Turut hadir, Pengarah Jabatan Kejuruteraan MBPP, Ir. Addnan Mohd. Razali; barisan Ahli-ahli Majlis MBPP; Jurutera JPS DBD, Hashim Abdullah dan wakil-wakil JKKK Kuala Jalan Bharu.

Mengulas lanjut, Kon Yeow berharap inisiatif pembinaan tembok batu corak rambang juga dapat dilaksanakan di kedua-dua belah sungai sepanjang Sungai Korok termasuk lokasi berhadapan Balai Polis Sungai Korok.

Dalam pada itu, Ahli Jawatankuasa JKKK Kuala Jalan Bharu, Edward Tan berkata, tembok batu corak rambang yang dibina banyak membantu dalam mengelak kawasan tersebut dinaiki air terutamanya pada bencana banjir 4 November lalu.

“Lokasi ini pernah dinaiki air kira-kira setinggi 1 meter sebelum ini. Dengan tembok ini, ia dapat mengelak daripada menjadi seburuk sebelum ini,” ujarnya.



**KEADAAN sebahagian Sungai Korok yang diharap dapat dibina tembok batu corak rambang.**

## Pinang Fiesta 2017: Budaya Pinang, bantu jana peluang ekonomi belia

**SEBERANG JAYA** - Dalam membantu golongan belia menjana peluang ekonomi, Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Pembangunan Belia Pulau Pinang (PYDC) menganjurkan Pinang Fiesta bertemakan Budaya Pinang 2017.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng yang hadir merasmikan Majlis Penutupan Pinang Fiesta (Seberang Perai) menyatakan bahawa Kerajaan Negeri memperuntukkan RM110,000 dalam menjayakan penganjuran berkaitan.

“Melihat kepada sambutan hangat Pinang Fiesta 2017 yang pertama kali dianjurkan pada 31 Ogos lalu di *Upper Penang Road* berasaskan konsep baru, maka Pinang Fiesta 2017: Budaya Pinang kali ini memperlihatkan keunikan budaya serta citarasa tradisional dalam bidang keusahawanan belia di Pulau Pinang.

“Kali ini, kita boleh menikmati jualan makanan-makanan tradisional yang telah diusahakan oleh golongan belia, dan saya yakin ini mampu mengembalikan nostalgia zaman kanak-kanak kita,” ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Putih pada majlis berkaitan.

Hadir sama, ADUN Jawi, Soon Lip Chee; Ahli Parlimen Bukit Mertajam, Steven Sim Chee Keong; Pengarah Jabatan Korporat dan Perhubungan Antarabangsa bagi Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Wan Junaidi Yahaya dan Ketua Pegawai Eksekutif PYDC, Teng Kok Liang.

Guan Eng ketika berucap menyatakan bahawa sokongan kepada belia dalam bidang keusahawanan mampu direalisasikan Kerajaan



**BEBERAPA persembahan tradisional yang mewarnai Majlis Penutupan Pinang Fiesta 2017: Budaya Pinang di sini baru-baru ini.**

Negeri berikutan pentadbiran yang Cekap, Akauntabel dan Telus (CAT).

Pinang Fiesta 2017: Budaya Pinang yang berlangsung selama dua hari pada 18 dan 19 November lalu adalah membabitkan penyertaan kira-kira 30 gerai jualan anak-anak muda tempatan.

Antaranya, Gendang 24 Musim, persembahan kompang, tarian kebudayaan dan Mridangam India.

Menyerikan majlis, penampilan istimewa Yeap Wai Kin, iaitu pemenang dua pingat Emas Sukan Wushu pada Sukan Sea 2017 lalu.

## Diskaun pendaftaran, pengusaha taska dan pusat jagaan diseru daftar segera

**GEORGE TOWN** - Para pengusaha taska dan pusat jagaan di negeri ini yang masih tidak bertindak mendaftarkan pusat-pusat jagaan masing-masing sebelum 15 September 2017 berpeluang menikmati diskaun sebanyak 90 peratus apabila membuat pendaftaran di Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Pulau Pinang.

Exco Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga & Komuniti, Chong Eng berkata, pemberian diskaun tersebut adalah bagi tempoh setahun bermula 15 September 2017 sehingga 14 September 2018.

“Tetapi, bagi taska dan pusat jagaan baru memulakan operasi mulai 16 September 2017, mereka perlu mematuhi garis panduan sedia ada.

“Pemberian diskaun 90 peratus ini hanyalah bagi permohonan yang belum menjelaskan bayaran pemajuan infrastruktur, manakala bagi permohonan yang telah menjelaskan bayaran (pemajuan infrastruktur) tiada pengembalian wang akan dilakukan,” ujarnya pada Majlis Perasmian Penutup Program Jom Daftar Taska dan Pusat Jagaan Siri I (Bahagian Pulau) di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Penolong Pengarah Kanan Bahagian Perundangan dan

Penguatkuasaan JKM Pulau Pinang, Haslinda Abd. Samad dan wakil Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (Bomba).

Berdasarkan statistik JKM Pulau Pinang, terdapat 93 pusat jagaan berdaftar, dan pusat jagaan tidak berdaftar (88), manakala bagi taska, sebanyak 142 taska adalah berdaftar dan tidak berdaftar (21).

Menurut Chong Eng, Kerajaan Negeri dengan kerjasama JKM Pulau Pinang dan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) telah mengambil beberapa langkah bagi membantu para pengusaha taska serta pusat jagaan supaya berdaftar secara sah dengan JKM.

“Sebuah pasukan petugas telah ditubuhkan untuk menganalisis dan mengatasi masalah pendaftaran taska serta pusat jagaan ini.

“Hasil analisis mendapati bahawa kos tukar guna bangunan yang amat tinggi merupakan antara masalah utama terutamanya kepada pengusaha berasaskan amal.

“Justeru, diharapkan dengan kelonggaran dan keistimewaan ini, semua pengusaha mendaftarkan perniagaan mereka dan mendapatkan kelulusan daripada pihak berwajib demi kepentingan, keselamatan serta kebajikan mereka yang menerima perkhidmatan di pusat-pusat ini,” seru beliau.

# Tiga parkir bas khas sempena musim cuti hujung tahun - Exco

Oleh : **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS**

Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

**GEORGE TOWN** - Sempena musim cuti sekolah dan perayaan hujung tahun, tiga kawasan parkir khas disediakan untuk bas-bas persiaran yang membawa pelancong ke negeri ini.

Exco Pembangunan Pelancongan, Law Heng Kiang memberitahu, langkah tersebut berkesan apabila kira-kira 10,000 pelancong dari China datang ke Pulau Pinang pada 1 hingga 5 Disember lalu.

"Tiga lokasi parkir untuk menempatkan bas-bas persiaran telah dipilih bagi keselesaan pemandu dan pengguna jalan raya yang lain.

"Dua tempat parkir percuma terpilih adalah di kawasan tempat letak kereta Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Tanjung Tokong dan Persiaran Karpal Singh, Bandar Sri Pinang, manakala satu kawasan parkir berbayar adalah di Jalan Sultan Ahmad Shah," katanya pada sidang media di sini 30 November lalu.

Heng Kiang yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Lintang menyatakan bahawa kawasan parkir khas yang disediakan itu mampu memuatkan 15 hingga 20 bas persiaran pada satu-satu masa.

"Para pemandu bas dinasihatkan supaya tidak parkir kenderaan di hadapan hotel atau bahu jalan, sehingga mengganggu trafik dan pengguna jalan raya lain," serunya.



LAW Heng Kiang (tengah) dan wakil-wakil MBPP menunjukkan lokasi-lokasi khas parkir bas persiaran pada sidang media di sini baru-baru ini.

## Pengguna jalan raya berhemah, didikan di usia muda perlu dititikberatkan



NUR 'Aishah Md. Norodin (kanan sekali) dan Zulkafli Kamaruddin (tiga dari kanan) mengenakan topi keledar kepada beberapa murid-murid pada Majlis Pembentangan OCB Kelab Keselamatan Jalan Raya Peringkat Negeri Pulau Pinang 2017 di SK Titi Teras di sini baru-baru ini.

**PULAU BETONG** - Dalam melahirkan generasi berhemah sebagai pengguna jalan raya, didikan awal di usia muda adalah perlu dititikberatkan.

Ketua Unit Ko-Kurikulum, Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Pulau Pinang, Zulkafli Kamaruddin berkata, pendedahan berhubung keselamatan jalan raya dalam kalangan pelajar khususnya, perlu dilakukan secara berterusan dan sistematik supaya dapat melahirkan pelajar yang berhemah semasa berada di jalan raya.

"Pelajar merupakan pewaris negara dan mereka boleh diasuh untuk menjadi duta kecil dalam mempromosikan kempen keselamatan jalan raya dalam kalangan rakyat Malaysia," katanya ketika hadir menyempurnakan Majlis Pembentangan Outcome Based (OCB) Kelab Keselamatan Jalan Raya Peringkat Negeri Pulau Pinang 2017 di Sekolah Kebangsaan (SK) Titi Teras dekat sini 22 November lalu.

Dalam pada itu, Ketua Penolong Setiausaha Bahagian Kerajaan Tempatan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Nur 'Aishah Md. Norodin menyatakan bahawa pertandingan tersebut adalah bertujuan memberi kesedaran serta memartabatkan pendidikan keselamatan jalan raya dalam kalangan pelajar.

"Malah, Majlis Keselamatan Jalan Raya (MKJR) dan Jabatan Keselamatan Jalan Raya (JKJR) Pulau Pinang sentiasa membantu bagi memastikan kempen ini memberi impak yang positif," ujarnya.

Difahamkan, 100 daripada 271 sekolah rendah dan 50 daripada 127 sekolah menengah di Pulau Pinang telah menubuhkan Kelab Keselamatan Jalan Raya dengan jumlah ahli kelab seramai 2,970 bagi sekolah rendah dan sekolah menengah (1,070).

## PEMBERITAHUAN

LEMBAGA BIASISWA DAN PINJAMAN PENUNTUT  
NEGERI PULAU PINANG

Mulai 1 Oktober 2017 hingga  
31 Disember 2017

Kerajaan Negeri Pulau Pinang menawarkan pengecualian faedah bagi peminjam-peminjam yang bersetuju menyelesaikan keseluruhan baki pinjaman atau tunggakan pinjaman secara sekaligus (*Lump Sum*).

Unit Pinjaman Penuntut,  
Bahagian Khidmat Pengurusan dan Kewangan,  
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang



# Ucapan perbahasan RUU Perbekalan 2018 (Bahagian 2) Malaysia makin hilang kebebasan

Oleh : **ZAIRIL KHIR JOHARI**  
Ahli Parlimen Bukit  
Bendera Merangkap Felo  
Penang Institute

Tuan yang dipertua,  
**SAYA** ingin menarik perhatian dewan yang mulia ini kepada penangkapan penulis terkenal yang berasal dari Turki, Mustafa Akyol, atas tuduhan mengajar tanpa tauliah. Pada 25 September yang lalu, beliau telah dihalang daripada menaiki kapal terbang di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur dan kemudiannya ditahan oleh polis sehingga keesokan hari. Pada masa yang sama, bukunya yang berjudul *Islam Without Extremes: A Muslim Case For Liberty* serta terjemahannya dalam bahasa Melayu telah diharamkan oleh Kementerian Dalam Negeri. Ironinya, Mustafa dikenakan tindakan yang dilihat dunia sebagai melampau sedangkan beliau secara lazimnya menulis dan bersyarah mengenai Islam sebagai agama keamanan yang menghormati hak individu.

Dalam pada itu, dengan menangkap dan menahan seorang cendekia awam yang berjuang untuk Islam yang sederhana dan toleran di persada dunia, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) secara langsung telah menjadikan agenda wasatiyyah Perdana Menteri sebagai bahan jenaka.

Mustafa ditangkap ekoran syarahannya di beberapa forum dan seminar yang bertempat di hotel dan universiti. Semua program-program tersebut berbentuk akademik, malah dahulu saya sendiri pernah menjemputnya untuk berucap dalam program anjuran *Penang Institute*. Sebelum ini, tidak pernah ada masalah apabila beliau atau tokoh-tokoh sarjana lain memberi kuliah awam mengenai topik-topik berkait dengan agama Islam. Jabatan agama pula hanya mengambil tindakan terhadap penceramah yang bercakap di masjid tanpa permit.

Namun, Mustafa tidak berucap di masjid. Justeru, apakah seseorang itu kini memerlukan keizinan bagi membincangkan Islam di luar masjid juga? Adakah semua pensyarah universiti akan ditangkap jika menyampaikan modul berkenaan kajian Islam tanpa mendapatkan tauliah? Bagaimana pula dengan seorang bapa yang mengajar anak-anaknya mengenai asas-asas rukun Islam di rumah, atau ahli-ahli politik yang memetik Quran dan hadith dalam ceramah mereka?

Serambi  
PENANG  
INSTITUTE  
making ideas work

Pokoknya, isu tauliah ini sangat bermasalah dan saya kluatir kini bertindak sebagai alat cengkaman ke atas semua Muslim. Apabila hanya mereka yang diberi lesen oleh pihak berkuasa berhak untuk bercakap dan berbincang mengenai agama Islam, maka ia akan mejejaskan perkembangan intelektual Islam.

Pada dasarnya, isu ini timbul akibat dua enakmen syariah. Pertamaanya seksyen 11(1) Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997 yang berbunyi:

(1) Mana-mana orang yang mengajar atau mengaku mengajar apa-apa perkara yang berhubungan dengan agama Islam tanpa tauliah yang diberikan di bawah seksyen 96 Akta Pentadbiran adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

Istilah yang digunakan iaitu “mengajar” ini terlalu luas dan tidak ditakrifkan secara jelas. Apakah yang dimaksudkan dengan mengajar? Jika dahulu, memberi tazkirah di masjid dianggap mengajar, tetapi sekarang adakah perbincangan akademik turut dianggap sebagai mengajar kuliah agama?

Seperkara lagi, berkenaan frasa “apa-apa perkara yang berhubungan dengan agama Islam”. Ini juga tidak ditakrifkan dengan tuntas. Adakah kita di dewan yang mulia ini juga dilarang daripada membincangkan apa-apa perkara yang berhubungan dengan agama Islam tanpa tauliah?

Sehubungan dengan itu, permasalahan juga timbul daripada seksyen 96 Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1993, yang memperuntukkan pembentukan Jawatankuasa Pengawasan Pengajaran Agama, iaitu badan yang mempunyai kuasa untuk memberi tauliah. Sekali lagi, takrifan dalam seksyen ini tidak jelas dan terlalu luas. Kuasa yang diberikan terlalu bersifat arbitrari dan sangat bergantung kepada budi bicara.

Kesimpulannya, perlu adanya kajian semula mengenai konsep tauliah ini. Berdasarkan peruntukan undang-undang sedia ada, ia tidak jelas dan senang disalahgunakan



**ZAIRIL Khir Johari (tengah) menerima sumbangan Tabung Bencana Banjir dan Taufan bagi pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang.**

sebagai alat untuk mengekang kebebasan bersuara, kebebasan akademik dan kebebasan asasi lain yang termaktub dalam Bahagian II Perlembagaan Persekutuan – ini bukan pendapat saya seorang tetapi juga pendapat mantan hakim mahkamah tinggi Datuk Seri Mohd Hishamudin Yunus[1] serta pakar undang-undang Islam Prof Shad Saleem Faruqi.

Sebagai pelindung Perlembagaan, kita selaku ahli dewan yang mulia ini tidak boleh membiarkan kebebasan asasi yang terkandung dalam undang-undang tertinggi negara kita dicabul dengan begitu sahaja. Bukan setakat Mustafa Akyol yang tertindas, malah rakyat kita juga sering dimangsakan. Ambil sebagai contoh pengurus kedai buku Nik Raina Nik Abdul Aziz yang didakwa dalam mahkamah hanya kerana bekerja dalam kedai buku yang menjual buku terlarang. Kini, pengerusi Islamic Renaissance Front Dato' Dr Ahmad Farouk Musa pula berhadapan dengan dakwaan bersubahat dengan Mustafa Akyol.

Di samping itu, buku *Wacana Pemikiran Reformis* (Jilid 1) dan (Jilid 2) oleh Ahmad Farouk juga diharamkan, bersama dengan buku-buku ahli akademik Faisal Tehrani dan, yang lebih menghairankan, buku *Breaking the Silence: Voices of Moderation – Islam in a Constitutional Democracy* yang dihasilkan oleh G25, iaitu sekumpulan bekas pegawai awam kanan negara kita, turut dijadikan buku terlarang.

Kerajaan harus menjelaskan apakah sebab-sebab spesifik yang mendorong kepada pengharaman buku-buku tersebut. Ini tidak termasuk lagi buku-buku komik Zunar – masakan dengan kartun pun Kerajaan takut? Tidakkah tindakan ini merupakan sesuatu yang regresif dan mendatangkan aib kepada negara?

Malah, *Penang Institute* dalam satu kajian bertajuk *The Policing and Politics of the Malay Language* telah mendapati bahawa Kementerian Dalam Negeri telah mengharamkan sebanyak 1,695 buku dari tahun 1971 sehingga sekarang. Daripada jumlah tersebut, 556 buku adalah dalam bahasa Melayu, 516 dalam bahasa Inggeris dan 450 dalam bahasa Cina. Bagi buku berbahasa Melayu pula, 61.7 peratus adalah berkaitan dengan agama.

Jelas, kita sedang menjurus kepada negara yang begitu menekan dan menindas pemikiran. Jika Kerajaan bersungguh-sungguh mahu memelihara dan memartabatkan Islam, dasar-dasar regresif seperti pengharaman buku serta kelemahan-kelemahan dalam undang-undang pentadbiran agama Islam perlu dikaji semula dan diperbaiki. Sekiranya dibiarkan, masyarakat kita akan menjadi dangkal dan jumud.

Justeru, saya menyokong cadangan Ketua Parlimen DAP iaitu ahli dari Gelang Patah untuk mewujudkan satu jawatankuasa Parlimen bagi mengkaji semula larangan ke atas kesemua 1,695 buku yang terlarang.

Kita tidak seharusnya takut dengan ilmu dalam buku, apatah lagi dalam dunia moden ini di mana sesiapa sahaja boleh mencapai apa-apa buku atau penulisan melalui internet. Tiada gunanya kita haram mengharamkan – lebih baik kita menggalakkan budaya pemikiran kritis dan wacana ilmiah agar rakyat kita menjadi lebih bijak menilai.

Penghasilan karya-karya baik akademik mahupun sastera juga perlu digalakkan sepertimana dilakukan oleh Khalifah Abbasiyah Harun Al-Rasyid (786-809M) apabila baginda menubuhkan Bayt al-Hikmah (*House of Wisdom*) di Baghdad yang menjadi tumpuan ilmuan dunia untuk mengkaji, menterjemah dan mengembangkan karya-karya daripada ketamadunan lain. Pada ketika itu, Eropah bersikap dogmatik dan pegawai-pegawai agama mereka mengawal dengan ketat perkembangan ilmu atas dasar memartabat kesucian agama. Ini mengakibatkan Eropah berada dalam zaman kegelapan (dark ages) selama ratusan tahun. Apakah kita kini sedang menyaksikan keterbalikan sejarah?

Sekian, terima kasih.

[1] <http://www.thestar.com.my/opinion/columnists/reflecting-on-the-law/2017/10/12/drift-towards-intellectual-intolerance-according-to-tauliah-laws-muslims-must-speak-about-islam-only/#r47QfwvCfQsiDws4.99>

Nama ADUN	No Tel/ No Faks	NAMA ADUN	No Tel/ No Faks	PEGAWAI PENYELARAS KADUN	No Tel/ No Faks																																																																																																																																																												
<b>AIR PUTIH</b> YAB Tuan Lim Guan Eng <a href="mailto:limguaneng@penang.gov.my">limguaneng@penang.gov.my</a>	(T) 04 - 829 0614	<b>PENAGA</b> YB Mohd. Zain Ahmad	(T) 04 - 351 5825	<b>PENAGA</b> -	-																																																																																																																																																												
<b>PANTAI JEREJAK</b> YB Haji Mohd. Rashid Hasnon <a href="mailto:rashid.hasnon@penang.gov.my">rashid.hasnon@penang.gov.my</a>	(T) 04 - 646 4700	<b>BERTAM</b> YB Shariful Azhar Othman	(T) 012 - 411 4690 (F) 04 - 575 8670	<b>BERTAM</b> Asrol Sani Abdul Razak <a href="mailto:asrolpkb@gmail.com">asrolpkb@gmail.com</a>	013 - 580 6981																																																																																																																																																												
<b>PERAI</b> YB Prof. Dr. P. Ramasamy <a href="mailto:ramasamy@penang.gov.my">ramasamy@penang.gov.my</a>	(T) 04 - 383 9131 (F) 04 - 383 9131	<b>PINANG TUNGGAL</b> YB Datuk Haji Roslan Saidin	(T) 04 - 398 3555 (F) 04 - 397 3555	<b>PINANG TUNGGAL</b> Muhasdey Muhamad <a href="mailto:muhasdey@gmail.com">muhasdey@gmail.com</a>	019 - 437 2887																																																																																																																																																												
<b>PADANG KOTA</b> YB Chow Kon Yeow <a href="mailto:chowkonyeow@penang.gov.my">chowkonyeow@penang.gov.my</a>	(T) 04 - 226 0218 (F) 04 - 226 0218	<b>PERMATANG BERANGAN</b> YB Omar Abd. Hamid	(T) 04-573 4630 (F) 04-573 4630	<b>PERMATANG BERANGAN</b> Fahmi Abu Bakar <a href="mailto:mudiram@gmail.com">mudiram@gmail.com</a>	013 - 488 1601																																																																																																																																																												
<b>BATU MAUNG</b> YB Datuk Abdul Malik Abul Kassim <a href="mailto:abdmalik@penang.gov.my">abdmalik@penang.gov.my</a>	(T) 04 - 626 1968 (F) 04 - 626 5496	<b>SUNGAI DUA</b> YB Muhamad Yusoff Mohd. Noor	(T) 04 - 575 7454	<b>SUNGAI DUA</b> Rosli Hassan <a href="mailto:rosli1971@yahoo.com">rosli1971@yahoo.com</a>	019 - 410 5990																																																																																																																																																												
<b>BAGAN JERMAL</b> YB Lim Hock Seng <a href="mailto:limhockseng@penang.gov.my">limhockseng@penang.gov.my</a>	(T) 04 - 331 7175 (F) 04 - 331 7175	<b>TELOK AIR TAWAR</b> YB Datuk Jahara Hamid <a href="mailto:jahara.hamid@gmail.com">jahara.hamid@gmail.com</a>	(T) 04 - 351 2873 (F) 04 - 351 4389	<b>TELOK AIR TAWAR</b> Mustafa Kamal Ahmad <a href="mailto:mustafakamalmba@gmail.com">mustafakamalmba@gmail.com</a>	019 - 556 9552																																																																																																																																																												
<b>BATU LANCHANG</b> YB Law Heng Kiang <a href="mailto:lawhengkiang@penang.gov.my">lawhengkiang@penang.gov.my</a>	(T) 04 - 282 6419 (F) 04 - 282 6419	<b>SUNGAI ACHEH</b> YB Datuk Mahmud Zakaria <a href="mailto:datomahmud@umpangroup.com.my">datomahmud@umpangroup.com.my</a>	(T) 04 - 593 3100 (F) 04 - 593 9529	<b>SUNGAI ACHEH</b> Mohd. Rizal Abd. Hamid <a href="mailto:rizalhamid.ppkpsa@gmail.com">rizalhamid.ppkpsa@gmail.com</a>	012 - 424 3878																																																																																																																																																												
<b>SUNGAI PUYU</b> YB Phee Boon Poh <a href="mailto:pheeboonpoh@penang.gov.my">pheeboonpoh@penang.gov.my</a> <a href="mailto:pheeboonpoh@yahoo.com">pheeboonpoh@yahoo.com</a>	(T) 04 - 262 0860 012 - 480 5495 (F) 04 - 261 8745	<b>BAYAN LEPAS</b> YB Nordin Ahmad	Sedang dikemaskini	<b>BAYAN LEPAS</b> Azrul Mahathir Aziz <a href="mailto:ambasegaria.aam@gmail.com">ambasegaria.aam@gmail.com</a>	017 - 594 1976																																																																																																																																																												
<b>PADANG LALANG</b> YB Chong Eng <a href="mailto:chong.eng@penang.gov.my">chong.eng@penang.gov.my</a>	(T) 04 - 530 3028	<b>PULAU BETONG</b> YB Muhamad Farid Saad	(T) 04 - 866 4202 (F) 04 - 866 4202	<b>PULAU BETONG</b> Mohd Tuah Ismail <a href="mailto:mtuah17@gmail.com">mtuah17@gmail.com</a>	019 - 570 9500																																																																																																																																																												
<b>DATO' KERAMAT</b> YB Jagdeep Singh DEO <a href="mailto:jagdeepsinghdeo@penang.gov.my">jagdeepsinghdeo@penang.gov.my</a>	(T) 04 - 226 2464 (F) 04 - 227 2464	<b>TELUK BAHANG</b> YB Shah Haedan Ayoob	(T) 04 - 866 1760 (F) 04 - 866 1821	<b>TELUK BAHANG</b> Halil Sabri Hamid <a href="mailto:halilsabri.hsh@gmail.com">halilsabri.hsh@gmail.com</a>	017 - 460 4849																																																																																																																																																												
<b>SEBERANG JAYA</b> YB Dr. Afif Bahardin	(T) 04 - 390 5109	<b>Talian Kecemasan &amp; Perkhidmatan Awam</b>																																																																																																																																																															
<b>BUKIT TAMBUN</b> YB Law Choo Kiang <a href="mailto:lawchookiang@penang.gov.my">lawchookiang@penang.gov.my</a>	(T) 04 - 588 0818 (F) 04 - 588 0885	POLIS, AMBULANS, BOMBA & PENYELAMAT	999	JPJ	04-656 4131 04-398 8809																																																																																																																																																												
<b>AIR ITAM</b> YB Wong Hon Wai <a href="mailto:wonghonwai@penang.gov.my">wonghonwai@penang.gov.my</a>	(T) 04 - 828 0926 (F) 04 - 828 0926	DIREKTORI TELEFON	103	JABATAN PENDAFTARAN	04-226 5161																																																																																																																																																												
<b>BERAPIT</b> YB Ong Kok Fook <a href="mailto:ongkokfook@penang.gov.my">ongkokfook@penang.gov.my</a>	(T) 04 - 530 8476	OPERATOR ANTARABANGSA	101	<i>PENANG GLOBAL TOURISM (PGT)</i>	04-263 1166																																																																																																																																																												
<b>MACHANG BUBOK</b> YB Lee Khai Loon <a href="mailto:klee78@gmail.com">klee78@gmail.com</a>	(T) 013 - 399 0519 (F) 04 - 551 1442	HOTLINE MBPP	04-263 7637	<i>TOURISM MALAYSIA</i>	04-261 0058																																																																																																																																																												
<b>TANJONG BUNGAH</b> YB Teh Yee Cheu <a href="mailto:dappenang.cagw.teh@gmail.com">dappenang.cagw.teh@gmail.com</a>	(T) 04 - 899 9581	ANGKATAN PERTAHANAN AWAM	04-228 9012	<i>KERETAPI BUKIT BENDERA</i>	04-828 8880																																																																																																																																																												
<b>JAWI</b> YB Soon Lip Chee <a href="mailto:dunjawi@hotmail.com">dunjawi@hotmail.com</a>	(T) 04 - 594 1163 (F) 04 - 594 3163	BIRO PENGADUAN AWAM	04-263 6893	<i>FERI (GEORGETOWN)</i>	04-210 2363																																																																																																																																																												
<b>PENKALAN KOTA</b> YB Lau Keng Ee <a href="mailto:dappengkalanikota@gmail.com">dappengkalanikota@gmail.com</a>	(T) 04 - 250 1521 04 - 250 1522 (F) 04 - 250 1523	SEKRETARIAT KERAJAAN	04-262 1957	<i>( BUTTERWORTH)</i>	04-310 2377																																																																																																																																																												
<b>BAGAN DALAM</b> YB Tanasekharan a/l Aurtheraphy <a href="mailto:atana@first.net.my">atana@first.net.my</a>	(T) 04 - 323 5870 (F) 04 - 323 5870	NEGERI		<i>JAMBATAN PP</i>	04-398 7419																																																																																																																																																												
<b>KEBUN BUNGA</b> YB Cheah Kah Peng <a href="mailto:kebunbunga24@gmail.com">kebunbunga24@gmail.com</a>	(T) 04 - 826 5451 (F) 04 - 826 5451	KASTAM	04-262 2300	<i>STESEN KERETAPI BUTTERWORTH</i>	04-261 0290																																																																																																																																																												
<b>SUNGAI BAKAP</b> YB Hj. Maktar Hj. Shapee <a href="mailto:adunan.dunsgbakap@yahoo.com">adunan.dunsgbakap@yahoo.com</a>	(T) 04 - 582 7549 (F) 04 - 582 8648	IMIGRESEN	04-250 3419	<i>PERSATUAN PERLINDUNGAN KANAK-KANAK</i>	04-829 4046																																																																																																																																																												
<b>KOMTAR</b> YB Teh Lai Heng <a href="mailto:komtarn28@gmail.com">komtarn28@gmail.com</a>	(T) 04 - 227 7068 (F) 04 - 227 7068	WCC (Women's Centre for Change)	04-228 0342	<i>CAP</i>	04-829 9511																																																																																																																																																												
<b>PAYA TERUBONG</b> YB Yeoh Soon Hin <a href="mailto:clemenyeoh@hotmail.com">clemenyeoh@hotmail.com</a>	(T) 04 - 827 8868	Pusat Perkhidmatan Wanita (Seberang)	04-398 8340	<i>BEFRIENDERS PENANG</i>	04-281 5161 04-281 1108																																																																																																																																																												
<b>PULAU TIKUS</b> YB Yap Soo Huey <a href="mailto:yapsoohueydap@gmail.com">yapsoohueydap@gmail.com</a>	(T) 04 - 226 5217 (F) 04 - 227 5217	EPF	04-226 1000	<i>PERPUSTAKAAN PP</i>	04-229 8555																																																																																																																																																												
<b>PERMATANG PASIR</b> YB Datuk Hj. Mohd. Salleh Man <a href="mailto:adunptgpasir@gmail.com">adunptgpasir@gmail.com</a>	(T) 04 - 398 4226 (F) 04 - 398 4226	SOCSO	04-238 9888	<b>PROGRAM PENGHARGAAN WARGA EMAS/OKU/IBU TUNGGAL/ PROGRAM ANAK EMAS/ PROGRAM RAKAN ANTI KEMISKINAN/ PROGRAM PELAJAR EMAS</b>																																																																																																																																																													
<b>BUKIT TENGAH</b> YB Ong Chin Wen <a href="mailto:pkrokitengah@gmail.com">pkrokitengah@gmail.com</a>	(T) 04 - 508 3977 (F) 04 - 508 3677	<table border="0"> <tr> <td><b>N1 Penaga</b></td> <td>: -</td> <td>-</td> <td><b>N22 Tanjung Bungah</b></td> <td>: 012 - 465 0021</td> <td>- Tina</td> </tr> <tr> <td><b>N2 Bertam</b></td> <td>: 012 - 466 9681</td> <td>- Fatimah Bakar</td> <td><b>N23 Air Putih</b></td> <td>: 011 - 12441069</td> <td>- Hezreen</td> </tr> <tr> <td><b>N3 Pinang Tunggul</b></td> <td>: 017 - 424 9371</td> <td>- Tasrin Tugemin</td> <td></td> <td></td> <td>- Hong Kian Beng</td> </tr> <tr> <td><b>N4 Permatang Berangan</b></td> <td>: 012 - 505 1334</td> <td>- Farrah Erika</td> <td><b>N24 Kebun Bunga</b></td> <td>: 012 - 493 3342</td> <td>- Cheng Kok Eong</td> </tr> <tr> <td><b>N5 Sungai Dua</b></td> <td>: 016 - 412 8588</td> <td>- Zuhair</td> <td><b>N25 Pulau Tikus</b></td> <td>: 017 - 956 3237</td> <td>- Quah</td> </tr> <tr> <td><b>N6 Telok Air Tawar</b></td> <td>: 012 - 475 4326</td> <td>- Mohd. Zamri</td> <td><b>N26 Padang Kota</b></td> <td>: 012 - 431 7015</td> <td>- Johnny Chee</td> </tr> <tr> <td><b>N7 Sungai Puyu</b></td> <td>: 012 - 480 5495</td> <td>- Mr.Lee</td> <td><b>N27 Pengkalan Kota</b></td> <td>: 012 - 401 1522</td> <td>- Ch'ng Chin Keat</td> </tr> <tr> <td><b>N8 Bagan Jermal</b></td> <td>: 013 - 449 0366</td> <td>- Yeap Choon Keong</td> <td><b>N28 KOMTAR</b></td> <td>: 010 - 811 7300</td> <td>- Razin</td> </tr> <tr> <td><b>N9 Bagan Dalam</b></td> <td>: 016 - 473 1963</td> <td>- Gesan</td> <td><b>N29 Datok Keramat</b></td> <td>: 04 - 226 2464</td> <td>- Kalvinder</td> </tr> <tr> <td><b>N10 Seberang Jaya</b></td> <td>: 04 - 390 5109</td> <td>- Nor Hayati Mohd. Iskander</td> <td><b>N30 Sungai Pinang</b></td> <td>: 04 - 282 6630</td> <td>- Nayim</td> </tr> <tr> <td><b>N11 Permatang Pasir</b></td> <td>: 010 - 406 2128 013 - 595 6865</td> <td>- Nurafiqah Rosli</td> <td><b>N31 Batu Lancang</b></td> <td>: 04 - 282 6419</td> <td>- Karuna</td> </tr> <tr> <td><b>N12 Penanti</b></td> <td>: 04 - 538 2871 04 - 538 3871</td> <td>- Tira</td> <td><b>N32 Seri Delima</b></td> <td>: 019 - 4474362 012 - 5242549</td> <td>Mahen James</td> </tr> <tr> <td><b>N13 Berapit</b></td> <td>: 016 - 401 3507 017 - 446 1817</td> <td>- Mr.Lim</td> <td><b>N33 Air Itam</b></td> <td>: 012 - 4730736 016 - 4940705</td> <td>- Anne Janet</td> </tr> <tr> <td><b>N14 Machang Bubok</b></td> <td>: 012 - 474 0964 012 - 473 0964</td> <td>- Yeoh Ee Yee</td> <td><b>N34 Paya Terubong</b></td> <td>: 012 - 484 1963</td> <td>- Toon Hoon Lee</td> </tr> <tr> <td><b>N15 Padang Lalang</b></td> <td>: 017 - 552 8928 014 - 945 9786</td> <td>- Andrew Chin</td> <td></td> <td></td> <td>- Frankie Kee</td> </tr> <tr> <td><b>N16 Perai</b></td> <td>: 04 - 383 9131</td> <td>- Ikhwan Chan</td> <td><b>N35 Batu Uban</b></td> <td>: 016 - 205 1185 016 - 480 0232</td> <td>- Jalal</td> </tr> <tr> <td><b>N17 Bukit Tengah</b></td> <td>: 013 - 518 8735</td> <td>- Lai</td> <td></td> <td></td> <td>- 016 - 487 8602</td> </tr> <tr> <td><b>N18 Bukit Tambun</b></td> <td>: 016 - 404 9120 017 - 378 4448</td> <td>- Sri Sangar</td> <td></td> <td></td> <td>- 016 - 444 3550</td> </tr> <tr> <td><b>N19 Jawi</b></td> <td>: 017 - 408 4784 012 - 456 5018</td> <td>- Lim Tuan Chun</td> <td><b>N36 Pantai Jerejak</b></td> <td>: 04 - 646 4700</td> <td>- Aliff / Shamsudin</td> </tr> <tr> <td><b>N20 Sungai Bakap</b></td> <td>: 019 - 552 8689 012 - 542 4454</td> <td>- G.Dumany</td> <td><b>N37 Batu Maung</b></td> <td>: 019 - 498 1096 016 - 428 6158</td> <td>- Amirulzaman</td> </tr> <tr> <td><b>N21 Sungai Acheh</b></td> <td>: 013 - 580 2547</td> <td>- Khor</td> <td><b>N38 Bayan Lepas</b></td> <td>: 016 - 231 0806</td> <td>- Danny Ho</td> </tr> <tr> <td></td> <td></td> <td>- Abdul Halim</td> <td><b>N39 Pulau Betong</b></td> <td>: 012 - 464 3004</td> <td>- Yusof Ismail</td> </tr> <tr> <td></td> <td></td> <td>- Mr. Khor</td> <td><b>N40 Telok Bahang</b></td> <td>: 017 - 413 5695 017 - 569 6712</td> <td>- Aidi Akhbal</td> </tr> <tr> <td></td> <td></td> <td>- Norjuliana</td> <td></td> <td></td> <td>- Johan Abu Bakar</td> </tr> <tr> <td></td> <td></td> <td>- Hasbullah</td> <td></td> <td></td> <td></td> </tr> <tr> <td></td> <td></td> <td>- Mohd. Izzuan</td> <td></td> <td></td> <td></td> </tr> </table>				<b>N1 Penaga</b>	: -	-	<b>N22 Tanjung Bungah</b>	: 012 - 465 0021	- Tina	<b>N2 Bertam</b>	: 012 - 466 9681	- Fatimah Bakar	<b>N23 Air Putih</b>	: 011 - 12441069	- Hezreen	<b>N3 Pinang Tunggul</b>	: 017 - 424 9371	- Tasrin Tugemin			- Hong Kian Beng	<b>N4 Permatang Berangan</b>	: 012 - 505 1334	- Farrah Erika	<b>N24 Kebun Bunga</b>	: 012 - 493 3342	- Cheng Kok Eong	<b>N5 Sungai Dua</b>	: 016 - 412 8588	- Zuhair	<b>N25 Pulau Tikus</b>	: 017 - 956 3237	- Quah	<b>N6 Telok Air Tawar</b>	: 012 - 475 4326	- Mohd. Zamri	<b>N26 Padang Kota</b>	: 012 - 431 7015	- Johnny Chee	<b>N7 Sungai Puyu</b>	: 012 - 480 5495	- Mr.Lee	<b>N27 Pengkalan Kota</b>	: 012 - 401 1522	- Ch'ng Chin Keat	<b>N8 Bagan Jermal</b>	: 013 - 449 0366	- Yeap Choon Keong	<b>N28 KOMTAR</b>	: 010 - 811 7300	- Razin	<b>N9 Bagan Dalam</b>	: 016 - 473 1963	- Gesan	<b>N29 Datok Keramat</b>	: 04 - 226 2464	- Kalvinder	<b>N10 Seberang Jaya</b>	: 04 - 390 5109	- Nor Hayati Mohd. Iskander	<b>N30 Sungai Pinang</b>	: 04 - 282 6630	- Nayim	<b>N11 Permatang Pasir</b>	: 010 - 406 2128 013 - 595 6865	- Nurafiqah Rosli	<b>N31 Batu Lancang</b>	: 04 - 282 6419	- Karuna	<b>N12 Penanti</b>	: 04 - 538 2871 04 - 538 3871	- Tira	<b>N32 Seri Delima</b>	: 019 - 4474362 012 - 5242549	Mahen James	<b>N13 Berapit</b>	: 016 - 401 3507 017 - 446 1817	- Mr.Lim	<b>N33 Air Itam</b>	: 012 - 4730736 016 - 4940705	- Anne Janet	<b>N14 Machang Bubok</b>	: 012 - 474 0964 012 - 473 0964	- Yeoh Ee Yee	<b>N34 Paya Terubong</b>	: 012 - 484 1963	- Toon Hoon Lee	<b>N15 Padang Lalang</b>	: 017 - 552 8928 014 - 945 9786	- Andrew Chin			- Frankie Kee	<b>N16 Perai</b>	: 04 - 383 9131	- Ikhwan Chan	<b>N35 Batu Uban</b>	: 016 - 205 1185 016 - 480 0232	- Jalal	<b>N17 Bukit Tengah</b>	: 013 - 518 8735	- Lai			- 016 - 487 8602	<b>N18 Bukit Tambun</b>	: 016 - 404 9120 017 - 378 4448	- Sri Sangar			- 016 - 444 3550	<b>N19 Jawi</b>	: 017 - 408 4784 012 - 456 5018	- Lim Tuan Chun	<b>N36 Pantai Jerejak</b>	: 04 - 646 4700	- Aliff / Shamsudin	<b>N20 Sungai Bakap</b>	: 019 - 552 8689 012 - 542 4454	- G.Dumany	<b>N37 Batu Maung</b>	: 019 - 498 1096 016 - 428 6158	- Amirulzaman	<b>N21 Sungai Acheh</b>	: 013 - 580 2547	- Khor	<b>N38 Bayan Lepas</b>	: 016 - 231 0806	- Danny Ho			- Abdul Halim	<b>N39 Pulau Betong</b>	: 012 - 464 3004	- Yusof Ismail			- Mr. Khor	<b>N40 Telok Bahang</b>	: 017 - 413 5695 017 - 569 6712	- Aidi Akhbal			- Norjuliana			- Johan Abu Bakar			- Hasbullah						- Mohd. Izzuan			
<b>N1 Penaga</b>	: -					-	<b>N22 Tanjung Bungah</b>	: 012 - 465 0021	- Tina																																																																																																																																																								
<b>N2 Bertam</b>	: 012 - 466 9681					- Fatimah Bakar	<b>N23 Air Putih</b>	: 011 - 12441069	- Hezreen																																																																																																																																																								
<b>N3 Pinang Tunggul</b>	: 017 - 424 9371					- Tasrin Tugemin			- Hong Kian Beng																																																																																																																																																								
<b>N4 Permatang Berangan</b>	: 012 - 505 1334					- Farrah Erika	<b>N24 Kebun Bunga</b>	: 012 - 493 3342	- Cheng Kok Eong																																																																																																																																																								
<b>N5 Sungai Dua</b>	: 016 - 412 8588					- Zuhair	<b>N25 Pulau Tikus</b>	: 017 - 956 3237	- Quah																																																																																																																																																								
<b>N6 Telok Air Tawar</b>	: 012 - 475 4326					- Mohd. Zamri	<b>N26 Padang Kota</b>	: 012 - 431 7015	- Johnny Chee																																																																																																																																																								
<b>N7 Sungai Puyu</b>	: 012 - 480 5495					- Mr.Lee	<b>N27 Pengkalan Kota</b>	: 012 - 401 1522	- Ch'ng Chin Keat																																																																																																																																																								
<b>N8 Bagan Jermal</b>	: 013 - 449 0366					- Yeap Choon Keong	<b>N28 KOMTAR</b>	: 010 - 811 7300	- Razin																																																																																																																																																								
<b>N9 Bagan Dalam</b>	: 016 - 473 1963					- Gesan	<b>N29 Datok Keramat</b>	: 04 - 226 2464	- Kalvinder																																																																																																																																																								
<b>N10 Seberang Jaya</b>	: 04 - 390 5109					- Nor Hayati Mohd. Iskander	<b>N30 Sungai Pinang</b>	: 04 - 282 6630	- Nayim																																																																																																																																																								
<b>N11 Permatang Pasir</b>	: 010 - 406 2128 013 - 595 6865					- Nurafiqah Rosli	<b>N31 Batu Lancang</b>	: 04 - 282 6419	- Karuna																																																																																																																																																								
<b>N12 Penanti</b>	: 04 - 538 2871 04 - 538 3871					- Tira	<b>N32 Seri Delima</b>	: 019 - 4474362 012 - 5242549	Mahen James																																																																																																																																																								
<b>N13 Berapit</b>	: 016 - 401 3507 017 - 446 1817					- Mr.Lim	<b>N33 Air Itam</b>	: 012 - 4730736 016 - 4940705	- Anne Janet																																																																																																																																																								
<b>N14 Machang Bubok</b>	: 012 - 474 0964 012 - 473 0964					- Yeoh Ee Yee	<b>N34 Paya Terubong</b>	: 012 - 484 1963	- Toon Hoon Lee																																																																																																																																																								
<b>N15 Padang Lalang</b>	: 017 - 552 8928 014 - 945 9786					- Andrew Chin			- Frankie Kee																																																																																																																																																								
<b>N16 Perai</b>	: 04 - 383 9131					- Ikhwan Chan	<b>N35 Batu Uban</b>	: 016 - 205 1185 016 - 480 0232	- Jalal																																																																																																																																																								
<b>N17 Bukit Tengah</b>	: 013 - 518 8735					- Lai			- 016 - 487 8602																																																																																																																																																								
<b>N18 Bukit Tambun</b>	: 016 - 404 9120 017 - 378 4448					- Sri Sangar			- 016 - 444 3550																																																																																																																																																								
<b>N19 Jawi</b>	: 017 - 408 4784 012 - 456 5018					- Lim Tuan Chun	<b>N36 Pantai Jerejak</b>	: 04 - 646 4700	- Aliff / Shamsudin																																																																																																																																																								
<b>N20 Sungai Bakap</b>	: 019 - 552 8689 012 - 542 4454	- G.Dumany	<b>N37 Batu Maung</b>	: 019 - 498 1096 016 - 428 6158	- Amirulzaman																																																																																																																																																												
<b>N21 Sungai Acheh</b>	: 013 - 580 2547	- Khor	<b>N38 Bayan Lepas</b>	: 016 - 231 0806	- Danny Ho																																																																																																																																																												
		- Abdul Halim	<b>N39 Pulau Betong</b>	: 012 - 464 3004	- Yusof Ismail																																																																																																																																																												
		- Mr. Khor	<b>N40 Telok Bahang</b>	: 017 - 413 5695 017 - 569 6712	- Aidi Akhbal																																																																																																																																																												
		- Norjuliana			- Johan Abu Bakar																																																																																																																																																												
		- Hasbullah																																																																																																																																																															
		- Mohd. Izzuan																																																																																																																																																															

**SENARAI NAMA AHLI MAJLIS MPSP 2017**

Nama	Telefon
MPSP	04 - 549 7555
David Marshel a/l Pakianathan	019 - 412 3397
Heng Yeh Shiuan	016 - 261 2460
H'ng Mooi Lye	012 - 425 2602
Kumar a/l Kanapathy	04 - 323 8757 016 - 407 6058
Mohamad Shaipol Ismail	019 - 414 6079
Satees A/l Muniandy	016 - 438 4767
Tan Chee Teong	012 - 401 7718
Tan Cheong Heng	012 - 487 3101
Thomas Loh Wei Pheng	04-390 6836 012 - 409 6836
Woo Sze Zeng (Joshua)	016 - 557 6672
Zulkifli Ibrahim	012 - 477 5588
Mohd Sharmizan Mohamad Nor	011 - 1110 6456
Zaini Awang	019 - 546 3115
Ong Jing Cheng	016 - 445 5709 012 - 758 3779
Anuar Yusoff	04 - 507 5390 016 - 4616 390
Dr Amar Pritpal Abdullah	04 - 582 2020 019 - 452 2020
Shuhada Abdul Rahim	010 - 380 7672
Dr. Seow Kweng Tian	04 - 593 5493 012 - 507 2229
Fadzil Hj Abdullah	017 - 343 4464
Zulkiply Ishak	013 - 431 6161
Dr. Tiun Ling Ta	04 - 505 7288 013 - 430 2096
Wong Chee Keet	012 - 451 1312
Hamizah Abdul Manab	013 - 591 6344

**SENARAI PEGAWAI-PEGAWAI PEMBANTU KEWARGANEGARAAN PULAU PINANG**

Bil.	Nama	Daerah	Pejabat / Unit Kewarganegaraan	No. Telefon
1.	Chiam Heng Hak	Timur Laut	Bilik Perkhidmatan Awam, Tingkat 3, KOMTAR.	04 - 650 5556
2.	Abdul Rahim Mohamed Nor	Barat Daya	Kuarters Kerajaan Negeri No.1, Jalan Relau, Balik Pulau.	016 - 482 3549
3.	K. Krishnasamy	Seberang Perai Utara	Tingkat 1, Pejabat Daerah SPU, Bertam Kepala Batas.	012 - 488 1553
4.	P. Rachenamorthy	Seberang Perai Tengah	Pejabat Bangunan MPSP, Jalan Betek, Bukit Mertajam	019 - 457 2271
5.	A. Veerasamy	Seberang Perai Selatan	Tingkat Dua, Kompleks Pejabat-Pejabat Kerajaan SPS, 14200, Jawi.	012 - 451 5938


**Nota:**

Orang awam dipohon menghubungi Pegawai-Pegawai Pembantu Kewarganegaraan untuk menetapkan temujanji masing-masing.

**SENARAI NAMA AHLI MAJLIS MBPP 2017**

Nama	Telefon
MBPP	04 - 259 2020
Ahmad Azrizal Tahir	012 - 498 4556
Ahmad Razaaim bin Azimi	012 - 572 4711 016 - 451 9225
Francis a/l Joseph	012 - 474 3321
Gan Ay Ling	012 - 401 2265
Goh Choon Keong	019 - 471 7931
Gooi Seong Kin	016 - 457 1271
Teoh Koon Gee	016 - 419 1938
Harvinder a/l Darshan Singh	012 - 428 2250
Joseph Ng Soon Siang	012 - 423 9143
Kala a/p Durai Raj	016 - 468 4247
Khoo Salma Nasution	017 - 456 6012
Kumaresan a/l Aramugam	014 - 945 9621
Lee Chun Kit	012 - 519 2152
Mhd. Nasir Yahya	012 - 402 6739
Muhammad Bakhtiar Wan Chik	019 - 470 8811
Nur Zarina Zakaria	011 - 1578 5098
Ong Ah Teong	012 - 410 6566
Saiful Azwan Abd Malik	016 - 463 2787
Shahrudin Mohamed Shariff	012 - 428 3160
Shung Yin Ni	012 - 413 9246
Syerleena Abdul Rashid	019 - 225 6502
Tan Chiew Choon	019 - 470 4499
Wong Yuee Harn	016 - 439 9121

**Kalendar Pelancongan Pulau Pinang Januari 2018**



**Berjalan Sempena Hari Bandaraya 1.1.2018**  
 Website : <https://event.howei.com> or [www.mbpp.gov.my](http://www.mbpp.gov.my) (On-line Registration)  
 Enquiries : Pk. Wong (PAC) H/P: 012-545-5012 (9 a.m. to 5 p.m. only) | Mr. Muashraf (MBPP) H/P: 017-578-3753 (9 a.m. to 5 p.m. only) | Mr. Khairul (Youth Park) H/P: 012-496-1416 (9 a.m. to 5 p.m. only)

1hb Januari 2018  
**City Walk 1.1.18**

**SIDANG REDAKSI BULETIN MUTIARA**

**Penulis:**  
 YAP LEE YING  
 AINUL WARDAH SOHILLI, ZAINULFAQAR YAACOB,  
 NORSHAHIDA YUSOFF, WATAWA NATAF ZULKIFLI

**Jurugambar/Juruvideo:**  
 LAW SUUN TING, ALISSALA THIAN,  
 AHMAD ADIL MUHAMAD  
 DARWINA MOHD. DAUD, ALVIE CHENG

**Jurugrafik:** IDZHAM AHMAD, NUR AFIQAH ZAINUDI

Bagi sebarang maklum balas, sila hantar ke:

**Editor BULETIN MUTIARA,**  
 Tingkat 47, Komtar, 10503 Penang  
 Telefon : 04-650 5468 ; Fax : 04-261 5923  
 Email: [buletinmutiara.bpkn@gmail.com](mailto:buletinmutiara.bpkn@gmail.com)

# Kenaikan bayaran biasiswa hampir dua kali ganda manfaatkan 27,266 pelajar peringkat menengah

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**  
Gambar : **ALISSALA THIAN**

**GEORGE TOWN** - Kenaikan bayaran Biasiswa Kecil Negeri Pulau Pinang (BKNPP) hampir dua kali ganda di bawah pentadbiran Kerajaan Negeri Pakatan Harapan (PH) sejak 2008 telah memanfaatkan 27,266 pelajar peringkat sekolah menengah.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng ketika ucapnaya majlis penyerahan biasiswa (peringkat pulau) berkenaan berkata, secara keseluruhannya, sebanyak RM17,252,160 diperuntukkan dari tempoh 2008 sehingga 2017.

Mengulas lanjut, beliau memberitahu, kadar bayaran BKNPP dinaikkan atas inisiatif Kerajaan Negeri sebanyak dua kali, masing-masingnya pada tahun 2008 dan 2013 mengikut keperluan semasa pelajar.

"Jika dahulu sebelum tahun 2007, pelajar Tingkatan 1 hingga Tingkatan 3 hanya menerima RM240, tetapi kini pelajar-pelajar ini menerima biasiswa berjumlah RM600.

"Manakala, Tingkatan 4 dan Tingkatan 5 kini menikmati biasiswa RM840 berbanding RM360 dahulu (sebelum tahun 2007)," ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Putih merangkap Ahli

Parlimen Bagan pada Majlis Penyampaian BKNPP Peringkat Pulau dekat Dewan Sri Pinang di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon, Prof. Dr. P. Ramasamy (Timbalan Ketua Menteri II) dan Chow Kon Yeow (Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir).

Mengulas lanjut, Guan Eng memberitahu bahawa tahun ini, Kerajaan Negeri telah meluluskan pemberian biasiswa kepada 607 pelajar baharu melibatkan peruntukan sebanyak RM427,320.

"Kenaikan bayaran biasiswa hampir dua kali ganda ini dapat dilaksanakan atas tata kelola dan urus tadbir kerajaan berteraskan prinsip Cekap, Akauntabiliti dan Telus (CAT) dan kepimpinan bersih," jelasnya.

Bagi Daerah Timur Laut (DTL), pemberian biasiswa adalah melibatkan seramai 101 pelajar dari 35 sekolah, manakala Daerah Barat Daya (DBD), 78 pelajar (12).

Malah, majlis serupa bagi peringkat Seberang Perai turut diadakan membabitkan seramai 428 pelajar baru diberi biasiswa tersebut, tidak termasuk peruntukan RM1.64 juta kepada 2,357 pelajar tertanggung lain daripada 124 sekolah menengah di seluruh negeri ini.

## KATA PENERIMA:

Bagi **MOHD. DANIEL AFFANDY MOHD. KAMAL**, 15, pelajar Tingkatan 3 di Penang Free School, beliau bercadang menggunakan wang biasiswa tersebut bagi membeli kelengkapan sekolahnya kelak.

"Seronok, lega sebab terpilih. "Duit ni akan guna untuk beli kelengkapan sekolah tahun hadapan dan bantu mak abah kerana adik-adik masih bersekolah," ujar anak sulung daripada empat beradik ketika dihampiri Buletin Mutiara pada majlis berkaitan.

Bagi **AZIZAH SHUIB**, 51, ibu kepada Nurul Nadia Ibrahim, 15, menyatakan



**MOHD. Daniel Affandy Mohd. Kamal.**

bahawa anaknya pertama kali terpilih untuk menerima biasiswa.

"Alhamdulillah, sekurangnya pemberian biasiswa ini dapat digunakan Nadia untuk persediaan ke Tingkatan 4 di Sekolah Menengah Agama Maahad Al-Mashoor Al-Islami tahun hadapan.

"Dia (Nadia) perlukan lebih wang memandangkan nanti (Tingkatan 4) banyak tugas folio dan sebagainya untuk disiapkan.

"Terima kasih Kerajaan Negeri di atas keprihatinan," ujarnya yang hadir bersama-sama suami, Ibrahim Hassan.



**AZIZAH Shuib (kiri sekali) ditemani anak dan suaminya.**

## MBPP tandatangani IBR, komited jalani tugas penuh integriti jauhi rasuah

### GEORGE TOWN

Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) baru-baru ini menandatangani Ikrar Bebas Rasuah (IBR) dalam usaha memastikan warga kerjanya menjalankan tugas dengan penuh integriti serta menjauhi amalan rasuah.

Seramai 170 pegawai pengurusan tertinggi pihak berkuasa tempatan (PBT) berkenaan melafazkan ikrar itu di sini, diketuai Datuk Bandar, Dato' Maimunah Mohd. Sharif.

Upacara menandatangani dan lafaz ikrar tersebut disaksikan Ketua Pengarah Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Pulau Pinang, Datuk Abd. Aziz Aban.

Maimunah berkata, integriti saling berkaitan dengan penjawat awam yang ditugaskan untuk melaksanakan amanah dan kuasa dipertanggungjawabkan demi kepentingan awam.

"Walau apapun bidang diceburi, bidang yang digalas haruslah dilaksanakan dengan penuh tanggungjawab, jujur, cekap dan berintegriti.

"Integriti dan rasuah bukan hanya berbentuk suapan, malah juga disiplin yang merupakan sebahagian daripadanya. Integriti mengabungkan elemen etika, tingkah laku pekerja, kejayaan melibatkan urusan yang adil, kejujuran dan kebolehppercayaan di tempat kerja.

"Elemen ini perlu diserap dalam minda supaya kakitangan MBPP diasah dari semasa ke semasa dan



**MAIMUNAH Mohd. Sharif (depan, bertudung jingga) mengetuai Majlis Melafaz IBR bersempena Hari Integriti MBPP 2017 di sini baru-baru ini.**

tidak lari daripada landasan yang betul, iaitu amanah semasa menjalankan tugas," ujarnya pada Majlis Melafaz IBR bersempena Hari Integriti MBPP 2017 di sini.

Hadir sama, Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Seri Farizan Darus.

Mengulas lanjut, Maimunah turut menyatakan komitmen MBPP dalam memastikan keseluruhan warganya berjumlah 3,300 kakitangan akan turut sama melafazkan ikrar tersebut.

"MBPP akan melaksanakan beberapa siri ikrar bagi memastikan semua kakitangan Majlis melaksanakan ikrar ini.

"Kita akan adakannya secepat mungkin dan ia perlu dijalankan beberapa sesi memandangkan pentadbiran serta pengurusan adalah perlu berjalan seperti biasa," jelas beliau.

Majlis IBR tersebut menjadikan MBPP agensi negeri keempat melafazkan IBR selepas jentera atasan Kerajaan Negeri, anak-anak syarikat Kerajaan Negeri dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP).

## MPSP perbaharui IBR, penekanan aspek inklusif Pelan Strategik Seberang Perai 2018-2022

**SEBERANG PERAI** - Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) merupakan jabatan ke-65 yang memperbaharui Ikrar Bebas Rasuah (IBR) bersempena dengan sambutan Hari Integriti dan IBR di sini baru-baru ini.

Menurut Yang di-Pertua MPSP, Dato' Sr. Rozali Mohamud, integriti adalah berkait rapat dengan pembentukan dan penguatkuasaan etika baik serta melaksanakan perkara yang betul.

"Integriti juga menerangkan elemen tingkah laku pekerja dan kejayaan melibatkan urusan yang adil, kejujuran dan kebolehppercayaan di tempat kerja.

"Sehubungan itu, MPSP akan memberi penekanan terhadap aspek inklusif yang menjadi perkara utama bagi pembentukan Pelan Strategik Seberang Perai 2018-2022," ucapnya di hadapan 770 kakitangan pihak berkuasa tempatan (PBT) berkaitan di sini baru-baru ini.

Bacaan ikrar tersebut dipimpin Setiausaha Perbandaran MPSP, Ir. Rosnani Mahmod sambil disaksikan sendiri oleh Pengarah Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Pulau Pinang, Datuk Abd. Aziz Aban.

Turut hadir, Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Dato' Seri Farizan Darus, Ahli-ahli Majlis serta ketua-ketua jabatan dan barisan pegawai MPSP.

Dalam majlis berkaitan, Farizan yang turut berucap menyatakan bahawa dalam mesyuarat-mesyuarat terkini peringkat negeri, Seberang Perai adalah masa hadapan Pulau Pinang yang mana ia merupakan tanggungjawab semua warga kerja MPSP dalam merealisasikannya.

"Inilah adalah suatu perkara mustahak untuk menghayati dan memahami keperluan jati diri serta integriti yang tinggi.

"Bila saya sebut integriti, bukan sahaja merangkumi rasuah, malah juga aspek-aspek lain.

"Sistem pengurusan 'anti suapan' dijalankan MPSP akan memberi manfaat kepada PBT ini, yang mana ia menjadikan semua warga MPSP membudayakan dan meningkatkan integriti dalam proses pelaksanaan tugas masing-masing.

"Ini sekaligus bakal meningkatkan reputasi MPSP serta moral pekerja yang boleh membawa perubahan untuk penduduk Seberang Perai secara keseluruhan," jelas beliau.

# Kerajaan Negeri lulus RM5.43 juta peruntukan kecemasan, 13 projek RTB dengan anggaran RM1 bilion masih tunggu keputusan Pusat – Exco

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**  
Gambar : **LAW SUUN TING**

**GEORGE TOWN** - Kerajaan Negeri Pulau Pinang meluluskan sejumlah RM5,431,000 bagi pelaksanaan kerja-kerja kecemasan pasca banjir yang telah dikenal pasti di kelima-lima daerah di negeri ini.

Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow berkata, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) di kelima-lima daerah telah mengenal pasti kerja-kerja kecemasan yang perlu dilaksanakan segera, antaranya membabitkan kerosakan jambatan-jambatan kecil dan tebing sungai yang runtuh.

"Atas permintaan JPS di setiap daerah, Kerajaan Negeri telah meluluskan RM5.43 juta iaitu peruntukan bagi kerja-kerja kecemasan pasca banjir.

"(Dan) kerja-kerja pembaikan ini ada yang telahpun dilaksanakan, ada yang sedang dilaksanakan dan ada yang akan dimulakan dalam tempoh terdekat ini ekoran keadaan yang mendesak.

"Secara keseluruhannya, kerja-kerja kecemasan ini akan mengambil masa beberapa bulan untuk siap sepenuhnya," jelasnya pada sidang media bersama-sama Ketua Menteri di sini 29 November lalu.

Turut hadir, barisan Exco Kerajaan Negeri dan Pengarah JPS Negeri Pulau Pinang yang baru, Mohd. Azmin Hussin.

Mengulas lanjut, Kon Yeow memberitahu, sebanyak 41 projek telah dikenal pasti, antaranya di Daerah



Timur Laut, DTL sebanyak 15 projek dengan anggaran RM1,320,000; Daerah Barat Daya, DBD (6, RM120,000); Daerah Seberang Perai Utara, SPU (10, RM500,000), Daerah Seberang Perai Tengah, SPT (2, RM2,200,000) dan Daerah Seberang Perai Selatan, SPS (8, RM1,291,000).

Tambah beliau, pada tahun 2018 nanti, pelbagai tugas dan cabaran yang harus dilaksanakan oleh JPS Negeri Pulau Pinang.

"Antaranya melalui peruntukan Kerajaan Negeri dan Wang Caruman Perparitan, kita akan memulakan projek yang menelan belanja kira-kira RM200 juta.

"(Iaitu) RM150 juta daripada Bajet Kerajaan Negeri yang kini dalam proses tawaran kepada kontraktor dan dijangkakan akan memulakan kerja pada Januari nanti.

"Manakala RM50 juta daripada Wang Caruman Perparitan lagi ada pelbagai peringkat, ada yang masih dalam kajian, dalam tender ataupun sudah mula.

"Jadi pada tahun 2018 nanti, Kerajaan Negeri mahu JPS Negeri memfokuskan

terhadap pelaksanaan projek dan menyiapkannya bagi menghadapi situasi banjir pada masa hadapan," serunya.

Menurut Kon Yeow, bagi projek Persekutuan Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Sungai Pinang, sejumlah RM150 juta telah diluluskan, dan difahamkan kini masih dalam proses lantikan kontraktor secara reka bentuk dan bina (*design and build contract*).

"Setelah lantikan dibuat, ia akan mengambil masa setengah tahun bagi membolehkan kontraktor yang dilantik menjalankan kerja-kerja reka bentuk sebelum kerja-kerja di tapak berkaitan

boleh dimulakan.

"Jadi, dianggarkan kira-kira RM350 juta nilai projek akan dilaksanakan di Pulau Pinang dalam tempoh dua hingga tiga tahun ini," katanya.

Bercakap kepada pemberita, **Kon Yeow menyatakan bahawa JPS Negeri telah mengemukakan senarai 13 projek dengan anggaran perbelanjaan RM1 bilion kepada Perdana Menteri semasa pemimpin negara berkaitan melawat mangsa-mangsa banjir di Pulau Pinang baru-baru ini.**

**"Buat masa ini, kita (Kerajaan Negeri) masih menunggu keputusan Kerajaan Persekutuan, sejauh mana senarai projek ini akan diluluskan (oleh Pusat).**

"(Dan) melalui maklumat mantan Pengarah JPS Negeri yang kini berkhidmat di Bahagian Tebatan Banjir, Ibu Pejabat JPS...mesyuarat teknikal telah dimulakan bagi membincangkan permohonan ini.

**"Pastinya kita (Kerajaan Negeri) berharap, kejadian banjir pada 4 dan 5 November lalu akan memberi kesedaran tentang keperluan (pelaksanaan) projek-projek (RTB) ini dan berharap Kerajaan Pusat dapat meluluskan RM1 bilion yang sebahagiannya adalah untuk RTB Sungai Pinang,"** ujarinya.

Terdahulu, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng mengulaskan pelantikan Mohd. Azmin yang menggantikan Ir. Sabri Abdul Mulok yang kini berkhidmat di Bahagian Tebatan Banjir, Ibu Pejabat JPS Malaysia.



**CHOW Kon Yeow.**

## Doa & simpati, Kerajaan Negeri sumbang RM100,000 bantu mangsa-mangsa banjir di Kelantan

**GEORGE TOWN** - Sebanyak RM100,000 diperuntukan Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi membantu rakyat Kelantan yang terjejas akibat banjir.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng mengumumkan bahawa RM50,000 akan disalurkan kepada Kerajaan Negeri Kelantan, manakala baki RM50,000 kepada pertubuhan bukan kerajaan (NGO) di Kelantan bagi membantu mangsa-mangsa yang terjejas.

Bercakap kepada media, Guan Eng turut menzahirkan rasa simpati terhadap mangsa-mangsa banjir di negeri berkaitan.

"Kita semua akan berdoa agar cuaca tidak akan menjadi lebih buruk, dan sebagai negeri yang pernah dilanda bencana teruk baru-baru ini, saya berharap agar rakyat di Kelantan dapat bertabah hati dan sabar.

"Sebagai tanda simpati, Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan menghulurkan bantuan sebanyak RM100,000, iaitu RM50,000 kepada Kerajaan Negeri Kelantan dan RM50,000 lagi kepada NGO berwajib di Kelantan," ujarinya pada sidang media di sini 29 November lalu.

## Kerajaan Negeri anggar RM25.72 juta pembaikan cerun, jalan rosak akibat banjir

**GEORGE TOWN** - Kerajaan Negeri Pulau Pinang menganggarkan sejumlah RM25,720,000 diperlukan bagi kerja-kerja pembaikan cerun dan jalan-jalan yang rosak akibat bencana banjir 4 dan 5 November lalu di negeri ini.

Exco Kerja Raya, Utiliti dan Pengangkutan, Lim Hock Seng memberitahu, pihaknya bersama-sama Jabatan Kerja Raya (JKR) Negeri dan Persekutuan telah mengadakan tinjauan pasca banjir di beberapa kawasan cerun baru-baru ini.

"Hasil tinjauan...terdapat kejadian tanah runtuh di cerun-cerun terutamanya di Jalan Tun Sardon terdapat kejadian tanah runtuh di 45 lokasi, Jalan Jeep, Bukit Bendera (25) dan Jalan Pondok Upeh (1).

"Kesemuanya 71 lokasi dan dianggarkan peruntukan sebanyak RM17,230,000 diperlukan bagi kerja-kerja pembersihan dan

pembaikan cerun-cerun berkaitan.

"Manakala, di Jalan Persekutuan iaitu FT006 (*Coastal Road*) yang menghubungkan Teluk Kumbar sehingga ke Tanjung Tokong, sebanyak 50 lokasi dikenal pasti.

"(Dan) FT 220 Jalan Paya Terubong pula, empat lokasi dikenal pasti menjadikan 54 lokasi dengan anggaran perbelanjaan RM8,490,000...peruntukan ini kita (Kerajaan Negeri) perlu memohon daripada Kerajaan Persekutuan," katanya pada sidang media di sini 29 November lalu.

Mengulas lanjut, Hock Seng memberitahu bahawa bagi jumlah RM17.23 juta bagi kerja-kerja pembersihan dan pembaikan cerun di Jalan-jalan Negeri, ia akan mengguna pakai peruntukan MARRIS (Sistem Maklumat Rekod Jalan Raya Malaysia).

"Kerja-kerja pembersihan di jalan-jalan terjejas telah



**LIM Hock Seng**

dilaksanakan, manakala bagi kerja-kerja pembaikan cerun masih dijalankan menggunakan peruntukan MARRIS," jelasnya.

# Pinang Fiesta tonjol bakat keusahawanan golongan belia



SEBAHAGIAN persembahan tradisional yang dipersembahkan bersempena penganjuran Pinang Fiesta 2017.

Disediakan oleh **PYDC**

**PINANG** Fiesta adalah pendekatan diambil Perbadanan Pembangunan Belia Pulau Pinang (PYDC) bagi membolehkan golongan belia menonjolkan bakat keusahawanan yang ada pada diri masing-masing.

Secara tidak langsung, inisiatif tersebut juga dapat membantu usahawan-usahawan muda khususnya anak jati Pulau Pinang yang baru bertapak dalam bidang berkaitan mempromosikan produk yang dihasilkan.

Terbaru, usahawan-usahawan muda ini diberi peluang untuk bersama-sama di Pinang Fiesta sebagai platform bagi mengembangkan perniagaan masing-masing. PYDC yakin pendekatan berkaitan mampu meningkatkan mutu saing belia Pulau Pinang dan sekaligus mengurangkan kadar pengangguran dalam kalangan golongan berkaitan.

Pada tahun ini, PYDC berjaya melaksanakan Pinang Fiesta di *Upper Penang Road* dan *Sunway Carnival Mall*. Secara keseluruhannya, terdapat 68 peniaga yang mengambil bahagian dalam penganjuran berkenaan.

Pinang Fiesta membawa maksud asal Pulau Pinang, iaitu Pinang yang mampu membangkitkan semangat

negeri Pulau Pinang dan Fiesta membawa maksud keramaian sesuatu majlis yang diadakan.

Pada penganjuran baru-baru ini, ia dipecahkan kepada beberapa kategori pameran iaitu makanan, pakaian & aksesori, seni & produk kraf tangan dan lain-lain bagi melahirkan keseimbangan dalam penghasilan produk.

Kepelbagaian yang terdapat dalam Pinang Fiesta adalah suatu kelainan yang jarang kali dapat dikecapi golongan masyarakat kini. Memupuk satu semangat kesefahaman dan perpaduan yang terjalin sesama bangsa Malaysia.

#PinangFiesta17 adalah medium perhubungan yang digunakan sejak Pinang Fiesta dilancarkan bagi mempromosikan penganjuran ia. Informasi para peniaga dan persembahan dapat diakses dengan mudah menerusi penggunaannya.

Tetamu khas yang dijemput bagi memeriahkan penganjuran Pinang Fiesta 2017 antaranya, Usop Mentor (Penyanyi) dan Yeap Wai Kin (atlet wushu negara). Kehadiran mereka berjaya menarik perhatian ramai, ditambah dengan sokongan Ketua Menteri Pulau Pinang, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng yang hadir menyempurnakan penganjuran Pinang Fiesta 2017.



YEAP Wai Kin membuat persembahan khas.



SEBAHAGIAN usahawan muda yang mengambil bahagian.





# TABUNG AMANAH PINJAMAN PENUNTUT NEGERI PULAU PINANG

Pejabat Setiausaha Kerajaan, Paras 25, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang Tel : 04-6505165 / 6505391 / 6505627 Fax : 04-2613453

Layarlilah Laman Web : <http://www.penang.gov.my>

Pentadbiran ini dalam usaha mengesan semula peminjam dan penjamin mengikut senarai di bawah. Dipohon penama tersebut menghubungi pihak pentadbiran bagi tujuan pembayaran dengan kadar segera sebelum diambil tindakan selanjutnya. Orang ramai juga boleh tampil untuk memberi maklumat mengenai penama yang berkenaan.

(Sila abaikan notis ini jika pembayaran telah dibuat)

No Akaun Peminjam : 9447 DANIEL SABRI SIVAGURU (BATHMANABAN A/L SIVAGURU) - 80082207**** NO. 60 JALAN RAWANG, GEORGETOWN 10460 PULAU PINANG	No Akaun Peminjam : 9466 COLLEEN SIM LAY HOON - 81123107**** 11-4-10 LEBUH NIPAH 1, SUNGAI NIBONG, BAYAN LEPAS 11900 PULAU PINANG	No Akaun Peminjam : 9489 AGNES CHIN - 79103107**** 80 C MUKIM 13, AIR ITAM 11500 PULAU PINANG	No Akaun Peminjam : 9500 NURUL HUSNA BINTI SUHAIMI - 84091207**** NO. 7 JALAN PANTAI JERJAK 10, SUNGAI NIBONG, BAYAN LEPAS 11900 PULAU PINANG
Penjamin 1 : MUGUNTHAN A/L A SIVAGURU - 74010208**** NO. 36-B JALAN UTAMA 10460 PULAU PINANG	Penjamin 1 : POW LAY HOON - 80090107**** 522-A MUKIM 13, SUNGAI DUA, GELUGOR 11700 PULAU PINANG	Penjamin 1 : LIM BOON TEONG - 60050407**** A-6-8 LCF KAMPUNG MELAYU, 11500 AIR ITAM, PULAU PINANG	Penjamin 1 : SUHAIMI BIN ABD WAHAB - 60092507**** NO. 7 JALAN PANTAI JERJAK 10, SUNGAI NIBONG, BAYAN LEPAS 11900 PULAU PINANG
Penjamin 2 : GOPU A/L SIVAGURU - 76042407**** NO. 36-B JALAN UTAMA 10460 PULAU PINANG	Penjamin 2 : TAN KEK LOON - 80102007**** NO. 14 MUKIM 9, TELUK KUMBAR, BAYAN LEPAS 11920 PULAU PINANG	Penjamin 2 : CHEAH IM CHYE - 60032007**** 509 MUKIM D, KUALA JALAN BARU 11000 BALIK PULAU, PULAU PINANG	Penjamin 2 : SALINA BINTI ABD WAHAB - 67031807**** 5-7-7 PRIMA VIEW APARTMENT, LEBUH NIPAH 2, SUNGAI NIBONG 11900 PULAU PINANG
No Akaun Peminjam : 9502 SHAMURIA BINTI SHAMAS - 83082807**** NO. 16 BLOK A, MUKIM 12, SUNGAI NIBONG BESAR 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG	No Akaun Peminjam : 9505 ANWAR HARUN BIN ABDULLAH MUNIR - 82051907**** 98-8-12 PANGSAPURI SINAR, BUKIT DUMBAR, JALAN FARADAY 11600 JELUTONG, PULAU PINANG	No Akaun Peminjam : 9517 LOW CHEAN WEI - 81051607**** NO. 2A LORONG BUKIT MINYAK UTAMA 18, TAMAN BUKIT MINYAK UTAMA 14000 BUKIT MERTAJAM	No Akaun Peminjam : 9532 LIM BOON PING - 84022307**** 1866 JALAN BESAR, TAMAN MARKISAH 14100 SIMPANG EMPAT, SPS
Penjamin 1 : SALMAH BINTI AWANG - 63011802**** 16 BLOK A MUKIM 12, SUNGAI NIBONG BESAR 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG	Penjamin 1 : MOHD NAWAS BIN ABDUL RAHMAN - 57120102**** 3-12-6 MEDAN TENGGU 11600 JELUTONG, PULAU PINANG	Penjamin 1 : SIM CHUN ENG - 75090402**** NO. 16 JALAN WAJA, TAMAN KIJANG, 14000 BUKIT MERTAJAM	Penjamin 1 : SU YAH - 44042310**** 23 LORONG MERAK 58, TAMAN TAMBUN JAYA 14100 SIMPANG AMPAT, SPS
Penjamin 2 : JAAFAR BIN MAT - RF/T9**** CAWANGAN BEKALAN, IBUPEJABAT POLIS KONTINJEN 10760 PULAU PINANG	Penjamin 2 : ANWAR IBRAHIM BIN ABDULLAH MUNIR - 78082307**** 2A-23-18 MUTIARA HEIGHT, LINTANG HAJAH REHMAH 11600 JELUTONG, PULAU PINANG	Penjamin 2 : LOW GAU - 49100708**** 2 LORONG SEJAHTERA 22, TAMAN INDUSTRI, CHEROK TOK KUN 14000 BUKIT MERTAJAM	Penjamin 2 : LIM KOK KHENG - 51111707**** 28 LORONG SRI KIJANG 42, TAMAN SRI KIJANG, ALMA 14000 BUKIT MERTAJAM
No Akaun Peminjam : 9542 SYED HAZZARRI B SYED HAMZAH MUFAZZAL - 83092507**** NO. 64 LORONG MAHSURI 9, BAYAN BARU, BAYAN LEPAS 11950 PULAU PINANG	No Akaun Peminjam : 9546 MAIZATUL AKMAM BINTI AHMAD - 83041607**** 3-1-4 DESA SELATAN, JALAN JELUTONG 11600 GEORGETOWN, PULAU PINANG	No Akaun Peminjam : 9551 NORAI SYAH BINTI ISHAK - 83050907**** 6269 PULAU MERTAJAM 13110 PENAGA, SPU	No Akaun Peminjam : 9558 OON KOCK TANG - 83040107**** 1859 JALAN KG TOK BEDU, LORONG SERI GELUGOR 2, TAMAN SERI GELUGOR
Penjamin 1 : MOHAMAD RAIS BIN MUJI - 68042907**** E-6-2 TAMAN BUKIT JAMBUL, OFF JALAN TUN DR AWANG, MK 13, 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG	Penjamin 1 : AMIR HAZRIL SANY BIN AHMAD - 79031507**** 3-1-4 DESA SELATAN, JALAN JELUTONG, 11600 PULAU PINANG	Penjamin 1 : MOHD FAUZI BIN ISHAK - 71122907**** NO.355 PULAU MERTAJAM 13110 PENAGA, SEBERANG PERAI UTARA	Penjamin 1 : YAP KIM ET - 61092607**** NO.482 POKOK MACHANG 13300 TASEK GELUGOR, SEBERANG PERAI UTARA
Penjamin 2 : NOOR LIZA BINTI ZAKARIAH - 65111107**** NO. 246-1 SOLOK SUNGAI ARA 2, KAMPUNG BARU, SUNGAI ARA 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG	Penjamin 2 : CHE AZNI BIN AZMI - 61102907**** BLOK 1B-G-05 PANGSAPURI TAMAN AIR TAWAR INDAH, TELUK AIR TAWAR 13050 BUTTERWORTH	Penjamin 2 : NOOR ADILASYLA BINTI BAHARIN - 73111907**** 429 MUKIM 1, KUALA MUDA 13110 PENAGA, SEBERANG PERAI UTARA	Penjamin 2 : YAP CHOOI AI - 70082207**** BG-14 KELISA APARTMENT, LORONG KIKIK 1, TAMAN INDERAWASIH 13600 PERAI
No Akaun Peminjam : 9572 CHEAH HUI TING - 83071307**** D-2-4 TAMAN BUKIT JAMBUL, BAYAN LEPAS 11900 PULAU PINANG	No Akaun Peminjam : 9574 QUAH CHEE KENG - 84102207**** NO.33 LINTANG GELUGOR 11600 PULAU PINANG	No Akaun Peminjam : 9576 MOHD ANAS SUZWANDI BIN SUHAIMI - 84010207**** 798 PERMATANG TOK JAYA, SUNGAI DUA 13800 BUTTERWORTH	No Akaun Peminjam : 9603 ROY CHOONG HON HUI - 82100407**** 17 LORONG MACHANG BUKIT 11, TAMAN MACHANG BUBUK 14020 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1 : NG KOK YEW - 52051007**** 3-12-5 BL GARDEN, SOLOK THEAN TEIK, AYER ITAM 11500 PULAU PINANG	Penjamin 1 : QUAH YING YING - 75090707**** BLOK 115-06-12 JALAN KENARI, DESARIA, SUNGAI ARA 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG	Penjamin 1 : JAMALIAH BINTI ZAKARIA - 56071507**** 798 PERMATANG TOK JAYA, 13800 SUNGAI DUA, BUTTERWORTH	Penjamin 1 : KHOR HOCK BENG - 66072207**** 1345 JALAN TUJUH, PERKAMPUNGAN BERAPIT 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 2 : LIAN MOOI SENG - 55070707**** BLOK 2D-2-2 JALAN SEMARAK API, 11500 AYER ITAM, PULAU PINANG	Penjamin 2 : CHOY KWAI LENG - 77061907**** 422-04-01 JALAN HILL RAILWAY, TAMAN BUKIT BENDERA 11500 AIR ITAM, PULAU PINANG	Penjamin 2 : ZAHADI BIN HJ MOHD - 55120707**** 810 PERMATANG TOK JAYA, 13800 SUNGAI DUA, BUTTERWORTH	Penjamin 2 : HOR TSAE LAN - 73050707**** 9B JALAN LAGENDA 6, TAMAN LAGENDA MAS 43200 BATU 9 CHERAS, SELANGOR
No Akaun Peminjam : 9609 YOW MOOI SIN - 80080807**** NO. 45 JALAN TEKOMA, AMBANG BOTANIC, KLANG 41200 SELANGOR	No Akaun Peminjam : 9622 WOO TEIK CHUAN - 84012407**** 444 MK 10, KAMPUNG ASTON 14000 BUKIT MERTAJAM	No Akaun Peminjam : 9633 CHANG LIAN FENG - 80100307**** NO.1109 JALAN TENGAH, PERMATANG TINGGI, 14000 BUKIT MERTAJAM	No Akaun Peminjam : 9636 SARASWATHIDEVI A/P SAMINATHAN - 67072508**** 4-1-1 LEBUH NIPAH TIGA, SUNGAI NIBONG, BAYAN LEPAS 11900 PULAU PINANG
Penjamin 1 : YOW MEI HOE - 78102307**** 1192 KAMPUNG SANGLANG 14300 NIBONG TEBAL, SEBERANG PERAI SELATAN	Penjamin 1 : LOH SAY CHU - 62082308**** 444 MK 10, KAMPUNG ASTON 14000 BUKIT MERTAJAM	Penjamin 1 : CHANG LEE SEE - 69060807**** NO. 8 SOLOK SERI IMPIAN 2, TAMAN SERI IMPIAN, ALMA 14000 BUKIT MERTAJAM	Penjamin 1 : RAMAIAH A/L PATCHIAMUTHU - RF114**** BALAI POLIS PULAU TIKUS 10350 JALAN BURMA, PULAU PINANG
Penjamin 2 : TAN HONG LUAN - 66080607**** 2-4 LORONG KERAMAT PERMAI 3, TAMAN KERAMAT PERMAI 14300 NIBONG TEBAL, SPS	Penjamin 2 : LIM BEE SUAN - 67070407**** NO. 11 JALAN MAWAR, TAMAN JAYA 14000 BUKIT MERTAJAM	Penjamin 2 : ANG POON CHOON - 63101707**** NO. 1198 PERMATANG TINGGI 14000 BUKIT MERTAJAM, SEBERANG PERAI TENGAH	Penjamin 2 : MOHD FAUZ ANTHONY BIN ABDULLAH - 79013007**** BLOK 100-6-15, MEDAN PENAGA, TAMAN SELATAN 11600 PULAU PINANG
No Akaun Peminjam : 9637 MOHD NASEER BIN ABU BAKAR - 82041807**** 6-G-8 PANGSAPURI IDAMAN 13700 PERAI	No Akaun Peminjam : 9639 MOHAMMAD ASLAM BIN MOHAMMAD - 80042607**** 14 JALAN IKHLAS IE/KS8, TAMAN DATO SETIA, KAMPUNG JOHAN SETIA 41200 KLANG, SELANGOR	No Akaun Peminjam : 9654 AINI AZLIN BINTI KHAZALI - 82012807**** KILOMETER 11 JALAN BUKIT TEMIANG, BESERI, KANGAR 02400 PERLIS	No Akaun Peminjam : 9677 RODZIAH BINTI ISMAIL - 82051807**** 69 MEDAN KIKIK SATU, TAMAN INDERAWASIH 13600 PERAI
Penjamin 1 : ZAINAB BINTI MAT ISA - 50020307**** NO. 2252 TAMAN MELATI, 09400 PADANG SERAI, KEDAH	Penjamin 1 : MUMDASS BEHAM BT ABDUL KARIM - 50020207**** NO. 61 JALAN MAQBUL 10150 PULAU PINANG	Penjamin 1 : KHAZALI BIN TAIB - 56030409**** KILOMETER 11, JALAN BUKIT TEMIANG, BESERI 02400 KANGAR, PERLIS	Penjamin 1 : SITI AISHAH BINTI HASSAN - 66092407**** 338 MK C, PERMATANG PASIR 11010 BALIK PULAU, PULAU PINANG
Penjamin 2 : CHE BEDAH BINTI MAHAMAD - 52062107**** NO. 9 LORONG TASIK INDAH 3, TAMAN TASIK INDAH 14120 SIMPANG EMPAT, SPS	Penjamin 2 : FARIDAH BINTI ABDUL RAHMAN - (MENINGGAL DUNIA) KAMPUNG TEMBAK A, 09300 KUALA KETIL, KEDAH	Penjamin 2 : RUSLAN BIN KASIRAN - 74021907**** AKG 3-1 KUARTERS KASTAM, BUKIT GELUGOR, KAMPUNG KASTAM 11700 GELUGOR, PULAU PINANG	Penjamin 2 : ZAINAB BINTI HASSAN - 64021707**** 66A LORONG MURNI 1/2A, TAMAN MURNI, GURUN 08300 KEDAH
No Akaun Peminjam : 9692 KONG HONG GUAN - 83123107**** A-07-01 SERINA BAY, HILIR SUNGAI PINANG 11600 GEORGETOWN, PULAU PINANG	No Akaun Peminjam : 9701 SUHANA BINTI MOHAMAD RAZAK - 80041907**** 2426 LENGKOK SG. GELUGOR 2, JALAN ISMAIL NAGORE 11700 PULAU PINANG	No Akaun Peminjam : 9723 CHEW SOON BENG - 82080107**** NO. 8 LORONG DAMAR 2, PERMATANG DAMAR LAUT 11960 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG	No Akaun Peminjam : 9736 ROSSITA BINTI KASSIM LOH - 81122107**** NO. 112 JALAN TIMUR 2/4B, TIMUR ENSTEK, BANDAR ENSTEK 71760 NILAI, NEGERI SEMBILAN
Penjamin 1 : TAN HUN BIN - 71051607**** 3-5-12 LEBUH SUNGAI PINANG 7, DESA PINANG 2, 11600 PULAU PINANG	Penjamin 1 : NOORAINI BINTI MOHAMAD RAZAK - 71032407**** 2426 LENGKOK SUNGAI GELUGOR 2, JALAN ISMAIL NAGORE, GELUGOR 11700 PULAU PINANG	Penjamin 1 : CHEW SUN HOE - 75021007**** 19B-04-01 DESA JELITA, JALAN KEKABU, BAYAN LEPAS 11900 PULAU PINANG	Penjamin 1 : MOHD ZALANI BIN WAHAB - 67062107**** 1449 LAHAR YOOI 13300 TASEK GELUGOR, SEBERANG PERAI UTARA
Penjamin 2 : TAN GEOK HONG - 73030907**** 3-5-12 LEBUH SUNGAI PINANG 7, DESA PINANG 2, 11600 PULAU PINANG	Penjamin 2 : NOORHISHAM BIN MOHAMAD RAZAK - 74010807**** 2426 LENGKOK SUNGAI GELUGOR 2, JALAN ISMAIL NAGORE, GELUGOR 11700 PULAU PINANG	Penjamin 2 : CHEW SUN AN - 74032307**** 19C-7-16 DESA JELITA, JALAN KEKABU 2, PERMATANG DAMAR LAUT 11960 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG	Penjamin 2 : ROSNANI BINTI KASSIM LOH - 75060307**** 1449 LAHAR YOOI 13300 TASEK GELUGOR, SEBERANG PERAI UTARA
No Akaun Peminjam : 9742 GOH PENG HOW - 82112007**** 3 LORONG BINJAI 11, TAMAN SRI RAMBAI 14000 BUKIT MERTAJAM	No Akaun Peminjam : 9743 OOI GIN AIK - 81112507**** 85-K JALAN SUNGAI PINANG 10150 PULAU PINANG	No Akaun Peminjam : 9744 KHOO SIEW TING - 85051607**** 362-3-6 GAT LEBUH MACALLUM 10300 PULAU PINANG	No Akaun Peminjam : 9745 ARSHAD BIN MOHAMMED KASSIM - 77101407**** 8 LORONG HIJAU 3, GEORGETOWN 11600 PULAU PINANG
Penjamin 1 : GOH HOOI THENG - 79072307**** NO. 3 LORONG BINJAI 11, TAMAN SRI RAMBAI 14000 BUKIT MERTAJAM	Penjamin 1 : TAN SUAN BEE - 66123007**** 31 PERSEKARAN PANTAI JERJAK 11, 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG	Penjamin 1 : WOON HON WEI - 77111608**** NO. 10 JALAN PANTAI JERJAK 11, SUNGAI NIBONG, BAYAN LEPAS 11900 PULAU PINANG	Penjamin 1 : AZIZAN BIN HUSSAIN - (MENINGGAL DUNIA) BLOK A-4-6 HOSPITAL KUARTERS, JALAN LIM KHOOH HUAT 10460 PULAU PINANG
Penjamin 2 : PEK GIM PO - 60022702**** NO. 5 LORONG BINJAI 11, TAMAN SRI RAMBAI 14000 BUKIT MERTAJAM	Penjamin 2 : GOOI BENG CHOO - 66061207**** 1-8-3 TAMAN BUKIT DUMBAR PERMAI 11700 GELUGOR, PULAU PINANG	Penjamin 2 : PUAH CHIU LING - 82122707**** NO. 80 LORONG RUSA 6, TAMAN SELAMAT 14000 BUKIT MERTAJAM	Penjamin 2 : AZIZ BIN INDAN - 50070107**** 272E MUKIM 18, TANJUNG TOKONG 10470 PULAU PINANG
No Akaun Peminjam : 9756 PHOON LAI SUM - 83091007**** 8C-09-09 LORONG SEMARAK API 3, BANDAR BARU AYER ITAM 11500 PULAU PINANG	No Akaun Peminjam : 9776 SITI SABRINA BINTI ABDUL HAMID - 83080707**** BLOK S-17, RUMAH TRANSIT, UDA TANJONG TOKONG 10470 TANJONG TOKONG, PULAU PINANG	No Akaun Peminjam : 9804 NUR HIDAYAH BINTI AZEMI - 80012107**** AE-2-8 TAMAN TUN SARDON, GELUGOR 11700 PULAU PINANG	No Akaun Peminjam : 9805 ZAHARA BINTI ISMAIL - 75111607**** 5-10-09 JALAN BATU UBAN 3, GELUGOR 11700 PULAU PINANG
Penjamin 1 : LEE CHEA HIN - 79031407**** 29-06-03 LENGKOK NIPAH DUA, SUNGAI DUA 11700 PULAU PINANG	Penjamin 1 : MOHD ARIS BIN OTHMAN - 58021907**** 208-A JELUTONG TIMUR 11600 PULAU PINANG	Penjamin 1 : WAN SHAHROM BINTI PAWANTEH - 67040807**** AQ-1-1 TAMAN TUN SARDON, JALAN HILIR PEMANCAR, GELUGOR 11700 PULAU PINANG	Penjamin 1 : ABDUL MALIK BIN CHE ROSE - (MENINGGAL DUNIA) PUSAT PENGAJIAN SAINS FARMASI, UNIVERSITI SAINS MALAYSIA 11800 MINDEN, PULAU PINANG
Penjamin 2 : KOAY CHEE HSIANG - 79020407**** 7-17-3 JAY SERIES, JALAN GANGSA, GREENLANE HEIGHTS 11600 PULAU PINANG	Penjamin 2 : YAHAYA BIN HASHIM - 66010207**** 16 JALAN MAQBUL, SUNGAI PINANG 10150 PULAU PINANG	Penjamin 2 : IRWAN BIN ABDULLAH - 80060107**** AE-2-8 TAMAN TUN SARDON, 11700 GELUGOR, PULAU PINANG	Penjamin 2 : MUHAMAD FAIZAL BIN ISMAIL - 75082507**** NO. 45 LORONG PERMATANG PASIR 1, TAMAN MANGGIS INDAH, BALIK PULAU 11000 PULAU PINANG



# EXO HORIZON

@ Juru Sentral  
Bukit Mertajam  
HAKMILIK KEKAL  
5% Discount Untuk Bumiputera

**SOHO/Pejabat**  
**Studio 39 Tingkat**  
**Jumlah Unit: 175**

**Harga Jualan:**  
RM245,000.00 (min)  
RM952,400.00 (mak)

**Keluasan Binaan:**  
510 kps (min)  
1800 kps (mak)

*No Kelulusan Pelan  
Bangunan:  
MPSP / 40 / 20-41 / 51  
Tarikh Dijangka Siap:  
Tahun 2019*



**Kedai Pejabat 7 Tingkat**  
(3 unit)

**Kedai Pejabat 4 Tingkat**  
(14 unit)

**Harga Jualan:**  
RM 4,000,000.00 (min)  
RM 11,700,000.00 (mak)

**Keluasan Binaan:**  
24' x 70' x 4 (min)  
37' x 70' x 7 (mak)

*No Kelulusan Pelan Bangunan:  
MPSP / 40 / 20 - 41 / 47  
Tarikh Dijangka Siap:  
Tahun 2019*



Pemaju:



**Exopuri Development Sdn. Bhd.** (375801-K)

No.1349, Jalan Berjaya, Kampung Baru, 14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang

Tel: 04-537 5333 Fax: 04-538 1001 Email: info@exopuri.com Website: www.exopuri.com

*Pembeli-pembeli Bumiputera yang berminat sila hubungi:  
Bahagian Perumahan,  
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri  
Paras 20, KOMTAR, 10530 Pulau Pinang  
Tel: 04-6505 242/6505 244 Fax: 04-2622 904*



## TABUNG AMANAH PINJAMAN PENUNTUT NEGERI PULAU PINANG

Pejabat Setiausaha Kerajaan, Paras 25, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang Tel : 04-6505165 / 6505391 / 6505627 Fax : 04-2613453

Layarilah Laman Web : <http://www.penang.gov.my>

Pentadbiran ini dalam usaha mengesan semula peminjam dan penjamin mengikut senarai di bawah. Dipohon penama tersebut menghubungi pihak pentadbiran bagi tujuan pembayaran dengan kadar segera sebelum diambil tindakan selanjutnya. Orang ramai juga boleh tampil untuk memberi maklumat mengenai penama yang berkenaan.

(Sila abaikan notis ini jika pembayaran telah dibuat)

No Akaun Peminjam : 9809 AFIFUDDIN BIN MD ISHAK - 85120407**** 17 LORONG BERTAM INDAH 4/8, TAMAN BERTAM INDAH 13200 KEPALA BATAS, SPU	No Akaun Peminjam : 9824 NOOR WAHIDA BINTI SAMAT - 82112207**** 6292 PERMATANG KERIANG 13110 PENAGA, SPU	No Akaun Peminjam : 9825 MOHD IKHWAN BIN MOHAMMAD SALEH - 85021407**** NO.16 TAMAN SEROJA 2, JALAN BUKIT MERTAJAM, 09000 KULIM,	No Akaun Peminjam : 9834 STEPHEN TYE WOUI SEANG - 83052407**** 33-08-02 LORONG SEMARAK API 3, AIR ITAM 11500 PULAU PINANG
Penjamin 1 : MD ISHAK BIN OMAR - 48070307**** NO.17 LORONG BERTAM INDAH 4/8, TAMAN BERTAM INDAH 13200 KEPALA BATAS, SPU	Penjamin 1 : NORISYAH BINTI SAMAT - 73031607**** 21 LORONG PENAGA 5, TAMAN PENAGA 13110 PENAGA, SPU	Penjamin 1 : ZAITON BINTI SULAIMAN - 57120702**** 16 TAMAN SEROJA 2, JALAN BUKIT MERTAJAM, 09000 KULIM, KEDAH	Penjamin 1 : TYE KAH LOOK - 52110407**** 33-08-02 LORONG SEMARAK API 3, 11500 AIR ITAM, PULAU PINANG
Penjamin 2 : IZUDDIN BIN MD ISHAK - 76121708**** NO. 77 LORONG SYAHBANDAR 8, BERTAM PERDANA 13200 KEPALA BATAS, SPU	Penjamin 2 : NORELA BINTI SAMAT - 79091107**** 6292 PERMATANG KERIANG 13110 PENAGA, SEBERANG PERAI UTARA	Penjamin 2 : ZAMRI BIN SULAIMAN - 73050402**** 29 LORONG PAUH JAYA 5/2, TAMAN PAUH JAYA, 13500 PERMATANG PAUH	Penjamin 2 : LAU BAN HENG - 64052707**** 30-6-7 JALAN SAMAK 10150 PULAU PINANG
No Akaun Peminjam : 9841 MUNIESWARAN A/L KRISHNA KUMAR - 82030807**** 52-1-5 TAMAN KOPERASI , JELUTONG, JALAN KURAU 11600 PULAU PINANG	No Akaun Peminjam : 9847 LOO BEE BEE - 84072807**** 24 LORONG BELIBIS 32, TAMAN TANGLING JAYA 14100 SIMPANG AMPAT, SPS	No Akaun Peminjam : 9855 PURVENDRAN A/L RAMALINGAM - 81090814**** BLOK C-1-21 VISTA PERDANA, TAMAN BAGAN JERMAL 12200 BUTTERWORTH	No Akaun Peminjam : 9861 SAMUNDESWARY A/P SUPPIAH - 70120307**** BLOK F 14-9, RIFLE RANGE FLATS 11400 PULAU PINANG
Penjamin 1 : KRISHNA KUMAR A/L THIAGARAJAN - 51021802**** 52-1-5 TAMAN KOPERASI JELUTONG, JALAN KURAU 11600 PULAU PINANG	Penjamin 1 : LOO SIN KEONG - 76100307**** 144 KAMPUNG KHEK KLIAN INTAN 33200 PENGKALAN HULU, PERAK	Penjamin 1 : RAMALINGAM A/L OR VELAISAMY - 52092407**** BLOK C-1-21 VISTA PERDANA, TAMAN BAGAN JERMAL 12200 BUTTERWORTH	Penjamin 1 : SATHIASELAN A/L SUPPIAH - 74062408**** 123 JALAN 3/23, TAMAN BANGI 3 , SEC 3 TAMBAHAN,BDR BARU BANGI 43650 SELANGOR
Penjamin 2 : SHANMUGAM A/L SUBBIAH - 51050407**** NO. 45-S LORONG 4, JALAN CHOR SIN KHENG 11600 PULAU PINANG	Penjamin 2 : NG YIAN TING - 81050808**** 47 LORONG SERI TAMBUN 1, TAMAN SERI TAMBUN 14100 SIMPANG AMPAT, SPS	Penjamin 2 : NAGENDRAN A/L RAMALINGAM - 79111714**** 19 LORONG VILLA MUTIARA 3, VILLA MUTIARA 14120 SIMPANG AMPAT, SPS	Penjamin 2 : THANAVENTHRAN A/L NADARAJAH - 62090407**** NO.57 TAMAN SIAKAP, SEBERANG JAYA 13600 PERAI
No Akaun Peminjam : 9864 SITI ZARINAH BINTI ABU BAKAR - 80011207**** NO. 4 SOLOK NIPAH 2, TAMAN HAJI MOHD AMIN 13500 PERMATANG PAUH	No Akaun Peminjam : 9865 YEOH KEAN HAAW - 84041207**** 1C-07-09 LORONG SEMARAK API 2, FARLIM, AYER ITAM 11400 PULAU PINANG	No Akaun Peminjam : 9867 TAN CHONG HONG - 80121607**** ST. CHRISTOPHER'S INTERNATIONAL PRIMARY SCHOOL, NO. 10 NUNN ROAD 10350 PULAU PINANG	No Akaun Peminjam : 9878 PANG CHIEW LING - 81040307**** 310-E WEST JELUTONG 11600 PULAU PINANG
Penjamin 1 : SHAHRUL NAZRI BIN ABU BAKAR - 75031307**** NO. 1483 BAGAN DALAM 12100 BUTTERWORTH	Penjamin 1 : YEOH TEONG HUAT - 54042707**** 1C-07-09 LORONG SEMARAK API 2, 11500 AYER ITAM, PULAU PINANG	Penjamin 1 : TAM GIM SIAM - 76050607**** 11 PERSIARAN MAYANG PASIR 7, BAYAN BARU, BAYAN LEPAS 11950 PULAU PINANG	Penjamin 1 : SOW PICK HONG - 76120107**** NO. 310-E WEST JELUTONG 11600 PULAU PINANG
Penjamin 2 : ROSLIZA BINTI MOHD SHARIFF - 80010207**** NO. 1483 BAGAN DALAM 12100 BUTTERWORTH	Penjamin 2 : CHOONG SIEW HONG - 55121507**** 1C-07-09 LORONG SEMARAK API 2, 11500 AYER ITAM, PULAU PINANG	Penjamin 2 : TAN CHONG HIAN - 82102407**** 11 PERSIARAN MAYANG PASIR 7, BAYAN BARU, BAYAN LEPAS 11950 PULAU PINANG	Penjamin 2 : ONG POH IM - 70091107**** 48-7-12A TAMAN SERI HIJAU, JALAN VAN PRAAGH 11600 PULAU PINANG
No Akaun Peminjam : 9896 GEE WEI LING - 83102107**** 83-A BRICK KILN, GEORGETOWN 10300 PULAU PINANG	No Akaun Peminjam : 9897 SOON KIM LAI - 82051207**** 21-4-15 TAMAN LONE PINE, LEBUHRAYA THIEN TEIK 11060 AYER ITAM, PULAU PINANG	No Akaun Peminjam : 9899 SOO LAI HENG - 50111607**** NO.17 LORONG NIPAH 4, TAMAN LIP SIN, BAYAN LEPAS 11900 PULAU PINANG	No Akaun Peminjam : 9899 KHAW KEAN HIN - 65072007**** NO. 93 LORONG BLM 5/1, BANDAR LAGUNA MERBOK 08000 SUNGAI PETANI, KEDAH
Penjamin 1 : SOO LAI FUNG - 56102907**** 21-4-15 TAMAN LONE PINE, 11500 AYER ITAM, PULAU PINANG	Penjamin 1 : SOO LAI HENG - 50111607**** NO.17 LORONG NIPAH 4, TAMAN LIP SIN, BAYAN LEPAS 11900 PULAU PINANG	Penjamin 2 : KHAW KEAN HIN - 65072007**** NO. 93 LORONG BLM 5/1, BANDAR LAGUNA MERBOK 08000 SUNGAI PETANI, KEDAH	
Penjamin 2 : TEOH KHOO JOO - 56080807**** NO. 19 LORONG TANJUNG 5, TAMAN MUTIARA TANJUNG 14110 SIMPANG AMPAT, SPS			

# Jom Pi Pesta!



**PENCAHAYAAN** bahan-bahan pameran ditambah baik bagi menyerikan penganjuran kali ini.

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**  
Gambar : **SHUM JIAN-WEI**

**PANTAI JEREJAK** - Menyedari sambutan hangat masyarakat utara Semenanjung terhadap penganjuran popular Pesta Pulau Pinang, Kerajaan Negeri membelanjakan RM2.4 juta bagi menjayakannya tahun ini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, Pesta Pulau Pinang merupakan acara tahunan yang dinanti-nanti bukan sahaja oleh warga negeri ini, malah juga di luar Pulau Pinang.

“Sambutan umum ke Pesta Pulau Pinang turut dilihat dapat menjana lebih banyak peluang perniagaan dan pekerjaan sementara di tapak ini.

“Saya difahamkan, pada tahun ini, seramai 154 usahawan mengambil bahagian menjual pelbagai produk seperti barangan elektronik, kesihatan, pakej pelancongan, hiasan dalaman, produk berasaskan kayu, tekstil dan pakaian, kraftangan serta permaidani dan kendera saji (*food truck*) turut menanti kehadiran pengunjung ke sini,” ucapnya pada Majlis Perasmian Pesta Pulau Pinang 2017 Ke-51 di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN), Dato’ Law Choo Kiang; Timbalan Ketua Menteri I, Dato’ Mohd. Rashid Hasnon; Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato’ Seri Farizan Darus; barisan Exco dan Pegawai Kewangan Negeri, Dato’ Sarul Bahiyah Abu.

Dalam pada itu, Guan Eng turut mengajak orang ramai supaya mengambil kesempatan melawat Pesta Pulau Pinang terutamanya bagi merakam gambar kenangan di sudut swafoto berkonsepkan ‘Saya ♥ Pulau Pinang’.

“Pada tahun ini juga, pencahayaan Pesta Pulau Pinang 2017 telah ditambah baik bagi menyerikan lagi penganjuran kali ini.

“Tahun ini, Pesta Pulau Pinang 2017 dijadualkan berlangsung selama 37 hari, iaitu mulai 25 November sehingga 31 Disember 2017 seiring tema ‘Jom Pi Pesta!’,” katanya.

Ditanya berkenaan sasaran jumlah pengunjung untuk Pesta Pulau Pinang 2017, Sarul Bahiyah meletakkan sasaran 650,000 pengunjung.

“Kalau boleh, tahun ini kita sasarkan jumlah sama macam tahun lepas iaitu 650,000 pengunjung, kalau capai 500,000 pengunjung pun saya anggap sudah memadai dengan promosi yang kita lakukan melalui media sosial dan sebagainya,” responsnya apabila ditanya pihak media.

Berkenaan isu banjir yang beberapa kali terjadi pada sambutan tahun lalu, Sarul Bahiyah memaklumkan bahawa pihaknya kini menyediakan beberapa langkah penyelesaian dalam menghadapi situasi tersebut.

“Antaranya, menyediakan *flood gate* atau laluan air, pam air dan meletakkan personel Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Pulau Pinang serta Jabatan Kerja Raya (JKR) Pulau Pinang di tapak pesta,” jelas beliau.



Sebanyak 74 acara berkonsepkan kekeluargaan, kesukanan dan riadah diatur untuk penganjuran kali ini, seperti Pertandingan Silat Antarabangsa, Pesta Tinju, Pesta Muay Thai dan persembahan kucing anjuran Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Pulau Pinang.



**KETUA Menteri dan Saruh Bahiyah Abu** (tiga dari kanan), **Law Choo Kiang** (dua dari kanan) dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri pada Majlis Perasmian Pesta Pulau Pinang 2017 Ke-51 di sini baru-baru ini.



**TAMAN Euro** yang turut menjadi tarikan pengunjung.



**SUDUT swafoto** berkonsepkan ‘Saya ♥ Pulau Pinang’.

# Kajian tambah baik amaran awal, urus krisis bakal libat perkongsian ilmu jabatan meteorologi negara asing

Teks & Gambar : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**PANTAI JEREJAK** - Kerajaan Negeri berhasrat menjalankan kajian pengumpulan data bagi perkhidmatan meteorologi yang dilaksanakan di negara-negara lain sekitar rantau ini untuk menambah baik penyampaian amaran awal serta pengurusan krisis di negeri ini.

Ketua Menteri, Y.A.B Tuan Lim Guan Eng berkata, meskipun Kerajaan Negeri berjaya melaksanakan pengurusan krisis, namun masih banyak lagi langkah-langkah pencegahan yang perlu ditambah baik.

“Paling utama adalah memastikan rakyat Pulau Pinang khususnya mendapat maklumat tepat dan bersedia menghadapi sebarang kemungkinan ketika berhadapan cuaca buruk atau bencana.

“Kajian ini akan melibatkan jabatan meteorologi negara asing dan ada di antaranya telah menyatakan kesanggupan mereka untuk membantu termasuk China,

Britain dan Jepun yang merupakan pihak-pihak yang telah biasa dengan bencana alam,” ucapnya pada Majlis Makan Malam Penyampaian Anugerah Green Pinang 2017 di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Pinang, Lim Siew Khim; ADUN Jawi, Soon Lip Chee; Datuk Bandar bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Dato’ Maimunah Mohd. Sharif; Setiausaha Perbandaran bagi Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Ir. Rosnani Mahmud; Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP), Dato’ Ir. Jaseni Maidinsa dan Pengurus Besar Penang Green Council (PGC), Thing Siew Shuen.

**Guan Eng yang juga Pengerusi PGC turut merakamkan ucapan terima kasih kepada lebih 10,000 sukarelawan yang membantu memulihkan semula negeri ini dari kesan pasca banjir paling teruk dalam sejarah**



**LIM Siew Khim (barisan depan, kanan sekali) bergambar dengan salah sebuah pasukan johan pada Majlis Makan Malam Penyampaian Anugerah Green Pinang 2017 di sini baru-baru ini.**

**melalui program ‘Pulau Pinang Bangkit’.**

**“Saya mengucapkan terima**

**kasih kepada semua rakyat Malaysia dan Pulau Pinang yang telah menonjolkan m a k n a s e b e n a r ‘berat sama**

**dipikul, ringan sama dijinjing’ bagi memulihkan Pulau Pinang.**

**“Kita (Pulau Pinang) telah**

**mencapai pencapaian yang memberangsangkan dengan bangkit dan membersihkan 100 peratus kawasan terjejas dalam masa 10 hari dan hampir 10,000 tan sampah sarap telah dikumpul serta dibersihkan hasil usaha semua pihak,”** katanya.

Pada majlis tersebut, Guan Eng turut menyempurnakan beberapa penyampaian anugerah, antaranya Anugerah Sekolah Hijau Pulau Pinang; Anugerah Kewartawanan Hijau Pulau Pinang; Projek Step by Step; Anugerah Kemampanan Alam Sekitar Pulau Pinang; Anugerah Pemuliharaan Alam Sekitar Pulau Pinang serta penghargaan kepada 48 pejabat kerajaan dan swasta yang diperakui sebagai Pejabat Hijau Pulau Pinang bagi tahun 2017.

## TANPA BEG PLASTIK PERCUMA SETIAP HARI 2.0

### 每日无免费塑胶袋 2.0

mulai **01 Mac 2017** 自2017年3月1日起

**P**asaraya Hyper, Pasaraya Besar, Pasaraya Serbaneka, Kedai Serbaneka, Restoran Makanan Segera, Kedai Serbaneka Stesen Minyak, Kedai Rangkaian, Farmasi dan lain-lain.

霸级市场、超级市场、杂货市场、杂货店、快食店、油站杂货店、连锁店、药剂行等等。

**Pendaftaran boleh dilakukan di:**  
可在以下地点登记:

Bahagian Pelesenan MBPP, Dewan Bandaraya, Jalan Padang Kota Lama, 10200 Georgetown, Pulau Pinang.  
檳島市政局執照部門

Kaunter Berpusat Majlis Perbandaran Seberang Perai, Jalan PERDA Utama, Bandar PERDA, 14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang.  
威省市政局一站式柜台

Tabung Akaun Amanah Kebajikan Negeri Pulau Pinang  
檳州福利基金

Hasil kutipan RM0.20 sen akan disalurkan ke Tabung Akaun Amanah Kebajikan Negeri Pulau Pinang untuk tujuan pembasmian kemiskinan di seluruh negeri Pulau Pinang melalui Program Agenda Ekonomi Saksama (AES).  
收取的20仙将被收入檳州福利基金，通过公平经济议程 (Agenda Ekonomi Saksama, AES) 计划来作为全檳的除贫基金。

Sebarang Pertanyaan / 任何询问:  
Bahagian Pelesenan, MBPP / 檳島市政局執照部: 04-263 8818  
Bahagian Pelesenan, MPSP / 威省市政局執照部: 04-549 7414

**FINANCE OFFICER**

**About PWDC**

If you aspire to see women and men have opportunities, rights and freedom to develop their full potential in Penang, this could be the finance position that hits all the right notes for you. You'll be part of a vibrant state corporation working towards the transformation of Penang through the promotion of equality among women and men of all ethnicities, religions and socio- economic backgrounds.

**Responsibilities:**

- Perform daily book keeping transactions
- Handle petty cash claims
- Handle full set accounts, profit & loss and balance sheet
- Prepare monthly/quarterly/yearly management/financial reports including cash flows
- Prepare programs expenses/ reports
- Perform monthly bank/cash reconciliations and ensure funds in bank is accounted for
- Ensure prompt payment to vendors/suppliers
- Handle monthly fixed asset record listing and depreciations
- Ensure finance documents/reports are properly filed
- Assist in preparing yearly work plan for Admin & Finance dept
- Assist in compiling the program budgets and ensure within the budget allocations
- Liaise with Auditor on yearly accounts audit and tax compliance
- Assist on matters related to Admin & HR and other matters when assigned by the Management

**Requirements:**

- LCCI Higher/ Diploma in Accounting/ Finance/ Business with 2 to 3 years' experience
- Knowledge in accounting system will be an added advantage
- Required language: Bahasa Malaysia and English
- Candidates without academic qualifications but with relevant working experience may be considered
- Have plenty of energy, a calm 'customer focused' manner, the ability to cope with pressure, excellent interpersonal and teamwork skills, meticulous attention to detail, able to work independently with minimal supervision and must be computer literate.

Interested candidates are to submit an application letter enclosing their CV, academic transcripts, latest passport size photo, state current and expected salary and two work references to the address below or email by **15<sup>th</sup> December 2017**.

**PWDC Sdn Bhd**  
Level 47, KOMTAR.  
10503 Pulau Pinang

Email: [info@pwdc.org.my](mailto:info@pwdc.org.my)

Only shortlisted applicants will be notified

# PBIM terus promosi segmen sukan, pelancongan Pulau Pinang



**KETUA Menteri, barisan kepimpinan Kerajaan Negeri dan wakil penganjur meraikan pemenang cabutan hadiah utama yang memenangi sebuah kereta Volkswagen.**



**PARA peserta bersiap-sedia untuk berentap dalam penganjuran PBIM 2017 di sini baru-baru ini.**

Gambar : **SHUM JIAN-WEI**

**PANTAI JEREJAK** - *Penang Bridge International Marathon 2017 (PBIM)* terus unggul sebagai larian jambatan utama di Malaysia apabila mencatatkan penyertaan kategori marathon penuh (*Full Marathon*) seramai 7,000 peserta.

Perkara tersebut diumumkan Ketua Menteri, Y.A.B Tuan Lim Guan Eng ketika berucap pada Majlis Penyampaian Hadiah PBIM 2017 di sini baru-baru ini.

“Saya difahamkan sambutan 7,000 peserta bagi kategori marathon penuh, 42 kilometer (km) ini adalah paling ramai

sejak ia dilancarkan, dan jumlah keseluruhan penyertaan untuk semua kategori adalah 35,000 peserta.

“Ini terus menjadikan PBIM salah satu acara yang terkenal dalam mempromosikan segmen sukan pelancongan bukan sahaja di Malaysia, bahkan pada peringkat antarabangsa,” katanya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Putih pada majlis berkaitan.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri I, Dato’ Mohd. Rashid Hasnon; Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy dan Exco Pembangunan Pelancongan, Danny Law Heng Kiang.

Pada acara tersebut, Kategori Marathon Penuh

Keseluruhan dikuasai atlet dari Kenya, Josphat Kiptanyi Too dengan catatan masa 2 jam 23 minit.

Bagi Marathon Penuh Kategori Tempatan Lelaki, menyaksikan Nik Fakaruddin Ismail muncul juara dengan catatan 2 jam 43 minit, manakala Loh Chooi Fern unggul untuk peserta wanita tempatan, 3 jam 28 minit.

Antara kategori lain yang dipertandingkan termasuk *Half Marathon 21km, Quarter Marathon 10km dan Fun Run 8km*.

Turut menjadi rebutan pada acara tersebut adalah sebuah kereta *Volkswagen* yang disumbangkan oleh penaja sebagai hadiah cabutan bertuah utama.

## Kempen Penang Goes Orange, ‘Hentikan Keganasan Wanita’!

**TELUK BAHANG** - Kerajaan Negeri Pulau Pinang terus memperkasakan pelbagai pendekatan bagi menghentikan penularan jenayah seksual dan keganasan terhadap wanita dan kanak-kanak di negeri ini.

Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ Abdul Malik Abul Kassim berkata, antara pendekatan yang dilaksanakan adalah melalui kempen kesedaran, sesi penerangan dan penyebaran risalah berkaitan.

“Melalui kempen-kempen kesedaran, mangsa-mangsa yang terlibat dalam keganasan domestik atau jenayah seksual akan diberi maklum saluran yang boleh dihubungi bagi mendapatkan bantuan.

“Berdasarkan statistik terkini, kes melibatkan jenayah seksual dan keganasan domestik mencatatkan peningkatan dan ia amat membimbangkan, misalnya antara tempoh 2010 sehingga 2015, kes penderaan kanak-kanak yang dilaporkan adalah sebanyak 5,779 laporan, manakala kes rogol yang dilaporkan adalah 28,741 kes antara tahun 2005 sehingga 2014.

“Daripada keseluruhan kes yang dilaporkan ini, hanya 4,514 kes atau 16 peratus sahaja dibawa ke mahkamah, dan 765 (kes) disabitkan kesalahan,” ucapnya pada Majlis Perasmian Penang Goes Orange 2017 di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ahli Parlimen Batu Kawan, P. Kasthuriraani dan Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC), Ong Bee Leng.

Abdul Malik yang merupakan antara pemimpin negeri yang menyokong kempen tersebut turut memuji kegigihan Exco Belia dan Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga & Komuniti, Chong Eng; Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dan PWDC dalam merencanakempen Penang Goes Orange saban tahun.

“Ayuh, sama-sama kita hentikan keganasan terhadap wanita,” serunya.

Kempen Penang Goes Orange merupakan inisiatif Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang dimulakan sejak tahun 2014 bagi menghentikan jenayah seksual dan keganasan domestik bukan sahaja terhadap wanita, malah kanak-kanak juga.

(Rujuk juga muka 24).



**ABDUL Malik Abul Kassim (barisan depan, lima dari kanan) bersama-sama sebahagian peserta yang menjayakan Kempen Penang Goes Orange 2017 menunjukkan simbol sebagai ‘Hentikan Keganasan Wanita’ pada majlis pelancarannya di sini baru-baru ini.**



• Perlukan ..... Modal Tambahan? • Ingin..... Kembangkan Perniagaan? • Dapatkan Pinjaman Mikro Kredit PTNR Segera!!!

**TANPA CAGARAN & PENJAMIN**

**PINJAMAN MIKRO KREDIT PROJEK TITIAN SAKSAMA RAKYAT (PTSR) NEGERI PULAU PINANG**

**RM1,000 - RM6,000 (PINJAMAN PERTAMA) TEMPOH BAYARAN BALIK 1 TAHUN TANPA FAEDAH**

**MAKSIMA RM20,000 (PINJAMAN KALI KE-2, KE-3 & KE-4) TEMPOH BAYARAN BALIK 2 TAHUN 8% FAEDAH SETAHUN**

**SYARAT KELAYAKAN**  
• Warganegara Malaysia berumur antara 18-60 tahun • Berniaga dan menetap di Pulau Pinang  
• Mempunyai lesen perniagaan dan telah berniaga sekurang-kurangnya 6 bulan

**HUBUNGI:** Unit PTSR, Bahagian Pembangunan Usahawan, Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang, Bangunan Tun Dr. Lim Chong Eu, No.1, Persiaran Mahsuri, Bandar Bayan Baru, Bayan Lepas, Pulau Pinang

**Tel: 04-634 0111** (samb: 141/125/182/354/479) Faks: 04-642 6916

## SENARAI TASKA DAN PUSAT JAGAAN BERDAFTAR DI PULAU PINANG

### DAERAH SEBERANG PERAI SELATAN

- |  |  |
|--|--|
| 1. SEEDLING CARE CENTRE                            | - NO.2 LINTANG SERI EMAS, TAMAN SERI EMAS NIBONG TEBAL PULAU PINANG                            |
| 2. PUSAT JAGAAN SERI COMEL                         | - NO. 31, LORONG TERKUKUR INDAH 3, TAMAN TERKUKUR INDAH, 14300 NIBONG TEBAL, PULAU PINANG      |
| 3. PUSAT JAGAAN GENIUS KHALIFAH                    | - NO. 25, LEBUH PEKAKA TAMAN SEMPADAN, 14300 NIBONG TEBAL, PULAU PINANG                        |
| 4. PUSAT JAGAAN KANAK-KANAK MERAK                  | - NO.6, LORONG BAKAP INDAH 4/4, TAMAN BAKAP INDAH, 14200 SUNGAI BAKAP, PULAU PINANG            |
| 5. PUSAT JAGAAN KANAK-KANAK UMEGA                  | - NO.45, JALAN BANDAR TASEK MUTIARA 7, BANDAR TASEK MUTIARA 14120 SIMPANG AMPAT, PULAU PINANG  |
| 6. PUSAT JAGAAN GRADUAN CERIA                      | - NO. 2, LORONG 10/SS2 BANDAR TASEK MUTIARA SEBERANG PERAI SELATAN 14120 PULAU PINANG          |
| 7. PUSAT JAGAAN KANAK-KANAK TRANSIT PINTAR MUTIARA | - NO.137, LRG 15 SSI, BNDR TASEK MUTIARA, 14120 SIMPANG AMPAT, SEBERANG PERAI SELATAN P.PINANG |
| 8. PUSAT JAGAAN BESTARI SINAR                      | - NO.113, JLN TASEK MUTIARA 7, BNDR TASEK MUTIARA, 14120 SIMPANG EMPAT, P.PINANG               |
| 9. PUSAT ASUHAN ILMU ILHAM MINDA                   | - NO.147, LRG 15 SSI, BNDR TASEK MUTIARA, 14120 SIMPANG EMPAT, P.PINANG.                       |
| 10. TASKA SURIA KECIL                              | - NO. 31, LORONG TANJUNG 1/9, TAMAN NILAM TANJUNG, 14100 BATU KAWAN                            |
| 11. TASKA LUCKY STAR NURSERY                       | - NO. 18, LORONG JENTAYU 6, TAMAN JENTAYU, 14100 SIMPANG AMPAT                                 |
| 12. TASKA CERIA MINDA                              | - NO. 48, LORONG KENDI 4, TAMAN MERAK, 14100 SIMPANG AMPAT                                     |
| 13. TASKA CINTA BESTARI                            | - NO. 1, JALAN ILMU 2, TAMAN ILMU, 14300 NIBONG TEBAL.   |
| 14. TASKA IMPIAN MAMA                              | - NO. 36, JLN SG DURI INDAH 12, TMN SG DURI INDAH, 14200 SUNGAI BAKAP.                         |
| 15. TASKA AL EKHWAN                                | - NO. 35, LORONG 12/SS 6, 14120 BANDAR TASEK MUTIARA   |
| 16. TASKA AN-NUR SALAM                             | - NO. 29, LORONG 5, SS/1, BANDAR TASEK MUTIARA, 14120 SIMPANG AMPAT                            |
| 17. TASKA MUTIARA GEMILANG                         | - NO. 1, LORONG 1/SS5, BANDAR TASEK MUTIARA, 14120 SIMPANG AMPAT                               |
| 18. TASKA ABQARI RAZIN                             | - NO. 90, JALAN JAWI INDAH, TAMAN JAWI INDAH, 14200 SUNGAI JAWI                                |
| 19. TASKA PESONA BESTARI                           | - NO. 37, LORONG JAWI JAYA II, TAMAN JAWI JAYA, 14200 SUNGAI JAWI, PULAU PINANG                |
| 20. TASKA YOYO EPAL                                | - NO. 18, LEBUH KEDIDI, TAMAN TRANSKRIAN, 14300 NIBONG TEBAL                                   |
| 21. TASKA DI RUMAH RIA PINTAR                      | - NO. 18, JALAN BELATUK, TAMAN BERSATU, 14300 NIBONG TEBAL, PULAU PINANG                       |

### DAERAH SEBERANG PERAI UTARA

- |   |   |
|---|---|
| 1. PERSATUAN UNTUK KANAK-KANAK TERENCAT AKAL SEBERANG PERAI UTARA BUTTERWORTH | - NO.30 LRG SERI MURNI 14 SG DUA 13800 BUTTERWORTH, PULAU PINANG                                |
| 2. PERSATUAN KEBANGSAAN AUTISME MALAYSIA (NASOM)                              | - NO.8, LORONG MOLEK 3, BAGAN AJAM, 13000 BUTTERWORTH, PULAU PINANG.                            |
| 3. PUSAT JAGAAN IDOLA KASIH   | - NO.2, LORONG SRI SERDANG, 4/1 TMN SERI SERDANG, 13200 KEPALA BATAS, PULAU PINANG              |
| 4. PUSAT JAGAAN ILHAM PINTAR  | - NO.31, LORONG BENTARA, 18 TAMAN BERTAM PERDANA, 13200 KEPALA BATAS, PULAU PINANG.             |
| 5. PUSAT JAGAAN KANAK-KANAK MINDA CERDAS                                      | - NO.8 LINTANG SELAYANG INDAH, TAMAN SELAYANG INDAH, 13020 BUTTERWORTH, PULAU PINANG            |
| 6. PUSAT JAGAAN SINAR INTELEK DUA   | - NO. 819, TAMAN WIRA, TELUK AIR TAWAR, 13050 BUTTERWORTH, PULAU PINANG                         |
| 7. PUSAT JAGAAN KANAK-KANAK PERIHATIN KANG CHENG                              | - NO.7 & 9, LORONG BUNGA RAMPAI 8, TAMAN TERATAI 13400 BUTTERWORTH, PULAU PINANG                |
| 8. PUSAT JAGAAN KANAK-KANAK EQ  | - NO. 25, JALAN BAGAN 10, TAMAN BAGAN, 13400 BUTTERWORTH, PULAU PINANG                          |
| 9. PUSAT JAGAAN KANAK-KANAK RASA SYUKUR                                       | - NO. 1 LORONG MESRA PERMAI 3, TAMAN MESRA PERMAI, 13400 BUTTERWORTH, PULAU PINANG              |
| 10. PUSAT JAGAAN KANAK-KANAK SINAR MESRA                                      | - NO.1, LEBUH RIANG 2, TAMAN RIANG, 12300 BUTTERWORTH, PULAU PINANG                             |
| 11. PUSAT JAGAAN CAHAYA AINI  | - TADIKA SHAHBANDAR, LRG SHAHBANDAR 19, BERTAM PERDANA 3, 13200 KEPALA BATAS, PULAU PINANG      |
| 12. PUSAT JAGAAN KANAK-KANAK PRIHATIN   | - NO.2, LINTANG BUNGA RAMPAI, TAMAN PANDAN 13400 BUTTERWORTH, PULAU PINANG                      |
| 13. LITTLE GRASS DAY CARE CENTRE  | - NO.2, LRG SERI TANJUNG 2, TMN SRI TANJUNG, JLN ONG YI HOW, 13400 BUTTERWORTH, P PINANG        |
| 14. PUSAT JAGAAN DARUL HANAN PULAU PINANG                                     | - LOT 2695, MUKIM 6 PONGSU SERIBU, 13200 KEPALA BATAS, PULAU PINANG.                            |
| 15. PUSAT PENJAGAAN ORANG TUA XIN FU  | - NO.110&1110, JLN BGN LALANG, 13400 BUTTERWORTH, P PINANG                                      |
| 16. PUSAT PENJAGAAN CERIA   | - NO. 7, LORONG MURNI 9, TAMAN DESA MURNI, SUNGAI DUA, 13800 BUTTERWORTH, PULAU PINANG          |
| 17. PUSAT PENJAGAAN CERIA   | - NO. 5, LORONG MURNI 9, TAMAN DESA MURNI, SUNGAI DUA 13800 BUTTERWORTH, PULAU PINANG.          |
| 18. PUSAT PENJAGAAN CERIA   | - NO. 4, LORONG MURNI 9, TAMAN DESA MURNI, SUNGAI DUA 13800 BUTTERWORTH, PULAU PINANG.          |
| 19. PUSAT PENJAGAAN CERIA   | - NO. 2, LORONG MURNI 9, TAMAN DESA MURNI, SUNGAI DUA 13800 BUTTERWORTH, PULAU PINANG.          |
| 20. PUSAT HARIAN SHAN XIN   | - G-01-A, PANGSAPURI TITI MUKIM, JALAN TITIAN, TELUK AIR TAWAR, 13050 BUTTERWORTH, PULAU PINANG |
| 21. TASKA FATANAH   | - NO. 7, JALAN SERI INDAH, TAMAN SERI INDAH, 13200 KEPALA BATAS.                                |
| 22. TASKA DIDIK MONTEL  | - NO. 33, JLN MERBAU INDAH 1, TAMAN MERBAU INDAH, 13800 SUNGAI DUA, BUTTERWORTH                 |
| 23. BAGAN NURSERY HOUSE   | - NO. 103, JALAN BAGAN 1, TAMAN BAGAN, 13400 BUTTERWORTH.                                       |
| 24. TASKA ILMAN   | - NO. 45, JALAN SEPADU 5, TAMAN SEPADU, 13300 TASEK GELUGOR                                     |
| 25. ICARE CHILDCARE CENTRE  | - NO. 21, LORONG MESRA PERMAI 10, TAMAN MESRA PERMAI, 10400 BUTTERWORTH                         |
| 26. TASKA BIN AL BANNA  | - NO. 63, LORONG SUNGAI DUA UTAMA 2, TAMAN SUNGAI DUA UTAMA, 13800 BUTTERWORTH                  |
| 27. TASKA SINAR KASEH   | - NO. 1, LORONG MURNI 15, TAMAN DESA MURNI, 13800 SUNGAI DUA.                                   |
| 28. TASKA MASTER KIDS   | - NO. 6979 & 6980, JALAN RAJA UDA, 12300 BUTTERWORTH  |
| 29. TASKA MAHLIGAIKU  | - NO. 7404, TINGKAT MELUR SATU, TAMAN MELOR, 12300 BUTTERWORTH                                  |
| 30. TASKA MAHLIGAIKU  | - NO. 7405, TINGKAT MELUR SATU, TAMAN MELOR, 12300 BUTTERWORTH                                  |
| 31. TASKA MINDA SUBUR   | - NO. 1282, JALAN BUTTERWORTH, TAMAN SEPAKAT, 13200 KEPALA BATAS                                |
| 32. TASKA QASEH INTELEK   | - NO. 1, LORONG BENTARA 19, TAMAN BERTAM PERDANA, 13200 KEPALA BATAS                            |
| 33. TASKA SAUJANA BISTARI   | - NO. 51, MEDAN MAJU, TAMAN ABDULLAH FAHIM, 13200 KEPALA BATAS                                  |
| 34. TASKA GRADUAN KECIL   | - NO. 2, LORONG PAUH 3, TAMAN PAUH, 13500 PERMATANG PAUH  |
| 35. TASKA SINAR INTELEK   | - NO. 7, TINGKAT LAKSAMANA 2, TAMAN TELOK MOLEK, TELUK AIR TAWAR, 13050 BUTTERWORTH             |
| 36. TASKA CAHAYA AINI   | - NO. 32, LRG SYAHBANDAR 25, BERTAM PERDANA 3, 13200 KEPALA BATAS                               |
| 37. TASKA MAWARDAH BONDA  | - NO. 1, LORONG DAHLIA 2, TAMAN BERTAM INDAH, 13200 KEPALA BATAS                                |
| 38. TASKA NUR FAZHAM  | - NO. 25, PERSIARAN SEKSYEN 4/7, BANDAR PUTERA BERTAM, 13200 KEPALA BATAS.                      |
| 39. TASKA NURUL IMAN  | - NO. 32, LORONG SYAH BANDAR 25, BANDAR BERTAM PERDANA, 13200 KEPALA BATAS.                     |
| 40. TASKA MAWARDAH ABC  | - NO. 6, LORONG PENAGA 26, TAMAN PENAGA, 13100 BUTTERWORTH                                      |
| 41. TASKA MAWARDAH  | - NO. 1, LORONG BERTAM INDAH 3, 13200 KEPALA BATAS  |
| 42. TASKA BAITUL UMMI   | - NO. 32, PERSIARAN SEKSYEN 2/6, BANDAR PUTRA BERTAM, 13200 KEPALA BATAS.                       |
| 43. TASKA DAY BY DAY  | - NO. 2, LORONG SEGEMAL 3, TAMAN SEGEMAL, 13400 BUTTERWORTH                                     |
| 44. TASKA GRADUAN KECIL   | - NO. 2, LORONG BERTAM INDAH 4/2, TAMAN BERTAM INDAH, 13200 KEPALA BATAS.                       |
| 45. TASKA MAHLIGAIKU  | - NO. 62 A & 66, LORONG TERATAI, 12300 BUTTERWORTH  |
| 46. TASKA SAUJANA BISTARI   | - NO. 49, MEDAN MAJU, TAMAN ABDULLAH FAHIM, 13200 KEPALA BATAS                                  |
| 47. TASKA PERMATA BUDIMAN   | - NO. 1, LORONG PANGLIMA 8, TAMAN BERTAM PERDANA, 13200 KEPALA BATAS.                           |
| 48. TASKA ABQARI  | - NO. 1, LORONG POKOK SENA 3, TAMAN POKOK SENA, 13200 KEPALA BATAS.                             |
| 49. TASKA CAHAYA AINI   | - NO. 32, LRG SYAHBANDAR 25, BERTAM PERDANA 3, 13200 KEPALA BATAS                               |
| 50. TASKA ILHAM PINTAR  | - NO. 2, LORONG BENTARA 14, TAMAN BERTAM PERDANA, 13200 KEPALA BATAS                            |
| 51. TASKA AULAD AAKIF   | - NO. 1, LORONG SUNGAI DUA UTAMA 2, TAMAN SUNGAI DUA UTAMA, 13800 BUTTERWORTH                   |
| 52. TASKA PERINTIS COMEL (TASKA PUSAT TIMANG)                                 | - BANGUNAN LPPKN, 8875, JALAN BERTAM, 13200 KEPALA BATAS  |
| 53. TASKA YOUNG CALIPH  | - MAKTAB RENDAH SAINS MARA, 13200 KEPALA BATAS  |
| 54. TASKA DI RUMAH AL-HUMAI   | - NO. 2, PERSIARAN SEKSYEN 5/9, BANDAR PUTRA BERTAM, 13200 KEPALA BATAS.                        |
| 55. TASKA AR RAYYAN INTELEK   | - NO. 4, LORONG PANGLIMA 16, BERTAM PERDANA, 13200 KEPALA BATAS                                 |
| 56. TASKA DI RUMAH BEST KIDS  | - NO. 29, LORONG PINGGIRAN BERTAM 20, TAMAN KELISA, BERTAM PERDANA 4, 13200 KEPALA BATAS        |
| 57. TASKA 1 MALAYSIA  | - NO. 17, LORONG PENAGA 28, TAMAN PENAGA, 13100 PENAGA  |

# SIMPOSIUM PULAU PINANG SEBAGAI NEGERI MAMPAN

## Adakah Pulau Pinang Mampu Mencapai Kemampanan Pada Tahun 2030?

**Tarikh:**  
15 & 16 Januari 2018

**Tempat:**  
Auditorium A, Tingkat 5,  
KOMTAR

Yuran dan pendaftaran:  
• RM50 bagi peserta yang berumur 31 tahun dan ke atas  
• PERCUMA bagi peserta yang berumur 18-30 tahun (golongan belia)

### 1. LATAR BELAKANG

Dalam Sidang Kemuncak Bangsa-bangsa Bersatu (United Nations) yang diadakan pada September 2015 yang lalu, para pemimpin dunia telah menerima 17 Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs) sebagai Agenda tahun 2030 bagi mencapai misi dunia untuk mewujudkan dunia yang mampan. SDGs yang terdiri daripada 169 sasaran, telah berkuatkuasa pada Januari 2016, dengan tujuan untuk menggalakkan supaya semua negara di dunia menyahut seruan untuk melindungi bumi dengan

mengambil kira elemen-elemen bagi memenuhi keperluan generasi masa kini dan generasi masa depan menjelang tahun 2030.

Menurut Paradigma Pulau Pinang – iaitu pelan pembangunan yang diperkenalkan pada tahun 2013, kemampanan merupakan elemen utama dalam strategi pembangunan negeri Pulau Pinang. Tambahan pula, 17 SDGs yang diperkenalkan pada 2015 juga telah menyeru untuk mengkaji semula haluan dan strategi pembangunan bagi meningkatkan usaha kemampanan berterusan di negeri Pulau Pinang, dalam jangka masa panjang.

### 2. MATLAMAT DAN OBJEKTIF

Simpodium ini bermatlamat untuk mewujudkan platform kepada pihak berkepentingan di Pulau Pinang - agensi kerajaan, akademik, badan bukan kerajaan, masyarakat tempatan, golongan belia dan sektor swasta untuk membincangkan pendekatan dan inisiatif yang perlu diambil untuk menjadikan Pulau Pinang

sebuah negara hijau dan mampan sebelum tahun 2030, dengan menggabungkan SDGs dalam strategi pembangunan negeri.

Simpodium ini bermatlamat untuk mengumpulkan input bagi pembangunan Agenda Hijau Negeri Pulau Pinang yang akan menjadi dokumen pernyataan strategi bagi menjadikan Pulau Pinang sebagai negeri yang hijau dan mampan dengan merujuk kepada SDGs. Objektif simposium ini adalah:

- Untuk membincangkan cabaran-cabaran alam sekitar pada waktu semasa dan masa hadapan yang perlu ditangani di Pulau Pinang
- Untuk memperkenalkan SDG kepada pihak berkepentingan di negeri Pulau Pinang dan mencadangkan sasaran dan juga SDG yang perlu diberi keutamaan untuk meningkatkan kemampanan alam sekitar Pulau Pinang
- Untuk memupuk perbincangan oleh pelbagai pihak berkepentingan untuk menjadikan Pulau Pinang sebuah negeri yang hijau dan mampan.

Program Tentatif HARI PERTAMA: 15 Januari 2018 (Isnin)

MASA	TOPIK	PENCERAMAH
0900 – 0920	Pendaftaran dan ketibaan peserta	
0920 – 0930	Kelibaan VVIP	
0930 – 0950	Ucapan aluan oleh Ketua Menteri Pulau Pinang dan Pengerusi PGC, YAB Tuan Lim Guan Eng	
0950 – 1000	Sesi bergambar	
1000 – 1030	Hidangan ringan dan sesi suai kenal ( <i>networking</i> )	
1030 – 1100	<b>Penceramah Utama 1:</b> Pertimbangan Strategik dalam Pembangunan Agenda Hijau Negeri Pulau Pinang	<b>Dato' Leong Yueh Kwong</b> Pengerah PGC & Pengerusi Jawatankuasa Penasihat Agenda Hijau Negeri Pulau Pinang (PGA)
<b>Sesi Cabaran Kemampanan di Peringkat Global</b>		
1100 – 1120	<b>Penceramah 1:</b> Perundingan Antarabangsa Alam Sekitar	<b>Dato' Renji Sathiah</b> Pengerah PGC dan Jawatankuasa Penasihat Agenda Hijau Negeri Pulau Pinang (PGA)
1130 – 1150	<b>Penceramah 2:</b> Halangan kepada Pembangunan Mampan di Malaysia	<b>Dr. Hezri Adnan</b> Ahli bagi Sumber Panel Antarabangsa Bangsa-bangsa Bersatu (UN)
1200 – 1300	Perbincangan Panel dan Sesi Soal Jawab	Dipengerusikan oleh <b>Dato' Anwar Fazal</b> Pengerusi Think City
1300 – 1400	Makan tengah hari	
<b>Sesi Perancangan Pembangunan Yang Mampan</b>		
1400 – 1430	<b>Penceramah Utama 2:</b> Apakah Perancangan Mampan dan Kepentingan kepada Negeri Pulau Pinang?	<b>YB Chow Kon Yeow</b> EXCO Kerajaan Tempatan Pulau Pinang, Pengerus Lalulintas dan Tebatan Banjar dan Timbalan Pengerusi PGC
1430 – 1450	<b>Penceramah 3:</b> Dari Bandar Eko kepada Negeri Eko	<b>Dato' Maimunah Mohd Sharif</b> Datuk Bandar, Majlis Bandaraya Pulau Pinang
1500 – 1520	<b>Penceramah 4:</b> Adakah Singapura merupakan Negara yang Mampan?	<b>Puan Sophianne Araib</b> Pengerah Penyelidikan dan Strategi Korporat di Pusat bagi Bandar Mampan, Singapura
1530 – 1550	<b>Penceramah 5:</b> Apakah Visi dan Perancangan Masa Depan bagi Negeri Pulau Pinang?	<b>Dato' Hj Mohd Anuar Maidin</b> Pengerah PLANMalaysia@Pulau Pinang
1600 – 1700	Perbincangan Panel dan Sesi Soal Jawab	Dipengerusikan oleh <b>Dato' Ar. Lawrence Lim Hua Kwang</b> Pengerah PGC
1700 – 1730	Minum Petang dan Sesi Suai Kenal (Networking)	

Program HARI KEDUA: 16 Januari 2018 (Selasa)

MASA	TOPIK	PENCERAMAH
0800 – 0830	Pendaftaran, sarapan ringan dan ketibaan para peserta	
0830 – 0900	<b>Penceramah Utama 3:</b> Menukar Arah Gerakan bagi Kemampanan di Pulau Pinang	<b>Encik Gurmit Singh</b> Pengerusi, Pusat Alam Sekitar, Teknologi dan Pembangunan Malaysia-CETDEM
<b>Sesi Isu Perubahan Iklim</b>		
0900 – 0920	<b>Penceramah 6:</b> Corak Cuaca Tidak Menentu di Malaysia	<b>Dato' Dr. Yap Kok Seng</b> Pengerus Projek Kebangsaan, Bahagian Pengurusan Alam Sekitar dan Perubahan Iklim-NRE
0920 – 0940	<b>Penceramah 7:</b> Cabaran Kemampanan dari Perubahan Iklim: Keselamatan Sumber Makanan dan Air untuk Pulau Pinang	<b>Dr. Kam Suan Pheng</b> Perunding dan pakar bagi geospasial
0940 – 1040	Perbincangan Panel dan Sesi Soal Jawab	Dipengerusikan oleh <b>Prof Datuk Dr Aileen Tan Shau Hwai</b> Pengerah, Pusat Pengajian Marin dan Pantai, CEMACS USM dan
<b>Rehat 10 minit</b>		
<b>Sesi Ekonomi Hijau</b>		
1050 – 1120	<b>Penceramah Utama 4:</b> Apakah Ekonomi Hijau dan Kepentingan kepada Negeri Pulau Pinang?	<b>YB Phee Boon Poh</b> EXCO Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar Pulau Pinang dan Timbalan Pengerusi PGC
1120 – 1140	<b>Penceramah 8:</b> Bagaimana Kita Boleh Membangunkan Ekonomi Hijau di Pulau Pinang?	<b>Professor Dr. Fatimah Kari</b> Profesor dan Pakar Ekonomi, Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran Universiti Malaya
1140 – 1200	<b>Penceramah 9:</b> Peranan Perniagaan dalam Pembangunan Mampan	<b>Encik Stan Rodgers</b> Ahli Majlis Perniagaan untuk Pembangunan Yang Mampan dan Bertanggungjawab di Malaysia, dari SHEMA Sdn. Bhd.
1200 – 1300	Perbincangan Panel dan Sesi Soal Jawab	Dipengerusikan oleh <b>Encik Hamdan Abdul Majeed</b> Pengerah, Khazanah Nasional Berhad
1300 – 1400	Makan tengah hari	
<b>Sesi Suara Belia</b>		
1400 – 1530	Belia untuk Masa Depan Pulau Pinang 1. <b>Bernard Eng</b> Duta Belia Malaysia di Kongres Belia Sedunia ke-6 oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu di Rio de Janeiro, Brazil dan Pakar Perunding Alam Sekitar 2. <b>Rexy Prakash</b> Jurutera Elektronik di <i>Motorola Solutions</i> dan aktivis aktif dalam membangunkan inisiatif <i>Penang Hills Watch (PHW)</i> 3. <b>Dr. Sri Vaitheki Ramasamy</b> Penganalisis Kanan bagi Program Pengajian Urban di <i>Penang Institute</i> 4. <b>Sakinah binti Mahamad Hakimi</b> Pereka Projek untuk Teknologi Penyelidikan Eko-Proses (ECOPRO) Pusat Pengajian Teknologi Perindustrian, USM 5. <b>Mohamad Shaiful Md Yusuff</b> Penyelidik Aktif dalam Penyelidikan Air Bersih dan Kitaran Karbon di Malaysia	Dipengerusikan oleh <b>Prof Dr. Lee Lik Meng</b> Mantan Pensyarah dari Pusat Pengajian Perumahan, Bangunan dan Perancangan, USM & Jawatankuasa Penasihat Agenda Hijau Negeri Pulau Pinang (PGA)
1530 – 1600	Ucapan Penutup	<b>Dr. Saw Leng Guan</b> Kuratur Taman Botani Pulau Pinang & Jawatankuasa Penasihat Agenda Hijau Negeri Pulau Pinang (PGA)
1630 – 1700	Minum Petang	
Bersurai		



**KEYNOTE SPEAKERS:**

**YB CHOW KON YEOW**  
Penang State EXCO Member for Local Government, Traffic Management & Flood Mitigation

**YB PHEE BOON POH**  
Penang State EXCO Member for Welfare, Caring Society & Environment Committee Chairman

**DATO' DR. LEONG YUEH KWONG**  
Director of Penang Green Council & Chair of Penang Green Agenda Advisory Committee

**MR. GURMIT SINGH**  
Chairman of Centre for Environment, Technology & Development Malaysia

**15 - 16 JAN 2018**  
8.30AM - 5.00PM  
AUDITORIUM A,  
LEVEL 5, KOMTAR

**FREE GOODIES BAG**

**DR. HEZRI ADNAN**  
Appointed Member of the United Nations International Resource Panel

**MS. SOPHIANNE ARAIB**  
Director of Research & Corporate Strategy at the Centre for Liveable Singapore

**DATO' DR. YAP KOK SENG**  
National Project Manager, Environmental Management & Climate Change Division-NRE

**MR. STAN RODGERS**  
Business Council for Sustainable & Responsible Development Malaysia from SHEMA Sdn Bhd

**DATO' MAIMUNAH MOHD SHARIF**  
Mayor of Penang Island City Council

**DATO' HJ MOHD ANUAR MAIDIN**  
Director of PLANMalaysia @ Pulau Pinang

**DATO' RENJI SATHIAH**  
Director of Penang Green Council

**DR. KAM SUAN PHENG**  
Geospasial Consultant & Expert

**PENANG INSTITUTE**

**Registration:**  
18 - 30 years old: **FREE**  
31 years old and above: **RM 50**  
Closing Date: 22 Dec 2017

Contact us:  
Tel: +604 250 3322  
Email: info@pgc.com.my  
Website: www.pgc.com.my/symposium

# Pelan Strategi MPSP 2018 - 2022, ke arah Seberang Perai berdaya tahan, inklusif, hijau & kompetitif

**BANDAR PERDA** – Penduduk di Seberang Perai disarankan agar sentiasa memberikan cadangan dan maklum balas kepada Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) supaya tahap perkhidmatan perbandaran, perancangan, pembangunan serta ketersediaan infrastruktur dapat ditingkatkan dengan berkesan.

Yang di-Pertua MPSP, Dato' Sr. Rozali Mohamad berkata, MPSP kini giat melaksanakan pelan pembangunan strategik yang dijadualkan siap pada Disember nanti.

“Pelan itu merupakan hala tuju MPSP dalam tempoh lima tahun akan datang dan merupakan komitmen MPSP kepada semua *stakeholders* di kawasan Seberang Perai bagi menjayakan visi dan misi MPSP.

“(Dan) pelan ini merupakan



**CHOW Kon Yeow (kanan sekali) ketika menyampaikan ucapan pada Sesi Town Hall Konsultasi Pembentukan Pelan Strategi Seberang Perai 2018 - 2022 di sini baru-baru ini.**

yang keempat setelah yang pertama dilancarkan pada tahun 2001 dengan mengambil kira 10 keutamaan strategi yang telah dipilih oleh *stakeholders* seperti persekitaran selamat, kemudahan yang berkualiti, gaya hidup sihat,

pembangunan persekitaran yang bersih dan hijau, penerapan teknologi baharu dan menjadikan Seberang Perai sebagai bandar yang berdaya tahan serta berdaya huni,” ucapnya pada Sesi Town Hall Konsultasi Pembentukan

Pelan Strategi Seberang Perai 2018 - 2022 di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy; Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow; Exco Belia dan Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti, Chong Eng dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Penanti, Dr. Norlela Ariffin.

Dalam pada itu, Kon Yeow memberitahu bahawa **Kerajaan Negeri sentiasa memberi sokongan penuh atas usaha-usaha pihak berkuasa tempatan (PBT) yang bertujuan meningkatkan kecekapan dalam mengendalikan kerja-kerja kepada satu tahap yang lebih baik.**

“MPSP kini sudah

**berkeyakinan dengan pengendaliannya dan sedang menyasarkan ke arah menjadi sebuah bandar raya...bukan bandar raya yang biasa, tetapi bandar raya yang ingin mencapai tahap pengurangan karbon dan pintar,”** jelasnya.

Pelan bertemakan Seberang Perai Resilient, Inklusif, Hijau dan Kompetitif berkaitan antara lain mengambil kira respons soal-selidik yang telah diadakan pada 30 Ogos sehingga 25 September 2017 lalu.

Difahamkan, sesi ‘Town Hall’ yang diadakan baru-baru ini adalah sesi yang bakal membuka ruang dan peluang untuk para pemegang saham mengutarakan idea dan bertukar-tukar pandangan bagi mempertingkatkan perkhidmatan perbandaran.

## Pelajari seni pertahanan diri demi langkah keselamatan - Maimunah

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

Gambar : **ALISSALA THIAN**

**GEORGE TOWN** – Datuk Bandar Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Dato' Maimunah Mohd. Sharif menyarankan agar golongan wanita mempelajari seni mempertahankan diri sebagai langkah melindungi diri daripada ancaman bahaya diserang.

Selain itu, beliau berpendapat bahawa ilmu berkaitan juga dapat mengurangkan kadar jenayah serang dalam masyarakat.

“Wanita perlu mempelajari seni bela diri bagi membolehkan mereka lebih bersedia dan tidak mudah panik apabila berhadapan dengan ancaman.

“Malah, kemahiran seni pertahanan diri ini juga dapat memastikan kesihatan tubuh badan yang sempurna selain mengelak daripada terjebak terutamanya para remaja dengan aktiviti yang tidak sihat,” ucapnya pada Program Demonstrasi Seni Bela Diri Kickboxing Wanita bersempena sambutan *Penang Goes Orange 2017* dekat Taman Bandaraya di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Pengarah Jabatan Khidmat Kemasyarakatan MBPP, Rashidah Jalaludin.

Menurut Maimunah, program julung kali diadakan berkaitan adalah untuk memberi pendedahan kepada golongan wanita mengenai peri penting seni bela diri dan juga menggalakkan aktiviti sihat dalam kalangan masyarakat.

“Kita dapat lihat, pagi ini, semuanya memperagakan warna jingga terang yang menggambarkan masa depan bebas keganasan terhadap golongan wanita.

“Untuk pengetahuan umum, ‘Orange Day’ adalah hari ke-25 setiap bulan yang ditetapkan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) untuk menyatukan sejagat bagi menghentikan keganasan terhadap wanita serta kanak-kanak.

“(Dan) tahun ini, MBPP dengan berbesar hati menyertai kempen ini dengan menjemput bekas juara dunia sebanyak lima kali dalam arena *kickboxing*, Michele Aboro dan Yilan Yuen dari Akedemi Aboro di Shanghai untuk turut serta dalam acara ini,” jelasnya.

Selain *kickboxing*, turut diadakan ‘Family Theme Chess in The Park’ di Laman Catur Taman Bandaraya yang turut disertai ahli keluarga yang datang beriadah di sini.

Bertemakan Hentian Keganasan Terhadap Wanita, kedua-dua program ini dijayakan dengan kerjasama badan-badan bukan kerajaan (NGO) seperti *Women Centre for Change (WCC)*, *The National Council of Women Organizations*, *The Federation of Women Lawyers Penang*, *Persatuan Catur Pulau Pinang* dan *Kiwanis Penang Central*.



**MAIMUNAH Mohd. Sharif (barisan kedua, bertudung) bergambar kenangan bersama-sama ahli jawatankuasa penganjur dan para peserta penganjuran Program Demonstrasi Seni Bela Diri Kickboxing Wanita di sini baru-baru ini.**

**PROGRAM SARINGAN MAMMOGRAM PERCUMA**  
KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG





**1 dalam setiap 20 wanita di Malaysia** mempunyai risiko untuk mendapat kanser payudara dalam hayat kehidupan mereka **ini bersamaan dengan 700,000 orang!**

**“Untuk wanita berumur 35 ke atas”**  
\*Sila berdaftar di Pusat Khidmat ADUN atau Penyelaras KADUN berdekatan anda



# MBPP cemerlang peringkat negeri, kebangsaan

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**  
 Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

**GEORGE TOWN** - Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) merangkul dua Sijil Penghargaan Pelaksanaan Inisiatif Pembangunan Kejiranan Hijau 2017 iaitu Penyediaan Laluan Basikal dan Penyediaan Laluan Pejalan Kaki bagi Kategori Bandar Raya baru-baru ini.

Penghargaan tersebut diterima pihak berkuasa tempatan (PBT) berkaitan bersempena sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia Tahun 2017 anjuran Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) sebelum ini. Majlis penyampaian hadiah telah diadakan di Johor Bahru, Johor pada 11 November lalu.

Datuk Bandar MBPP, Dato' Maimunah Mohd. Sharif ketika mengumumkan perkara itu berkata, kemenangan tersebut membolehkan MBPP menerima sijil penghargaan dan wang tunai.

"Selain sijil penghargaan,



**MAIMUNAH Mohd. Sharif (depan bertudung merah jambu) bersama-sama ahli-ahli majlis dan Ketua-ketua Jabatan MBPP menunjukkan pelbagai sijil, piala dan replika cek dimenangi PBT berkaitan di sini baru-baru ini.**

bagi setiap kategori berkaitan, MBPP masing-masing menerima wang tunai berjumlah RM4,500," ucapnya pada Mesyuarat Biasa Majlis (MBM) MBPP di sini baru-baru ini.

Mengulas lanjut, Maimunah memberitahu, MBPP turut menunjukkan pencapaian

memberangsangkan apabila menggendol beberapa anugerah lain di peringkat negeri dan kebangsaan.

Katanya, Pasar Chowrasta MBPP telah dipilih untuk menerima *The Edge Malaysia-PAM Green Excellent Award 2017* dan Medan Selera Bukit

Gedung (Naib Johan (Kategori B) Anugerah Medan Selera Bersih, Selamat dan Sihat oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dengan kerjasama KPKT).

"Pada Majlis Sambutan Hari Tandas Sedunia 2017 Peringkat Pulau Pinang, Majlis menerima anugerah bagi Kategori Tandas

Awam PBT yang mana Tandas Awam Astaka Desa Pasar Ayer Itam dinobatkan sebagai johan, Tandas Awam Astaka Desa Mayang, Bayan Baru (naib johan) dan Tandas Awam Pantai Miami (saguhati).

"Hadiah diterima adalah berupa piala serta sijil penghargaan," ujarnya.

Selain itu, tambah Maimunah, MBPP turut memenangi lima anugerah lain iaitu, Johan Pertandingan Kawad Merdeka Tahun 2017 Peringkat Negeri Pulau Pinang; Anugerah Pavilion Terbaik sempena *The 7th International Green Tech & Eco Products Exhibition & Conference Malaysia 2017 (IGEM)*; johan Pertandingan Persembahan Kategori Berkumpulan; Johan Tiru Gaya Artis dan *Green Pinang Awards Gala 2017*.

"Bagi Green Pinang Awards Gala 2017, sebanyak 13 jabatan MBPP telah menerima pengiktirafan sebagai *Penang Green Office* yang mana penganugerahannya disampaikan sendiri oleh Y.A.B. Ketua Menteri pada 22 November lalu," jelasnya.

## Garis panduan baharu kafe haiwan peliharaan bermula 2018

**GEORGE TOWN** - Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) bakal melaksanakan garis panduan baharu terhadap pengusaha-pengusaha kafe haiwan peliharaan (*pet cafe*) sebelum membenarkan perniagaan tersebut beroperasi di sini.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kesihatan Awam MBPP, Ong Ah Teong berkata, langkah tersebut diambil bagi mengelakkan penularan sebarang penyakit-berjangkit ekoran operasi kafe seumpamanya semakin popular kini.

"Kita (MBPP) ada garis panduan baharu yang mana sekiranya pemilik ingin membuka kafe haiwan peliharaan, ia mesti di lokasi komersial.

"Kedua, haiwan mesti ditempatkan berasingan daripada ruang makan pelanggan, yang mana haiwan-haiwan ini tidak boleh bercampur atau berada sekali dengan pengunjung di tempat makan.

"Mereka (pengunjung) dibenarkan bermain dengan haiwan-haiwan tersebut, tetapi tidak boleh membawa bersama haiwan ke ruang makan bagi mengelakkan penyakit-berjangkit dan kebersihan (ruang makan) ruang itu sendiri," jelasnya pada sidang media di sini sambil menasihatkan supaya pengunjung menitikberatkan soal kebersihan selepas bermain dengan haiwan-haiwan berkaitan di kafe sedemikian.

Hadir sama, Datuk Bandar MBPP, Dato' Maimunah Mohd. Sharif.

Menurut Ah Teong, pengusaha mesti memastikan haiwan-haiwan di dalam premis kafe mendapat suntikan serta mempunyai pasport dan lesen daripada Jabatan Perhilitan.

"Setiap permohonan kafe haiwan peliharaan yang dihantar, MBPP akan agihkan kepada jabatan-jabatan terlibat seperti Jabatan Perhilitan dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar untuk diteliti terlebih dahulu sebelum lesen dikeluarkan.

"Bayaran permohonan lesen masih sama dengan komersial, tetapi untuk perniagaan sebegini, Majlis akan mengenakan deposit berjumlah RM2,000.

"Deposit ini adalah sebagai langkah kawalan sekiranya pengusaha tidak mengikuti garis panduan yang telah ditetapkan," jelasnya.

Mengikut data MBPP, kini terdapat sekitar 10 kafe haiwan peliharaan yang beroperasi di sini.

Mengulas mengenai perkara tersebut, Maimunah menyatakan bahawa garis panduan tersebut bakal dilaksanakan bermula tahun hadapan (2018).

"Tahun-tahun sebelum ini memang tidak ada sebarang garis panduan berhubung kafe haiwan peliharaan.

"Jadi, MBPP menggalakkan semua kafe haiwan peliharaan yang telah beroperasi agar membuat permohonan semula dan menepati garis panduan yang akan berkuatkuasa tahun hadapan," seru beliau.

## MPSP pandang serius operasi pusat tahfiz tanpa kelulusan Bomba - Rosnani

**SEBERANG JAYA** - Setiausaha Perbandaran Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Ir. Rosnani Mahmod berkata, pihaknya memandang serius pusat tahfiz yang beroperasi secara tidak sah serta tiada kelulusan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (Bomba) di sini.

"Kita (MPSP) memandang serius perkara ini, dan saya pun telah berbincang dengan Bahagian Kerajaan Tempatan di Komtar.

"Mereka (Bahagian Kerajaan Tempatan) akan mengadakan satu perbincangan dengan pihak JAKIM (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia) bagi mendapatkan maklum balas lanjut mengenai syarat-syarat untuk mendaftarkan pusat tahfiz.

"Kalau ada syarat untuk mendapatkan ulasan Bomba, ertinya aspek keselamatan itu diambil kira, tetapi buat masa ini kita (MPSP) pun tidak mengetahui syarat-syarat (permohonan bagi pusat tahfiz) ini," jelasnya dalam sidang media bersama-sama Yang di-Pertua MPSP, Dato' Sr. Rozali Mohamud di Kompleks Ibu Pejabat MPSP dekat Bandar Perda di sini 27 November lalu.

Menurut Rosnani, MPSP memandang serius isu berbangkit berkaitan kerana tidak mahu kejadian lebih 20 pelajar Pusat Tahfiz Darul Quran Ittifaqiyah dekat Kuala Lumpur yang terkorban pada September lalu, dikatakan tiada kelulusan Bomba, berulang di Pulau Pinang.

Sebelum itu, beliau dalam sesi soal jawab lisan Mesyuarat Biasa Majlis (MBM) memberitahu, setakat ini MPSP hanya menerima satu sahaja permohonan untuk operasi pusat tahfiz.

"(Pusat tahfiz) yang berdaftar dengan JAKIM dalam portalnya pada 22 November lalu, di rumah kedai ada empat sahaja, dua di SPT (Daerah Seberang Perai Tengah) dan dua lagi di SPS (Seberang Perai Utara)

"Yang beroperasi tanpa lesen, bagi kita (MPSP), iaitu dalam proses mendaftar dan tidak mendaftar, (menurut) portal JAKIM ini...pegawai kita pergi semak dan memang beroperasi, di SPU ada 11, di SPT (2) dan di SPS (3)," jelas beliau.



9<sup>th</sup> PENANG INTERNATIONAL حلال  
PIHEC 2018

# Halal Expo & Conference

**26-28 JAN. 2018**

**SPICE ARENA  
PULAU PINANG**

EKSPLO DAN PERSIDANGAN HALAL  
ANTARABANGSA PULAU PINANG KALI KE-9

ANJURAN:



**04-262 5444**



**www.pihec.com.my**

# Naik taraf saluran parit atasi banjir

Teks & Gambar : **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS**

**GEORGE TOWN** - Sebagai inisiatif mengatasi kejadian banjir kilat di sebahagian Lebuhraya McNair, Jalan Magazine hingga Lebuhraya Tye Sin, kerja menaik taraf saluran parit-parit berkaitan dijangka bermula pada April 2018.

Ahli Parlimen Tanjung, Ng Wei Aik ketika mengumumkan perkara tersebut berkata, kerja-kerja menaik taraf yang dijangka siap pada Oktober 2018 adalah termasuk melebarkan keluasan parit sedia ada yang kini hanya bersaiz 0.3 meter.

“Parit di kawasan sekitar ini adalah bersaiz kecil iaitu 0.3 meter sahaja, dan ia menjadi antara faktor air cepat bertakung dan mengambil masa yang agak lama untuk surut.

“Komponen lain bagi kerja-kerja menaik taraf adalah termasuk menggantikan pembentung kotak (*box culvert*) berukuran 0.9 meter lebar; kemudahan laluan untuk pejalan kaki serta perabot jalan seperti bebendul jalan (*kerb*), pracampuran (*premix*) dan garisan jalan,” katanya pada sidang media di salah sebuah lokasi di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pengkalan Kota, Lau Keng Ee dan Ahli Majlis Majlis Bandaraya Pulau Pinang, Wong Yue Harg.

Mengulas lanjut, Wei Aik memberitahu, dianggarkan projek berkaitan bakal melibatkan kos berjumlah RM400,000 dengan mengambil kira Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) 6 peratus yang terpaksa dibiayai MBPP.


Sementara itu, Keng Ee menyatakan bahawa pihaknya akan berkerjasama dengan MBPP bagi memantau pokok-pokok yang menjalar besar di



NG Wei Aik (kiri) dan Wong Yue Harg menunjukkan salah satu saluran di sini baru-baru ini.

kawasan ini.

“Tujuannya adalah bagi mengelakkan pokok-pokok ini daripada tumbang sehingga membahayakan para pengguna jalan raya



KEADAAN saluran parit kini.

terutamanya pejalan kaki.

“(Dan) hari ini, sebanyak 25 batang pokok jenis *Takoma* dan *Bushida* telah ditanam di sekitar kawasan ini,” jelasnya.

## ADUN Seberang Jaya agih bantuan tilam kepada mangsa banjir

**SEBERANG JAYA** - Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin merakamkan penghargaan kepada seluruh warga Seberang Jaya terutama mereka yang mengambil bahagian dalam pergerakan sukarelawan Pulau Pinang Bangkit hasil inisiatif Kerajaan Negeri baru-baru ini.

Beliau berkata demikian sebelum mengagihkan bantuan berupa tilam kepada mereka yang ditimpa bencana dalam kejadian banjir 4 November lalu.

“Sememangnya, bencana ribut dan hujan terlalu lebat selama 15 jam adalah di luar dugaan kita, kerana ini ujian daripada Allah, tapi kita (Kerajaan Negeri) akan terus menyalurkan bantuan kepada mangsa banjir.

“Di DUN (Dewan Undangan Negeri) Seberang Jaya sahaja, kita jangkakan lebih 2,000 rumah terlibat (dalam bencana banjir).

“(Selain bantuan tilam ini), RM700 ‘one-off’ merupakan bantuan daripada Kerajaan Negeri, bantuan terbesar yang diberikan oleh Kerajaan Negeri di Malaysia untuk mangsa bencana banjir,” katanya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya pada majlis berkaitan di sini baru-baru ini.

Dalam pada itu, Afif turut merakamkan penghargaan kepada

anggota Parti Keadilan Rakyat (PKR), Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) serta agensi-agensi Kerajaan yang saling bertungkus-lumus memindahkan mangsa-mangsa banjir serta mengagihkan bekalan makanan berwajib sepanjang tempoh bencana.

Tambah beliau, walaupun Kerajaan Negeri sendiri

meluncurkan program ‘Pulau Pinang Bangkit’ untuk memulihkan keadaan rakyat di negeri, namun Kerajaan Negeri masih mengharapkan pemberian RMI bilion peruntukan projek-projek rancangan tebatan banjir (RTB), seperti yang telahpun dijanjikan oleh Kerajaan Pusat sebelum ini.



# TABUNG USAHAWAN TANI MUDA NEGERI PULAU PINANG

BORANG-BORANG BOLEH  
DIDAPATI DI:

**JABATAN PERTANIAN**  
+04-537 2142

**JABATAN PERIKANAN**  
+04-657 2777

**JABATAN  
PERKHIDMATAN VETERINAR**  
+04-508 4368

(Sambungan dari muka 1).

# Sukarelawan kongsi pengalaman tempuh banjir setinggi 6 kaki

Selain Pengakap, kata Wei Hong, anggota Persatuan Sukarelawan Bomba dan Penyelamat serta Kadet Remaja Sekolah (KRS), kira-kira 20 anggota lain turut 'berkampung' di Pusat Bekalan Bantuan Bencana Banjir selama dua minggu di sini.

"Di bawah Tuan Lay (Hock Peng), pusat bantuan ini merupakan yang terakhir ditutup di Pulau Pinang, dan saya serta rakan-rakan anggota sukarelawan lain gembira kerana dapat mengambil bahagian sehingga saat akhir di sini.

"Dengan pengalaman kecil ini, kalau diperlukan lagi tenaga sukarelawan, saya dan rakan-rakan Pengakap lain bersedia untuk menawarkan diri lagi," katanya dalam perasaan gembira kerana dapat membantu mangsa-mangsa bencana banjir baru-baru ini.

Sebelum itu, Hock Peng berkata, pihaknya telah membuat persiapan menubuhkan GSB Kawasan Parlimen Kepala Batas pada 4 November lalu.

"Kita panggil seluruh JKKK (Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti) untuk membuat persiapan asas pada hari ribut dan hujan turun terlalu lebat.

"Tapi, saya sendiri seperti semua dan Kerajaan Negeri, memang tidak menyangka ada kawasan di Daerah Seberang Perai Utara (SPU) seperti Tasek Gelugor dan Permatang Pauh dan beberapa kawasan di SPS (Seberang Perai Selatan) banjir sampai setinggi enam kaki.

"Kebanyakan kawasan di Parlimen Kepala Batas, di KADUN (Kawasan Dewan Undangan Negeri) Penaga dan Bertam sendiri banjir teruk sampai paras pinggang sahaja, tapi apabila tahu ada kawasan di Tasek Gelugor air naik sampai enam kaki, memang kita hantar sukarelawan kita ke sana.

"JKKK kita membantu tidak kira kaum atau agama, nampak semangat Malaysia dan Pulau Pinang, saya harap (tenaga kerja) sukarelawan sebegini boleh dibentuk lagi jika diperlukan untuk menghadapi bencana," jelasnya dalam nada terharu.

**HAFIZI HALIM**, 33, merupakan seorang lagi anggota sukarelawan, turut berkongsi pengalaman peribadi sebagai Pengurus Pentadbir GSB di Kampung Belah Dua.

Hafizi, anggota JKKK Kampung Belah Dua, mengaku bahawa penglibatan dalam gerakan sukarelawan bencana banjir baru-baru ini adalah 'sesuatu yang baru' baginya.

"Banjir yang didepani setakat pinggang, dan Kampung Besar paling teruklah.

"Di Kampung Belah Dua ini sudah 13 tahun tidak pernah berdepan banjir seteruk baru-baru ini, tapi ini paling teruk yang pernah saya alami," jelasnya.

**ANG LING ZHAO**, 17, yang ditemui kemudian turut melahirkan rasa gembira kerana diberi peluang untuk mengambil bahagian dalam GSB Parlimen Kepala Batas.

"Saya terlibat di Permatang Pauh, Tasek Gelugor dan Bumbung Lima, banjir (pada) paras pinggang sahaja.

"Kami anggota KRS boleh terlibat apabila rakan saya dari Pengakap minta dibantu.

"Dua minggu kami ke sana (kawasan bencana) bantu pindah mangsa dan agih makanan ke pusat-pusat pemindahan.

"Saya begitu seronok, kerana dapat membantu mereka yang saya sendiri tak pernah kenal, sama Melayu, Cina dan sebagainya.

"Saya begitu gembira kerana diberi peluang ambil bahagian dalam kerja-kerja sukarelawan, redah banjir, bantu pindah mangsa banjir," jelas beliau.



**YANG di-Pertua Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) bersama-sama kakitangan Majlis dan barisan sukarelawan program Pulau Pinang Bangkit.**



**PARA sukarelawan giat menjalankan kerja-kerja pembersihan.**



**KAKITANGAN Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) bertungkus-lumus membersihkan kesan-kesan pasca banjir.**



**HAFIZI Halim.**



**CHAN Wei Hong.**



**ANG Ling Zhao.**